

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 44

Isnin

3 September 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Tindakan Anggota Polis Terhadap Donald Pieters Luther Kolopita	
- <i>Y.B. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang)</i>	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 29)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007	(Halaman 29)
USUL:	
Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1)	(Halaman 35)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 3 September 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah hak eksklusif mengimport beras akan disambung pemberiannya kepada BERNAS memandangkan tempohnya akan tamat tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mah Siew Keong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab secara bersekali soalan daripada Yang Berhormat Arau pada 3 September 2007, Yang Berhormat Putatan pada 5 September 2007 dan Yang Berhormat Jasin pada 4 Disember 2007 kepada perkara yang dibangkitkan kerana melibatkan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, BERNAS telah diberi hak sebagai pengimport tunggal untuk membawa masuk beras ke negara selama 15 tahun mengikut perjanjian yang dimeterai pada 12 Januari 1996 di antara kerajaan dengan BERNAS dan akan tamat pada 11 Januari 2011.

Sebelum perjanjian ini ditamatkan pihak kementerian telah mula mengumpul maklum balas daripada pelbagai pihak dan pengilang padi yang terlibat dalam penyediaan penilaian berhubung dengan peranan dan sumbangan BERNAS kepada industri padi dan beras negara. Hasil kajian ini akan menjadi asas untuk kerajaan membuat keputusan sama ada BERNAS akan dikekalkan sebagai pengimport beras tunggal ataupun diberi peluang kepada pengimport beras yang lain. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas jawapan oleh Berhormat Timbalan Menteri dari Teluk Intan.

Tuan Yang di-Pertua, jika diambil kira masa yang telah diambil oleh BERNAS dari awal hingga sekarang, saya rasa BERNAS kurang berjaya mencapai hasrat rakyat untuk menstabilkan keadaan padi dan beras di negara kita. Saya berkata demikian kerana dalam masa yang sama juga banyak kilang bumiputera telah menghadapi kesusahan dan banyak lagi telah 'bungkus' dan tutup. Jadi, cara manakah BERNAS boleh menghidupkan dan membesarkan operasi kilang-kilang bumiputera jika disambung semula. Jika tidak disambung pula, bolehkah kerajaan adakan dua atau tiga syarikat supaya persaingan dari segi kualiti, harga dan perkhidmatan akan diadakan di antara syarikat-syarikat demi untuk masa depan negara kita. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih, Yang Berhormat dari Arau. Berkaitan dengan pekilang bumiputera yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya hendak menegaskan bahawa bantuan kewangan modal untuk pembelian kepada pekilang bumiputera masih dikekalkan hari ini. Sebagai untuk pengetahuan Yang Berhormat, melalui skim pusat belian, BERNAS bukan sahaja mengurus atau membiayai kilang-kilang bumiputera yang diwarisi tetapi juga membantu dari segi pemasaran.

Mengikut rekod, apabila BERNAS mengambil alih dari Lembaga Padi Negara pada masa itu ada 40 buah kilang. Hingga ke hari ini masih ada 37 buah kilang, tetapi pada masa yang sama pada tahun 2005 BERNAS juga telah menolong mendirikan 10 buah lagi kilang bumiputera melalui Program Rakan Kilang BERNAS. Dalam tahun ini tiga pekilang bumiputera akan diwujudkan iaitu satu di Selangor dan dua di Terengganu.

Oleh itu, ini adalah di antara usaha yang BERNAS juga bersetuju mengadakan satu pelan komprehensif bukan sahaja dari segi *working capital* tetapi juga dari segi pemasaran untuk memastikan kilang-kilang bumiputera ini berjaya dan mereka sedang membuat banyak lagi rancangan untuk menolong pekilang-pekilang bumiputera ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira BERNAS hari ini sudah tidak 'bernas' lagi. Kalau kerajaan menyambung lagi monopoli yang didapati oleh BERNAS, saya kira sudah tidak sesuai lagi pada zaman moden ini apatah lagi kita sudah 50 tahun merdeka.

BERNAS pada hari ini hanya pentingkan keuntungan. Dia bukan kira tentang petani, tentang pekilang-pekilang kecil ini. Tidak. Apa yang dia penting ialah keuntungan supaya *shareholders* dia dapat untung yang besar pada akhir tahun. Baru-baru ini dia naikkan harga beras pun dia tidak rujuk kepada kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya kira sudah sampai masa dan ketikanya kerajaan berhentikan monopoli BERNAS ini dan wujudkan dua atau tiga pesaing kepada pembekalan beras negara supaya petani dapat untung dan pengguna pun mendapat faedahnya. Apa pendapat kementerian? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih atas pendapat Ahli Yang Berhormat. Seperti yang saya tegaskan kementerian sekarang mengambil maklum balas daripada semua pihak dan juga daripada Ahli Parlimen sebelum membuat keputusan.

■ 1010

Tetapi saya juga hendak memberitahu bahawa beras adalah makanan yang strategik kepada negara dan selalunya apabila kita ada yang anggap BERNAS sebagai syarikat yang hanya menjaga keuntungan. Tetapi sebenarnya bagi saya, peranan BERNAS adalah lebih penting dari segi sosial kerana antara beberapa peranan yang BERNAS mesti buat adalah memastikan harga beras yang berpatutan dan juga mengadakan *stockpile* yang mencukupi dan juga mereka adalah pembeli terakhir beli dari petani pada harga minimum yang terjamin. So, ini antara peranan BERNAS yang mungkin banyak yang tidak tahu.

Kita pada baru-baru ini, kita tahu bahawa BERNAS telah membuat satu persetujuan dengan kementerian supaya pada masa depan merujuk kepada kementerian sebelum menaikkan apa-apa harga beras. Ini adalah sangat penting.

Saya juga hendak memberitahu ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut laporan dengan izin, Robert Ziegler, Director General of International Rice Research, dia telah membuat satu *report* bahawa harga beras antarabangsa telah naik dua kali ganda dalam dua tahun ini dan urea telah naik tiga kali dan *stockpile* dunia adalah yang terendah sekali. Oleh itu, pada masa ini beras sebagai makanan strategik negara adalah begitu penting. Ini adalah tanggungjawab yang mesti dibebankan oleh BERNAS supaya negara kita tidak ada masalah dari *supply* dan tidak ada masalah dari harga beras tertinggi. Terima kasih.

2. **Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebagai pengerusi OIC, tindakan diambil oleh OIC dan 'The World Islamic Call Society' untuk menggariskan keutamaan dari segi ekonomi, politik, pendidikan dan kebudayaan agar pemimpin-pemimpin negara Islam dapat mengambil tindakan sewajarnya. Adakah kata sepakat telah tercapai untuk tidak hanya berdakwah Islamiah semata-mata dan bersengketa sesama sendiri tetapi meningkatkan erti Islam secara holistik.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin sebelum saya menjawab soalan ini untuk saya mengalu-alukan kehadiran ketua dan ahli-ahli rombongan MCA dari kawasan parlimen Kota Tinggi ke dewan ini.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Langat atas soalan yang dikemukakan. Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, OIC telah ditubuhkan untuk mencari kesepakatan dan mengambil tindakan bersama dalam isu melibatkan umat Islam dalam negara Islam ataupun di mana umat Islam adalah golongan minoriti. Semenjak ia ditubuhkan, OIC telah berhadapan dengan pelbagai cabaran bagi ditangani secara berkesan.

Di peringkat awal, keutamaan OIC adalah ditumpukan kepada perjuangan rakyat Palestin bagi menubuhkan negaranya sendiri dan menentukan yang masjid Al-Aqsa akan dikembalikan semula kepada umat Islam. Isu ini menjadi penggerak utama kepada OIC. Sejak daripada itu, pelbagai isu-isu baru yang lain telah timbul mengenai ketidakadilan yang berlaku terhadap umat Islam dan negara Islam dan kadangkala berkenaan dengan soal konflik yang berlaku di kalangan umat Islam sendiri.

Selepas September 11, umat Islam berhadapan dengan imej dan persepsi negatif terhadap agama dan umat Islam. Oleh itu, perjuangan OIC pada hari ini adalah untuk membetulkan persepsi negatif dan juga mengangkat martabat umat Islam di kalangan masyarakat antarabangsa. Kini tekanan adalah tertumpu kepada isu yang lebih luas dan holistik lagi merangkumi soal ekonomi selain daripada isu politik, sosial dan budaya. Tujuan kita adalah bagi menjamin bina upaya dan modal insan umat Islam yang dapat beroperasi dalam dunia yang berteraskan ilmu serta sains dan teknologi.

Seterusnya Deklarasi Kuala Lumpur yang dibuat pada Oktober 2003 menggariskan pelan tindakan dan penubuhan kumpulan orang-orang ternama bagi merencana masa depan OIC dan umat Islam. Hasil daripada itu, ia akhirnya mencetuskan Deklarasi Mekah pada Disember 2005 yang bertujuan untuk membuat anjakan paradigma secara berpadu bagi mengangkat maruah dan martabat umat Islam supaya ia tidak terpinggir dan tersisih dari arus pembangunan dunia. Di masa yang sama, mengelakkan berlakunya perpecahan di kalangan ummah semata-mata kerana perbezaan pendapat.

Pada semalam dan hari ini, Perdana Menteri kita telah dapat menganjurkan satu lagi seminar dan perbincangan mengenai bagaimana hendak menggerakkan Deklarasi Mekah dan insya-Allah pada hari ini kita akan dapat rumusan-rumusan yang bertujuan untuk mengangkat dan menentukan umat Islam dapat berjaya di dalam dunia yang berteraskan kepada kekuatan ekonomi.

Berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh 'The World Islamic Call Society' Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa pertubuhan ini telah membantu umat Islam di merata tempat. Walau bagaimanapun, ia adalah satu pertubuhan yang dipelopori oleh Kerajaan Libya dan aktiviti-aktiviti pertubuhan ini dibiayai sepenuhnya oleh negara tersebut. Ia dapat sedikit sebanyak *compliment*, dengan izin, aktiviti yang dilaksanakan oleh OIC seperti mana yang dilaksanakan oleh agensi lain yang diwujudkan oleh negara Islam. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih kepada menteri yang hadir sendiri untuk menjawab soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, ramai suara-suara sumbang secara sinis memperlekehkan persatuan negara Islam kita sebagai '*Oh I see*'. Oleh sebab itu, sebagai seorang menteri yang berpengalaman, baik dalam bidang rumah tangga, *baiti jannati* mahupun di arena antarabangsa, apakah suntikan rangsangan yang boleh dibuat supaya tidak lekas mengendur?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau pada masa yang lampau, ahli Yang Berhormat akan melihat OIC sebagai satu organisasi yang berteraskan kepada politik tetapi pada masa kini ia melibatkan dengan kerjasama dalam bidang ekonomi, kewangan dan perdagangan. Hasil daripada itu, kita melihat bahawa dengan kekayaan yang baru oleh kerana harga minyak dan gas yang begitu meningkat, Malaysia sendiri telah dapat banyak manfaat hasil daripada pelaburan negara-negara OIC yang berjaya tetapi kita mesti perlu mengadakan langkah-langkah bagi mengeluarkan negara-negara OIC dari tahap kemiskinan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apabila Nabi Muhammad s.a.w. berperang dengan orang luaran kerana mempertahankan Islam, peperangan yang besar kata nabi ialah peperangan dalaman. Pada masa sekarang kita juga melihat OIC dalam menyelesaikan masalah dalaman Islam itu sendiri nampaknya kurang berjaya oleh kerana perbezaan pendapat dan pendirian dalam segi agama. Dalam keadaan sedemikian, berjayakah Malaysia mempelopori satu pemikiran menerusi instrumen antarabangsa Islam hadhari untuk mempelopori pendapat supaya peperangan dalaman ini boleh dapat mengatasi masalah peperangan dalaman OIC dan antara masyarakat Islam antarabangsa dan juga supaya dipandang oleh orang luar tidak sebagai bergaduh dalaman dan tidak boleh mendekati diri dengan orang luaran. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih ahli Yang Berhormat. Pada hari ini sebagaimana kita maklum bahawa melalui Deklarasi Mekah, tujuannya ialah untuk mempunyai tindakan secara kolektif dalam isu-isu yang melibatkan perbezaan sama ada kerana ajaran atau mazhab atau perkara-perkara lain yang boleh membawa kerenggangan di kalangan umat Islam atau menimbulkan konflik.

Sebagaimana kita sedia maklum, Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah mempelopori satu pendekatan yang dipanggil pendekatan 'Islam Hadhari' iaitu berasaskan pada ketamadunan dan untuk membetulkan persepsi yang negatif terhadap umat Islam dan saya anggap kalau kita asaskan daripada jemputan dan ceramah-ceramah Yang Amat Berhormat turut serta dan pandangan-pandangan yang telah beliau berikan, pendekatan Islam hadhari ini adalah satu pendekatan yang akan membawa kesan yang menguntungkan umat Islam untuk membawa dan mengelakkan jurang perbezaan yang luas. Oleh itu, dia ada kebaikan yang telah berlaku hasil daripada apa yang telah diambil tindakan.

3. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah di antara syor-syor yang bakal dipertimbangkan oleh kerajaan untuk memperbaiki disiplin para pelajar di sekolah yang pada akhir-akhir ini nampaknya semakin menurun.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Gerik. Tuan Yang di-Pertua, terdapat lapan pertanyaan yang ditimbulkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat berhubung tindakan dalam menangani masalah disiplin murid di sekolah-sekolah. Pertanyaan-pertanyaan tersebut daripada Yang Berhormat Gerik pada hari ini, Yang Berhormat Papar pada 29 Oktober 2007, Yang Berhormat Serian (12 November). Yang Berhormat Lubok Antu (14 November), Yang Berhormat Pasir Mas (3 Disember). Yang Berhormat Ketereh (4 Disember), Yang Berhormat Lanang (10 Disember) dan Yang Berhormat Lipis (12 Disember). Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara serentak kerana ianya mengenai isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada memorandum menangani gejala disiplin di sekolah yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri, kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM6.1 juta bagi melaksanakan program-program tambahan yang telah dirangka di bawah Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin yang diwujudkan sejak tahun 2004.

Usaha-usaha tersebut telah menunjukkan keberkesanan dalam mengatasi disiplin murid. Perbandingan kes disiplin murid bagi bulan Januari hingga Mei 2006 dan 2007 menunjukkan penurunan. Jumlah kes sebanyak 1.28% bagi bulan Januari hingga Mei 2006 telah turun kepada 1.13% pada tahun 2007. Perangkaan KPM juga menunjukkan bahawa bilangan murid yang dikenakan hukuman gantung sekolah, buang sekolah dan rotan telah menunjukkan pengurangan di mana bagi hukuman gantung sekolah telah menurun daripada 0.9% pada tahun 2005 kepada 0.4% tahun 2006.

Bagi hukuman buang sekolah, kesnya telah menurun daripada 0.4% tahun 2005 kepada 0.2% tahun 2006. Manakala bagi kes yang telah dikenakan hukuman rotan pula telah menurun daripada 3.8% tahun 2005 kepada 1.4% pada tahun 2006. Ini menunjukkan kegiatan murid yang terlibat dengan kegiatan negatif tersebut telah berkurangan. Kes buli juga telah menunjukkan penurunan daripada 0.03% tahun 2005 kepada 0.02% tahun 2006.

Manakala jumlah aduan disiplin yang kita terima juga telah menunjukkan penurunan daripada Januari hingga Jun 2006, jumlah aduan yang kita terima adalah sebanyak 93 aduan dan telah pun menurun kepada hanya 58 aduan sahaja dalam tempoh yang sama pada tahun ini.

Sungguhpun isu tersebut dapat dibendung tetapi pihak KPM masih belum berpuas hati sepenuhnya. Beberapa langkah telah pun diambil untuk menangani masalah disiplin murid. Di antaranya:

- (i) KPM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka termasuk pihak pengurusan sekolah yang terlibat sekiranya terdapat kecuaiannya mereka menguruskan disiplin murid di sekolah. Kursus-kursus menangani

masalah disiplin murid akan dipertingkatkan di kalangan pengurusan sekolah;

- (ii) mengkaji semula undang-undang dan peraturan disiplin murid di sekolah iaitu Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah tahun 1959) supaya ianya lebih komprehensif dan dapat menangani disiplin pelajar;
- (iii) pihak sekolah juga digalakkan untuk berbincang dan bertindak bersama pihak luar seperti PDRM, PIBG, jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan, pihak berkuasa tempatan (PBT), badan-badan bukan kerajaan, kepimpinan masyarakat setempat seperti Penghulu, Ketua Kampung, JKKK dan lain-lain yang berkaitan dalam usaha mengatasi gejala disiplin murid di sekolah ataupun di luar sekolah;
- (iv) pelajar-pelajar yang terlibat dengan kes disiplin akan diberi motivasi melalui program jati diri yang dilaksanakan di pusat-pusat kurikulum di seluruh negara.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil, KPM berkeyakinan masalah disiplin di kalangan murid akan dapat kita atasi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Gerik?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua melalui satu kaedah disiplin yang menggabungkan dua dalam satu itu memberi *carrot* dan juga *stick* sekali gus ataupun memberi ganjaran bagi yang baik dan dikenakan rotan bagi yang jahat. Namun begitu, hari ini kemungkinannya bahawa memberi rotan itu semakin lama semakin berkurangan dan kita lebih banyak memberi ganjaran-ganjaran.

Salah satu di antara rotan yang kita lalui dahulu ialah *public canning* dan hari ini barangkali saya kira ini tidak lagi boleh digunakan dan saya ingin mendapat pandangan daripada Kementerian Pelajaran adakah ia mengambil pertimbangan memperkenalkan semula *public canning* kerana kita semua menjadi baik. Salah satu daripada faktornya ialah adanya tindakan-tindakan yang seperti ini yang menakutkan. Kita takut kepada guru tetapi kita hormat kepada guru kerana tindakan-tindakan disiplin. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kuasa merotan telah pun sedia ada di kalangan yang diberikan kuasa ini kepada pengetua ataupun guru besar sejak kita menggunakan Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah tahun 1959) lagi. Namun peraturan-peraturan ini agak longgar sebab itu pada tahun 2003, satu pekeliling telah pun kita keluarkan iaitu pihak Kementerian Pelajaran di mana di dalam pekeliling ini telah pun dinyatakan secara agak terperinci bagaimanakah cara guru-guru merotan pelajar-pelajar.

Oleh kerana tindakan merotan ini bukannya hanya untuk menghukum tetapi untuk mendidik maka dalam peraturan 2003 itu telah pun dinyatakan bahawa rotan di khalayak ramai

tidak dibenarkan melainkan rotan mestilah di dalam bilik guru dan juga disaksikan oleh seorang guru.

Mengenai pandangan Yang Berhormat sama ada *public canning* ataupun pukul di khalayak ramai ini patut ataupun perlu dikembalikan, saya kira ini pun salah satu yang sedang kita bincang dan kita kena ambil kira Yang Berhormat kerana semasa peraturan 1959 itu diwujudkan, pada masa itu belum ada lagi Akta Kanak-kanak 2001, belum ada lagi Konvensyen Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Di dalam penggubalan ataupun di dalam kajian semula undang-undang ini semua peraturan-peraturan tersebut akan diambil kira supaya ia bersesuaian dan juga tidak bercanggah dengan akta-akta yang sedia ada. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bila dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan langkah-langkah yang kerajaan telah ambil untuk menghadapi masalah disiplin ini, saya agak gembira dan nampak ada kejayaan pengurangannya tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa yang peliknya masalah disiplin ini tidak berlaku di sekolah budak-budak jahat.

Masalah disiplin ini berlaku di sekolah budak-budak baik seperti di sekolah agama, di sekolah asrama penuh, di sekolah yang telah terpilih maknanya budak-budak baik yang masuk ke sekolah kemudian ada masalah disiplin, masalah *ragging*, sampai dera, sampai bunuh.

Apakah di sekolah asrama penuh ini atau di sekolah budak-budak baik ini, budak-budak baik jadi jahat? Itu persepsi yang dilihat oleh masyarakat tetapi ini semua kita ketahui sebenarnya kerana surat khabar yang timbulkan. Soalan tambahan saya, saya hendak tanya apa sebenarnya yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah publisiti yang kecil dibesarkan, yang besar dkecilkan dan juga masalah budak-budak baik yang datang dari berbagai-bagai negeri ini seperti daripada Kelantan, Terengganu, Johor pergi duduk di sebuah sekolah baru bertemu, ada budaya yang berbeza, ada sifat-sifat yang berbeza kemudian berlaku pergaduhan, yang itu yang perlu diatasi yang sebenarnya Yang Berhormat. Boleh jelaskan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh yang prihatin mengenai disiplin pelajar-pelajar. Sebagaimana yang kita sedia maklum masalah disiplin pelajar-pelajar ini memang masalah yang berterusan tetapi ada sedikit dakwaan Yang Berhormat mengatakan masalah disiplin ini di kalangan sekolah agama ataupun sekolah berasrama penuh, memang kurang tepat sebab daripada laporan yang kita dapat ia berlaku di semua sekolah tidak kira sama ada sekolah agama atau sekolah asrama penuh termasuklah sekolah-sekolah harian.

Yang kedua, masalah Yang Berhormat bangkitkan tadi ialah mengenai asrama, ini biasa. Bukan biasa, selalu kita juga pernah tinggal di asrama, masalah orang kata orientasi, *ragging* dan

sebagainya kita tidak nafikan memang ada juga berlaku. Untuk itu dua pendekatan telah pun kita ambil.

Yang pertama pada awal tahun sebelum sekolah bermula, kita akan panggil semua pengetua-pengetua sekolah-sekolah berasrama penuh ini menghadapi suatu kursus untuk mengingatkan pengetua-pengetua ini supaya ingatkan pelajar-pelajar mereka mengenai bahaya *ragging* ataupun orientasi dengan tema 'suka membawa duka' kerana ramai di antara mereka yang kena mula-mulanya suka-suka. Bila suka-suka *ragging* kawan-kawan, *orientate* kawan-kawan akhirnya menjadi duka apabila kemalangan yang tidak diduga menimpa.

■ 1030

Yang kedua, kita juga minta pengetua-pengetua daripada sekolah-sekolah berasrama ini memanggil pihak pengurusan, pihak perhubungan iaitu pegawai polis untuk memberikan ceramah dan ingatan kepada pelajar-pelajar senior sebelum pelajar-pelajar baru masuk ke sesuatu asrama di sesebuah sekolah.

Yang ketiga, Yang Berhormat bangkit mengenai media massa. Ini bagi Kementerian Pelajaran, kita sedar bahawa dulu media massa memang tidak banyak, TV pun tidak banyak, surat khabar tidak banyak. Sekarang ini banyak surat khabar. Kita tidak boleh menghalang media massa menyiarkan masalah disiplin. Di Kementerian Pelajaran juga kita sediakan laman web, *hotline*, ada sistem aduan kerana kita tidak mahu mana-mana sekolah menyembunyikan masalah-masalah disiplin ini.

Lagi banyak disiarkan, kita alu-alukan dan ini merupakan satu cabaran kepada kita untuk kita mengatasinya kerana itu lebih baik daripada kita sembunyikan di bawah karpet, akhirnya masalah disiplin kita tidak dapat atasi dan tanpa kita sedari. Terima kasih.

4. Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan punca dan tahap pencemaran buangan industri dalam negara, serta kawal selia ke atas pelepasan air kumbahan yang tidak dirawat. Sejauh mana pengawasan kualiti air sungai di seluruh negara oleh pihak JAS.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2006 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah mengenal pasti sebanyak 18,956 punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Punca-punca ini terdiri daripada 9,060 loji rawatan kumbahan, 8,543 industri pembuatan, 869 ladang ternakan babi dan 484 industri berasaskan pertanian. Pada tahun 2006 pemeriksaan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar mendapati 85% mematuhi peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling tahun 1979, dan di samping itu bagi kilang kelapa

sawit tahap pematuhan pelepasan efluen adalah 75% dan bagi kilang getah asli mentah adalah 81%.

Pelbagai langkah telah diambil bagi mengawal selia pelepasan air efluen dan kumbahan yang tidak dirawat. Antaranya termasuklah mempertingkatkan pemeriksaan penguatkuasaan ke atas premis-premis industri yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Selain itu, pemeriksaan penguatkuasaan susulan juga dijalankan ke atas premis yang mempunyai rekod pematuhan yang rendah dan surat arahan, notis arahan, denda dan tindakan mahkamah akan dikenakan ke atas premis yang gagal mematuhi keperluan perundangan tersebut.

Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan pengawasan kualiti air sungai ke atas 146 lembangan sungai yang melibatkan 1,064 stesen pengawasan di seluruh negara. Di samping itu pengawasan melalui 15 stesen automatik juga dijalankan, terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang kerja-kerja yang telah dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengawal selia kualiti air sungai di seluruh negara. Sebelum saya bertanyakan soalan, mungkin saya hendak minta pihak kementerian berikan kepada kita semua setiap negeri, satu sungai yang paling tercemar di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat banyak lagi kes-kes punca pencemaran seperti mana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita hendak tanya sama ada Jabatan Alam Sekitar benar-benar ada taring untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang telah mencemarkan air sungai, itu soalan yang sangat serius. Walau bagaimanapun saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen agar memberitahu Dewan ini, berapakah sungai yang telah menjadi sungai mati dan sungai mati menjadi sungai hidup. Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Cerita pasal taring-taring ini tidak bolehlah cerita taring-taring. Sebenarnya alam sekitar ini adalah tanggungjawab kita bersama, ia bukannya pasal kementerian ada taring, Jabatan Alam Sekitar ada taring, tapi kalau kita juga yang mencemar taring siapa kita hendak buang? Jadi maksudnya ini adalah masalah kita semua. Jabatan Alam Sekitar dan kementerian hanya di sini untuk menjalankan tugas-tugas yang tertakluk di dalam akta-akta yang telah disediakan. Apa-apa yang tiada dalam akta kita kena buat akta baru, kita kena buat undang-undang baru. Jadi sampai bila pun tidak akan berakhir.

Jadi sebab itulah pada bulan Ogos baru ini kita melancarkan Kempen Kesedaran Alam Sekitar, di mana kita akan memperkasakan Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk bersama-sama dengan kita di dalam memulihara alam sekitar kita.

Berkenaan dengan lembangan sungai yang tercemar, apabila kita bercakap berkenaan lembangan sungai, ianya termasuklah daripada punca sungai tersebut iaitu di kawasan bukit

sehinggalah ke muara sungai tersebut. Jadi apabila kita mengambil kualiti air, ianya kita ambil daripada hulu sungai sehinggalah ke muara sungai. Yang masalahnya ialah di bahagian hulu sungai sebelum adanya penempatan, sebelum adanya industri dan sebagainya, keadaan sungai adalah bersih dan tidak tercemar, tapi apabila sampai ke penghujung iaitu di muara sungai-sungai tersebut kualiti airnya amat tercemar. Terdapat 9 buah lembangan secara purata, maksud saya sungai yang tercemar di negara ini. Saya akan berikan nama sungai-sungai tersebut di setiap negeri kepada Ahli Yang Berhormat selepas ini. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar khususnya yang telah mengisytiharkan sungai yang paling bersih sekali dalam Malaysia berada di Terengganu. Berkemungkinan Terengganu belum maju, belum banyak kilang dan mungkin ia masih bersih.

Soalan tambahan saya ialah, apakah kementerian bercadang kerana masalah pengurusan sungai ini adalah satu perkara yang serius, kerana ia mempunyai hubung kait dengan pembangunan yang lain seperti penebangan hutan, pengawalan pertanian dan sebagainya supaya kita dapat mengawal kualiti air.

Jadi adakah kerajaan bercadang supaya mewujudkan sebuah lembaga ataupun autoriti pengurusan sungai dalam negara kita dengan kerjasama penuh kerajaan-kerajaan negeri, supaya kita tidak akan menjalankan usaha-usaha pembangunan sungai ini dengan secara rambang ataupun *ad-hoc*, dan kita hanya mengenal pasti sungai yang sudah mati, yang tercemar dan kita tidak ada kajian secara terperinci bagaimanakah bentuk dengan izin, *river basin* umpamanya, bagaimanakah tebingnya dan sebagainya.

Jadi dengan adanya Lembaga Pembangunan Sungai Malaysia, berkemungkinan kita dapat menguruskan dengan lebih baik. Apakah cadangan kementerian? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Dungun. Saya pun hendak ucap tahniah kepada Terengganu kerana mempunyai sungai yang terbersih walaupun tidak maju, mungkin itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dungun, tapi Kelantan pun tidak maju juga, cuma sungainya *colour* oren sepanjang tahun. Jadi kalau hendak melawat Malaysia, hendak tengok sungai-sungai oren pergi ke Kelantan, ia oren sepanjang tahun.

Jadi berkenaan dengan pengurusan lembangan sungai, sememangnya kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu pengurusan lembangan sungai secara bersepadu. Ini dilakukan oleh pihak JPS dan peringkat awal ini kita telah pun mengenal pasti negeri seperti Selangor, Kedah yang akan menyenaraikan sungai ini sebagai senarai bersama untuk dikawal selia, diuruskan oleh pihak kerajaan negeri, pihak kerajaan tempatan dan pihak Kerajaan Persekutuan. Jadi ini adalah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pihak kementerian di

dalam membantu kerajaan-kerajaan negeri menggubal enakmen-enakmen tertentu di dalam menjaga sungai-sungai kita. Terima kasih.

5. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan kemalangan di lebuh raya berikutan kes kemalangan di lebuh raya semakin tinggi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan akan meneruskan pelaksanaan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010 ke arah usaha mengurangkan kemalangan jalan raya termasuk di lebuh raya.

■ 1040

Usaha ini ditingkatkan dengan beberapa langkah proaktif. Di antara langkah-langkah yang terbaru yang telah diambil adalah:

- (i) Ops Bersih - Ops Bersih ini telah dilancarkan pada 22 Ogos dan telah berakhir pada 30 Ogos. Ops Bersih ini melibatkan 1,200 anggota Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan di seluruh negara. Operasi ini juga melibatkan pegawai penguat kuasa dari pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia, ADK, Imigresen, LPKP dan Puspakom. Operasi ini akan disambung dari hari ini 3 September sehingga 30 September tahun ini, iaitu sebelum Ops Sikap 2007; dan
- (ii) JPJ telah menempatkan pegawainya di 30 terminal bas ekspres utama di seluruh negara bagi membuat pemeriksaan ke atas bas sebelum mereka memulakan perjalanan.

Kementerian yakin dengan pelaksanaan pelan lima tahun keselamatan jalan raya dan langkah-langkah proaktif dari semasa ke semasa sasaran untuk mengurangkan kematian akibat kemalangan di jalan raya kepada dua kematian setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2010 akan tercapai.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut satu laporan daripada pihak polis baru-baru ini, ada segelintir pemandu yang terlibat dalam penggunaan dadah.

Soalan tambahan saya ialah, apakah langkah-langkah diambil oleh kementerian untuk mengesan pemandu bas yang terlibat dalam penggunaan dadah sekarang dan pada masa akan datang dan dijadikan operasi seterusnya. Saya hendak tahu, adakah pemandu-pemandu yang disahkan menyalah guna dadah masih dibenarkan terus memandu bas awam. Sekian terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang ini satu masalah yang hendak kita tangani dan untuk makluman Yang Berhormat pada operasi Ops Bersih ini kita telah pun mengesan 114 kes tangkapan narkotik *addict* oleh ADK. Di antara mereka ini adalah 19 kes pemandu bas. Kita mengambil berat tentang pemandu bas yang terlibat dalam masalah dadah ini. Jadi kalau dia didapati bersalah, kita akan mengenakan sistem *demerit* dan mengantungkan lesen mereka dan kita akan menentukan bahawa dia tidak akan memandu kerana itu adalah satu sikap yang cukup merbahaya dan itulah sebab kita menempatkan pegawai-pegawai JPJ di terminal-terminal bas di seluruh negara.

Di antara tugas-tugas mereka adalah untuk menentukan bahawa pemandu-pemandu layak untuk memandu bas sebelum dia berlepas membuat perjalanan. Jadi dengan cara ini kita berharaplah, dengan operasi-operasi yang disertai oleh pelbagai pihak dan agensi perkara ini kita dapat bendung seberapa yang boleh. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa kerap kali JPJ menjalankan ops. Ops ini menjadi macam satu *opportunity* kepada pihak-pihak mencari makan dalam proses ini dan kerap kali ops-ops ini dijalankan lepas itu dia yang telah mengakibatkan *speeding* dan sebagainya diberi saman dan dia diberi peluang untuk kompaun. Kerap kali kompaun ini bukan sahaja dikurangkan, kerap kali ia dilepaskan dengan amaran.

Macam mana kita dapat kurangkan kemalangan jika ini dibenarkan? Itu nombor satu. Nombor dua, baru-baru ini ada cadangan dari kerajaan. *No fault liability* akan diimplementasikan bermakna bahawa sesiapa juga terlibat dalam kemalangan akan mendapat pampasan. Apakah pendirian kementerian dalam mengimplementasikan proses ini kerana cadangan sistem ini sangat berjaya di negara Australia dan New Zealand yang telah mengadakan sistem ini lebih daripada 25 tahun.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Adalah tidak adil untuk Yang Berhormat membuat tuduhan melulu dan mengatakan bahawa...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu betul!

Datuk Douglas Uggah Embas: Kalau betul bagi buktilah. Kita minta Yang Berhormat jangan buat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: JPJ tahu mengenai perkara tersebut, jangan cakap tak tahu. JPJ tahu.

[*Dewan riuh*]

Datuk Douglas Uggah Embas: Bagaimana JPJ tahu? Kita juga.. jadi saya minta Yang Berhormat lebih bertanggungjawablah dari apa yang disebut tadi dan berbagai tuduhan dan kalau tidak ada bukti janganlah melemparkan tuduhan sewenang-wenangnyanya. Sikap ini tidak baik.

Untuk makluman Yang Berhormat, masa kita menjalankan Operasi Bersih ini dari 22 hari bulan, JPJ telah pun mengesan 18,240 buah kenderaan. Dari ini mereka telah mengambil tindakan kepada 2,250 kenderaan dengan jumlah kesalahan 3,465 dan jumlah saman dikeluarkan 3,036. Jadi ini adalah bukti yang nyata Yang Berhormat bahawa JPJ menjalan tugas dengan bertanggungjawab dan tidak seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No fault liability? No fault liability? No fault liability* tidak ada komen? Tidak tahu? Timbalan Menteri tidak tahu apa yang saya kata? *You don't understand?*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Tidak ada jawapan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia bukan *hands on*. Bukankah Timbalan Menteri *hands on*? Dia tidak tahu. Tak faham soalan untuk jawab ya?

6. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan jumlah tanah rizab, terutama milik Kerajaan Persekutuan dan setakat mana pembangunan telah dilaksanakan ke atas tanah rizab itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tanah rizab yang berekod di Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah 6,158 lot iaitu seluas 12,771.46 hektar. Jumlah tanah yang telah dibangunkan adalah 5,948 lot dan berkeluasan 12,191.6 hektar bersamaan dengan 96.59% dan adalah dimaklumkan di sini bahawa projek-projek pembangunan yang dilakukan di tanah-tanah rizab tersebut adalah di luar bidang kuasa kementerian ini. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu tanah-tanah rizab ini begitu banyak dan tanah sekarang telah menjadi satu harga pasaran yang begitu baik Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Apakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang membenarkan ataupun menyerahkan balik tanah-tanah tersebut yang tidak dibangunkan kepada kerajaan-kerajaan negeri tanpa sebarang tukar ganti daripada tanah ini dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab kerana ini akan mendatangkan hasil kepada kerajaan sama ada negeri ataupun Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada arahan dikeluarkan supaya tanah-tanah rizab Persekutuan ini tidak kiralah milik jabatan mana sekali pun, supaya dapat disewakan dalam tempoh jangka pendek kepada mereka yang berhasrat untuk mendirikan gerai, untuk berniaga. Tujuan untuk berniaga. Jadi ini salah satu cara tanah-tanah ini dicerobohi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab umpamanya kalau kita lihat hari ini masalah pengangguran barangkali ini boleh dicuba untuk diatasi masalah tersebut.

Jadi apakah pihak Persekutuan melihat secara serius tanah-tanah rizab yang tidak dibangunkan ini, tidak digunakan diserahkan kepada pihak-pihak tertentu untuk digunakan. Barangkali Kementerian Pelancongan boleh cuba membangunkan tanah-tanah rizab ini untuk tujuan pelancongan di semua tempat yang begitu dahagakan pusat-pusat pelancongan. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Buat masa ini Kerajaan Persekutuan belum bercadang untuk memberi balik tanah-tanah rizab tersebut kepada pihak kerajaan negeri dan tidak juga bercadang untuk memberi kepada pihak-pihak swasta untuk dibangunkan kerana ianya adalah milik kerajaan dan kerajaan tidak berniaga kiranya.

Jadi untuk sewaan kepada mereka yang ingin menyewa tanah-tanah rizab kerajaan yang belum dibangunkan itu memang Kerajaan Persekutuan ada memberi sewaan secara jangka pendek iaitu lebih kurang tiga tahun dan diperbaharui setiap tahun selepas daripada itu mengikut keperluan sama ada hendak dibangunkan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan dengan syarat pembangunan yang dilakukan di atas tanah-tanah rizab tersebut adalah pembangunan yang tidak kekal seperti gerai dan pembangunan sementara iaitu seperti *parking lot* dan sebagainya. Terima kasih.

■ 1050

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, daripada jumlah keluasan tanah rizab tersebut, adakah kerajaan atau kementerian berusaha untuk diubah kepada status kawasan hijau terutama bagi kawasan-kawasan padat? Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kawasan Bukit Tunku, kawasan Bukit Persekutuan dibangunkan sebagai kawasan perumahan sedangkan di Kuala Lumpur kita sedia maklum, telah pun padat dengan bangunan-bangunan. Kita kurang kawasan hijau untuk memelihara alam sekitar, untuk memelihara ozon. Adakah kerajaan berusaha ke arah untuk menukar status kawasan rizab berikut kepada kawasan hijau? Sekian, terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya tanah-tanah rizab kerajaan ini dimiliki oleh jabatan-jabatan tertentu di bawah Kerajaan Persekutuan dan kita di pihak kementerian hanyalah menyelia dan juga sebagai *caretaker*, jaga gerai dan sebagainya untuk pihak jabatan-jabatan tersebut. Jadi kegunaan setiap tanah itu terpulanglah kepada jabatan berkenaan tetapi apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya rasa boleh diketengahkan dan kita boleh meneliti sama ada bagi kawasan yang kurang kawasan-kawasan hijau itu kalau dia tidak hendak bangunkan mungkin kita boleh *turn into city park* dan sebagainya. Terima kasih.

7. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah projek-projek pembangunan prasarana sukan yang telah dan akan dilaksanakan di negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai peruntukan untuk kerja-kerja pembaikan, naik taraf dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sukan di negeri Sarawak iaitu di bawah Butiran Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri Sarawak dan keutamaan kerja-kerja ini meliputi kemudahan yang di bawah tadbiran pihak berkuasa tempatan serta kemudahan di peringkat negeri dan daerah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pembangunan prasarana sukan yang telah dilaksanakan di negeri Sarawak ialah:

- (i) kerja-kerja penyelenggaraan gelanggang sepak takraw Kampung Pusing;
- (ii) penyelenggaraan stadium utama negeri Sarawak sempena kejohanan Champion Year Cup (CYC).

Cadangan-cadangan projek pembangunan prasarana sukan yang akan dilaksanakan di negeri Sarawak ialah:

- (i) kerja-kerja di bawah Butiran Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri Sarawak;
- (ii) naik taraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sarawak;
- (iii) membina Kompleks Sukan Komuniti Kota Samarahan, Kompleks Sukan Komuniti Bakan, Kompleks Sukan Komuniti Mukah, Kompleks Sukan Komuniti Miri, Kompleks Sukan Komuniti Batang Sadong dan Kompleks Rakan Muda Daerah Sukan Air dan Udara Sarawak.

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Salah satu arah tuju kita ialah untuk memfokuskan dalam lapangan sukan teras. Seperti mana yang kita ketahui, hoki merupakan satu sukan teras yang kini berkembang terutamanya di kalangan wanita-wanita di Sarawak. Belia wanita kita di mana Sarawak telah mencapai dua kali pingat emas dalam sukan SUKMA, tetapi malangnya kalau dibuat perbandingan di antara Semenanjung dan Sarawak, hoki dimainkan hanya di padang *turf* ataupun *astro-turf* dan kita di Sarawak hanya dapat satu padang ataupun stadium hoki tetapi kawasan yang besar menyebabkan sekarang ini Sarawak menghadapi masalah untuk mengembangkan sukan hoki.

Jadi adakah perancangan kementerian untuk memberi peruntukan kepada kerajaan negeri bagi membina *turf* terutamanya di Miri dan di Sibu supaya sukan hoki ini dapat dikembangkan lagi untuk membekalkan atlet-atlet hoki kepada negara kita. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan siling Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pembangunan sukan, kompleks sukan adalah lebih

kurang RM364 juta dan dalam hubungan ini cadangan itu belum ada lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan boleh dikemukakan dalam *mid term review*. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memang ada belanja, memperuntukkan untuk membina prasarana-prasarana sukan tetapi apa gunanya kalau prasarana sukan yang dibina dengan canggih ini tidak terbuka kepada orang awam untuk digunakan pada masa biasa dan hanya digunakan semasa hari sukan. Saya ingin merujuk kepada satu '*track and field*' di tengah bandar Kuching di tepi Majlis Bandar Raya Kuching Selatan. *Track and field* itu canggih, lantai trek dibina oleh *latex* tetapi Majlis Bandar Raya Kuching Selatan atas alasan bahawa kos *maintenancenya* amat tinggi oleh sebab itu '*track and field*' itu tidak dibuka kepada orang awam dan pasukan kita yang hendak berlatih tidak ada tempat untuk berlatih.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa tidak dibuka ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: So, adakah kerajaan memastikan bahawa selepas membina prasarana sukan yang canggih itu ia akan dibuka kepada orang awam janganlah untuk tunjuk-tunjuk sahaja.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang tujuan kerajaan membina kompleks-kompleks sukan adalah untuk kegunaan rakyat dan memang digalakkan untuk membukanya sampai malam. Sebab itu Kementerian Belia dan Sukan juga menggalakkan aktiviti sukan malam agar kompleks-kompleks ini dapat digunakan sepenuhnya. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya kompleks itu di bawah penyeliaan dan pengurusan Majlis Perbandaran Kuching yang boleh ditujukan kerana penyelenggaraannya memang di bawah perbandaran. Saya yakin perkara ini boleh ditujukan kepada pihak Perbandaran Kuching.

8. Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan FAMA di dalam menangani masalah pemasaran petani kecil durian, rambutan, manggis, dokong, limau dan buah naga akhir-akhir ini di seluruh negara; dan
- (b) adakah kita masih perlu mengimport buah-buahan tempatan dari luar dan menyebabkan petani kita merana.

Timbalan Menteri Pertanian dan Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan telah menjalankan pelbagai usaha dan program bagi menangani masalah pemasaran petani kecil buah-buahan di seluruh negara melalui pelbagai program seperti berikut:

- (i) Program Penganjuran Pemasaran;

- (ii) Program Belian dan Jualan Terus;
- (iii) Program Pengembangan Usahawan Gerai Buah-buahan Bimbingan FAMA;
- (iv) Program Pembangunan Usahawan Pengeksporth;
- (v) Program Jualan Kerap ataupun *Scan Sales* dengan izin di *supermarket*;
- (vi) Promosi Makanan Buah-buahan Tempatan;
- (vii) Program Jualan Terus di Pasar Tani; dan
- (viii) Penganjuran Pesta Jualan Buah-buahan Bermusim.

Program-program yang dilaksanakan ini telah berjaya mengatasi masalah pemasaran petani kecil di mana lambakan buah-buahan bermusim pada tahun ini tidak lagi berlaku. Di samping itu harga buah-buahan bermusim juga didapati lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Harga pasaran di peringkat ladang buah-buahan bermusim seperti durian kampung, durian klon, rambutan, duku, dokong, cempedak dan manggis juga stabil dan tiada lebihan bekalan berlaku di satu-satu kawasan.

Untuk menjawab soalan (b), Tuan Yang di-Pertua import buah-buahan adalah bergantung pada permintaan. Pada dasarnya import buah-buahan tidak boleh disekat apabila Malaysia telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas atau liberalisasi perdagangan melalui WTO, AFTA dan pelbagai perjanjian FTA. Walau bagaimanapun Malaysia boleh menetapkan peraturan kemasukan buah-buahan import sedia ada melalui peraturan-peraturan tertentu.

▪ 1100

Selain daripada itu, peningkatan kesedaran pengguna tempatan melalui kempen-kempen promosi 'Makanlah Buah-buahan Tempatan' akan meningkatkan kesedaran pengguna bahawa buah-buahan tempatan adalah berkhasiat tinggi setanding dengan buah-buahan yang diimport malahan ianya jauh lebih segar. Di samping itu, kementerian juga mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan import buah-buahan seperti berikut:-

- (i) Mengetatkan lagi peraturan import dengan mewajibkan buah yang diimport masuk mestilah diiringi dengan sijil *phyto sanitary* dan perlu mendapat import permit terlebih dahulu.
- (ii) Menguatkuasakan peraturan pelabelan, pembungkusan dan penggredan bagi memastikan buah-buahan yang dibawa masuk adalah berkualiti tinggi serta boleh dikesan sumber pembekalannya; dan
- (iii) Menubuhkan Malaysia *Agriculture Quarantine* dan *Inspection Services* yang akan memastikan semua buah-buahan yang diimport akan melalui proses pemeriksaan yang bersepadu dan tersusun agar tindakan yang diambil di antara jabatan yang berkaitan dapat diselaraskan dengan berkesan.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya berpandangan punya ini, di Langkawi saya ingat terdapat begitu senang sekali hendak import buah-buahan daripada Siam, Thailand kerana saya masih ingat di Langkawi perjanjian antara FAMA dan penduduk tempatan yang menanam rambutan. Dia kata, satu kilo satu ringgit lima kupang, tetapi tak mengapalah. Orang Langkawi rajin, orang kampung kita rajin. Dia buat, tetapi akhir-akhirnya, *this agreement signed by* FAMA dan juga orang kampung. Akhir-akhirnya, *first year*, tahun pertama seringgit lima kupang, kedua, tahun kedua seringgit dua kupang, tahun ketiga, lapan kupang sekilo, tahun keempat enam kupang sekilo. Lama-lama, orang kampung kata tak payahlah FAMA. Bagilah kami jual sendirilah. Jadi ini yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai FAMA banyak, di Kedah banyak, di Selangor banyak, macam-macam banyak. Jadi, carilah pendekatan baru. Ini terminal, kepada orang kampung, omong-omong kosong sahaja.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Langkawi. Tuan Yang di-Pertua, FAMA sentiasa mengambil langkah-langkah dan tindakan untuk menangani masalah kejatuhan harga buah-buahan. Berdasarkan kepada program yang saya sebutkan tadi, kita telah berjaya menangani masalah kejatuhan harga buah-buahan. Walau bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Langkawi itu merupakan perkara yang khusus di Langkawi sahaja. Kita akan melihat bagaimana untuk menangani masalah kejatuhan harga buah rambutan di Langkawi.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kita mengimport buah-buahan daripada Thailand, tetapi peratus mengimport buah-buahan dari buah-buahan tropika ini hanyalah 3% sahaja. 97% lagi adalah buah-buahan daripada yang beriklim sejuk. Jadi soal kemasukan buah-buahan daripada negara jiran itu tidak akan menjejaskan harga buah-buahan di negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa pada tahun ini tidak ada berlaku lambakan buah-buahan pasaran tempatan di pasaran. Memang, saya rasa memang tidak berlaku lambakan kerana buah ini berlambak di atas pokok. Macam baru-baru ini saya balik, buah rambutan sekilo sekupang. Itu ambil di pokok. Siapa yang hendak ambil, hendak jual berapa duit? Maksudnya orang sudah tidak sanggup lagi hendak panjat pokok, hendak ambil buah hendak jual. Jadi saya hendak tanya, kalau dahulu kerajaan menggalakkan rakyat untuk tanam. Misalnya, buah dokong, satu kilo lapan ringgit.

Sekarang ini sekilo seringgit pun tak laku. Jadi setakat manakah usaha kerajaan dalam proses hiliran untuk menggalakkan hasil pak tani ini dapat masuk ke pasaran? Misalnya kalau kita lihat di Thailand, buah durian muda pun dia boleh eksport sampai ke Mekah. Buah

rambutan, dia masuk tin eksport sampai ke Vietnam di sana. Pertanyaan saya, usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada kawasan Pendang. Kerajaan menggalakkan supaya buah-buahan kita diproses bukan sahaja dijual secara segar. Ini adalah tindakan untuk menambah nilai kepada hasil-hasil pertanian.

Jadi, melalui MARDI , MARDI telah diarah untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan supaya buah-buahan termasuk rambutan, durian, diproses, ditambah nilai. Kita mempunyai program yang kita namakan program menambah pendapatan melalui aktiviti pemprosesan di mana penduduk di kampung akan dibantu melalui program pembekalan mesin-mesin untuk tujuan pemprosesan.

Jadi pihak FAMA dan jabatan pertanian sedang mengambil tindakan untuk menggalakkan petani-petani memproses buah-buahan supaya bekalan buah-buahan secara segar itu dapat dikurangkan dan yang keduanya, kita dapat menambah nilai kepada buah-buahan itu. Dengan cara ini, bukan sahaja kita dapat mengurangkan bekalan buah-buahan segar, yang keduanya, kita akan dapat memberi peluang pekerjaan dan akan mendapat pendapatan yang lebih tinggi apabila kita memproses hasil-hasil pertanian, hasil-hasil buah-buahan yang terdapat di negara kita.

9. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah kementerian akan mengkaji semula arahan menandatangani aku janji yang dikenakan kepada pensyarah universiti.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2001, penguatkuasaan Surat Aku Janji untuk pegawai awam, kerajaan telah memutuskan supaya setiap pegawai awam diwajibkan menandatangani Surat Aku Janji berkuat kuasa 1 hari bulan Januari tahun 2002. Tujuannya ialah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan mereka akan betapa pentingnya melaksanakan tugas dengan setia, jujur, bertanggung jawab, dedikasi dan profesional. Ini selaras dengan hasrat kerajaan melahirkan perkhidmatan awam yang cekap dan berwibawa supaya Malaysia terus maju dalam suasana yang aman dan harmoni.

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, semua pegawai dikehendaki menandatangani dua salinan Surat Aku Janji. Untuk pegawai bukan warga negara, mereka boleh menandatangani Surat Aku Janji dalam versi bahasa Inggeris. Satu salinan Surat Aku Janji tersebut disimpan sama ada oleh Pihak Berkuasa Melantik, ketua perkhidmatan atau ketua jabatan dalam fail peribadi pegawai untuk tujuan rekod. Satu salinan lagi untuk simpanan

pegawai. Bagi memudahkan pegawai memahami kandungan Surat Aku Janji ini, mereka boleh merujuk kepada Pekeliling tersebut.

Untuk menguatkuasakan pemakaian Surat Aku Janji ini kepada pegawai yang sedang berkhidmat, satu peruntukan khusus telah dimasukkan dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatertib) 1993. Manakala bagi pegawai yang dilantik selepas tarikh berkuat kuasa, satu peruntukan khusus telah dimasukkan ke dalam Perintah Am Bab A (Pelantikan Dan Kenaikan Pangkat) Tahun 1973. Semua pihak yang berkuasa melantik, dikehendaki memasukkan penandatanganan Surat Aku Janji ini sebagai salah satu syarat pelantikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, arahan menandatangani Aku Janji adalah terpakai kepada semua kakitangan awam dan bukan hanya dikuatkuasakan kepada pensyarah universiti sahaja.

■1110

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Saya menanyakan tentang sama ada kerajaan akan mengkaji semula, yang kita mendengar tadi ialah sejarah tentang Aku Janji, surat-surat pekeliling, urusan pentadbiran, akta-akta perkhidmatan awam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri amat maklum bahawa kementerian sendiri telah melancarkan - oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dokumen-dokumen dasar penting untuk kementerian bagi jangka masa yang lama iaitu Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara melangkaui tahun 2020, Pelan Bertindak Pendidikan Tinggi 2007/2010 dan saya yakin kementerian pun maklum bahawa *fraternity* dengan izin, ataupun masyarakat akademik telah memutuskan suatu petisyen dengan izin kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menuntut supaya Aku Janji untuk universiti di mansuhkan. Ini ditandatangani oleh profesor-profesor, bekas-bekas pensyarah dan profesor yang telah berkhidmat dalam negara kita.

Petisyen ini menuntut dan menjelaskan bahawa Aku Janji ini menjejaskan dan tidak menggalakkan prestasi kecemerlangan akademik dan sebagainya. Ini sudah tentu selaras apa yang dikehendaki oleh kerajaan sendiri. Ada satu kes Tuan Yang di-Pertua, seorang pensyarah dan isterinya pensyarah juga daripada Universiti Utara Malaysia Dr. Azly Abdul Rahman dan isterinya Dr. Mutiara Mohamad terpaksa berhijrah dan menjadi pensyarah di Amerika Syarikat hanya kerana mereka berdua tidak sanggup dikongkong oleh Aku Janji dan malah sekarang ini mereka di saman oleh pihak universiti. Jadi saya ingin penjelasan yang lebih daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat tadi tidak teliti apa yang saya jawab. Selain daripada sejarah yang saya huraikan, saya juga menyentuh tentang apa yang sebenarnya berlaku iaitu semua kakitangan kerajaan termasuk juga pensyarah

diwajibkan untuk menandatangani Aku Janji. Berbalik kepada Yang Berhormat Tumpat tadi, saya rasa soalan itu seolah-olah tidak ada tumpuan, sebab sekejap menyentuh tentang pelan strategi sekejap menyentuh tentang petisyen. Namun, saya sanggup juga hendak jawab apa yang saya tangkap. Mungkin apa yang saya tidak dapat tangkap itu mungkin Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya kemudian. Petisyen yang dimaksudkan itu sebenarnya merupakan rintihan ataupun suara segelintir pensyarah yang terlibat. Ini biasanya berlaku dan mereka ini juga berhak mengeluarkan kehendak atau kemahuan mereka pandangan mereka terhadap apa sahaja isu yang membangkit.

Jikalau Yang Berhormat mempertikaikan bahawa Aku Janji ini akan menjejaskan kecemerlangan ataupun mengongkong pemikiran staf akademik ataupun pensyarah-pensyarah. Saya harap kalaulah Yang Berhormat dapat membaca, meneliti apa yang terkandung apa yang tertera dalam Aku Janji itu, saya berani cakap Yang Berhormat tidak dapat mengesan apa sahaja peruntukan yang sebenarnya didakwa sebagai penghalang ataupun yang dapat menjejaskan kecemerlangan akademik kita. Saya rasa ini tidak timbul, kalau mengikut apa yang tertera dalam Surat Aku Janji itu, kesemuanya saya sudah baca.

Kesemuanya terdapat sembilan perkara dan ianya tidak lain daripada ketaatan kepada Yang di-Pertuan Agong. Mereka ini sentiasa akan melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur dan sebagainya dan tidak akan membelakangkan kewajipannya kepada IPTA demi kepentingan peribadinya.

Jadi saya tidak tahulah Yang Berhormat bila hendak bangkitkan ini sama ada terdapat butiran lain ke atau tidak. Itu saya tidak bolehlah buat kesimpulan saya. Sekian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya akan begitu tertumpu. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian terhadap profesor serta pensyarah yang terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan politik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang disoal tadi oleh Yang Berhormat Tangga Batu saya fikir beliau dapat jawapannya. Sebab kita sedia maklum bahawa semua staf akademik semuanya tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj 2000) khususnya Akta 605. Maksudnya mereka ini tidak dibenarkan berbuat demikian.

10. Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah pendekatan dan program-program yang dilaksanakan oleh kementerian dalam pemuliharaan sungai-sungai yang tercemar di negara ini termasuk Sungai Selangor dan Sungai Sembilang di Kuala Selangor.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengaliran dan

Saliran telah dan sedang menjalankan beberapa program khusus dalam pemuliharaan sungai-sungai yang tercemar di negara ini yang merangkumi dua aspek penting iaitu; pendekatan melalui kaedah pencegahan dan juga kaedah pemulihan. Ini termasuklah pemuliharaan Sungai Selangor dan Sungai Sembilang di Selangor.

Dalam aspek pencegahan masalah pencemaran lembangan sungai, tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan dari semasa ke semasa. Oleh itu kementerian mengambil pendekatan pengurusan sungai secara bersepadu melalui pelbagai agenda dan jabatan dengan menetapkan beberapa garis panduan, rujukan, undang-undang peraturan, polisi dan R&D supaya kawasan lembangan sungai yang merupakan kawasan tadahan air dapat diurus, dibangunkan dan dipelihara dengan baik. Selain itu, pihak kementerian dengan kerjasama JPS dan Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan program memperkasakan Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri melalui Kempen Kesedaran Alam Sekitar Pemuliharaan Sungai. Program ini dijangka akan berlangsung pada bulan September ini yang melibatkan 222 kawasan Parlimen dan 576 kawasan DUN, yang mana kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM9.09 juta dan akan disediakan kepada ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam aspek pemuliharaan sungai, pihak kementerian juga menjalankan pelbagai projek pemuliharaan sungai yang telah dicemari termasuklah pembinaan perangkap-perangkap sampah dan perangkap-perangkap kelodak, mengadakan kawalan kumbahan dan sisa pepejal di punca dan mensyaratkan semua premis mengadakan sistem rawatan di tempat masing-masing-masing, menjalankan kerja-kerja pemuliharaan sungai untuk mengembalikan ekosistem sungai dan juga telah menjalankan program satu sungai satu negeri iaitu untuk mencegah dan membersihkan sungai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, sekian terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih di atas jawapan. Soalan tambahan, yang pertama saya mohon penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah jumlah kes penjenayah alam sekitar khususnya pencemar sungai yang telah dibawa dan dihukum di mahkamah dan berapakah jumlah denda yang telah dikutip.

Soalan yang kedua, suatu ketika dahulu Sungai Selangor telah di cemar dengan pelepasan sisa kumbahan licik Bukit Tagar ke Sungai Selangor sehingga menyebabkan bekalan air berbau busuk bekalan yang kita minum dan juga hidupan sungai ikan udang banyak yang mati.

Baru-baru ini saya mengadakan Kempen Selamatkan Sungai Sembilang kerana pusat pelupusan sampah yang baru dibina di kawasan ini. Soalan saya apakah jaminan kementerian dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan Sungai Sembilang yang telah sedia tercemar akibat daripada pengeluaran *glove* dan juga kondom oleh kilang kawasan yang berdekatan dan kebimbangan penduduk setempat dikhuatiri suatu ketika berlaku seperti di Bukit Tagar ke Sungai Selangor pembuangan sisa kumbahan sama ada yang telah dirawat ataupun belum. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua kolam rawatan kumbahan terlalu rendah.

Kebimbangan kita kalau hujan lebat air kumbahan ini melimpah masuk ke Sungai Sembilang yang boleh menjejaskan pendapatan nelayan setempat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■ 1120

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Bagi bahagian yang pertama iaitu jumlah kes jenayah alam sekitar dan denda yang dikutip itu saya kena berikan secara bertulis kerana agak spesifik.

Berkenaan dengan Sungai Sembilang dan jaminan kerajaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jaminan kerajaan adalah mengikut akta-akta dan undang-undang yang ada. Jaminan kerajaan juga ialah untuk melakukan penguatkuasaan dan juga melakukan pemantauan terhadap kes-kes pencemaran alam sekitar.

Saya tidak berjanji di sini boleh menjaga keseluruhan setiap inci negara kita dari segi pencemaran dan sebagainya tetapi saya berjanji di sini akan menjalankan tugas saya sebagai orang yang dipertanggungjawabkan menjaga persekitaran kita sebaik mungkin mengikut akta yang ada. Itu jaminan kerajaan sebab pada tahun lepas kita telah membentangkan di Dewan ini juga untuk mengenakan hukuman mandatori, penjara terhadap penjenayah-penjenayah alam sekitar. Alhamdulillah, pada 30 Ogos yang lepas, sehari sebelum kemerdekaan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong telah pun menandatangani undang-undang tersebut dan boleh dikuatkuasakan. Ini komitmen kerajaan.

Maksudnya kita kena menganggap mereka yang mencemar alam sekitar ini sebagai penjenayah dan kita sendiri sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat juga patut melakukan sesuatu, seperti Yang Berhormat buat itu, saya amat bangga sekalilah untuk menyelamatkan sungai-sungai yang tercemar dan sebagainya. Kita akan membuat pemantauan dan juga mengambil tindakan undang-undang. Itu sahaja janji-janji kerajaan kepada rakyat. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu siapa sebenarnya yang bertanggungjawab untuk memastikan sungai-sungai di negara kita itu bersih? Adakah kementerian menyediakan sesuatu *time frame* ataupun jadual untuk menilai sungai-sungai kita dari segi pencemaran dari masa ke semasa misalnya setiap setahun ataupun setiap dua tahun untuk memastikan keadaan pencemaran sungai kita sudah bertambah baik, bertambah kurang pencemaran. Adakan sesuatu *frame work* supaya pada suatu masa yang tertentu sungai-sungai di negara kita akan menjadi lebih bersih. Kalau kita hanya begitu sahaja mengambil tindakan terhadap mereka yang mencemarkan sungai itu sahaja, saya rasa tidak ada satu matlamat. Jadi apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menetapkan satu sasaran tarikh.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Jangan diulang-ulang, Yang Berhormat.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Kita ada audit sungai-sungai ini - laporan alam sekitar setiap tahun dibentangkan di dalam bentuk laporan dan kita berikan kepada Parlimen setiap tahun. Jadi Yang Berhormat kena *check* balik, yang tahun lepas

ada. Saya pun ada terima. Di situ banyak disebutkan berkenaan dengan sebanyak 189 lembangan sungai yang kita pantau, mengambil kualiti air dan sebagainya.

Kadang-kadang pencemaran sungai ini juga kita silap dari segi interpretasi. Seperti sungai-sungai di Kelantan, dia bukan pencemaran dari segi toksik dan sebagainya tetapi pencemarannya banyak bahan-bahan terampai iaitu hasil daripada tanah-tanah yang sudah tidak ada pokok, rumput-rumput pun tidak ada, jadi yang masuk ke dalam sungai menjadi warna orenlah. Itu pencemaran lain, pencemaran terampai. Ada juga sungai-sungai apabila dicemarkan melalui kumbahan-kumbahan yang tidak ditapis dan sebagainya, nampak airnya jernih tetapi penuh dengan e-coli iaitu bakteria yang amat berbahaya - tidak boleh minum pun air itu.

Jadi, inilah antara pendekatan yang kita hendak rakyat sedar, rakyat tahu. Macam kita tengok hasil kumbahan - efluen yang keluar daripada kilang kelapa sawit warnanya agak kecoklatan tetapi sebenarnya ia masih selamat diminum kalau mengikut kualiti air yang sebenar. Jadi, pendekatan kita untuk kita mengadakan satu sistem di mana kita mengklasifikasikan kelas-kelas tertentu untuk kualiti air tertentu. Ini ada dalam laporan audit - laporan alam sekitar kita setiap tahun.

Siapa yang kena menjaga sungai supaya bersih ini? Kitalah! Pihak kerajaan memantau melalui penguatkuasaan undang-undang tetapi yang membuang sampahnya adalah kita, maksudnya kita semua. Ini adalah tanggungjawab bersama. Janganlah menganggap yang mencuci sungai ini kerajaan, yang tukang buang sampah ialah rakyat. Tidak kenalah macam itu! Sepatutnya kita jangan buang sampah. Kalau setiap daripada kita menganggap sampah yang ada ini sampah kita, maksudnya kita yang pergi buang ke dalam tong sampah dan sebagainya, tidak ada sampahlah, tetapi kita masih lagi menganggap sampah ini sampah orang lain, sampah kerajaan yang kena cuci, sampah kerajaan yang membersihkan sungai dan sebagainya. Maksudnya dari segi kita hendaklah memberi terutama sekali kepada ahli keluarga, anak-anak dan generasi muda kesedaran untuk menjaga alam sekitar kita ini untuk generasi yang akan datang.

11. **Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai pesakit yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) mengikut tahun dari tahun 2001 hingga 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Sekijang. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab saya mohon kebenaran untuk mengalu-alukan kunjungan Ahli-ahli Gerakan dari Bahagian Jelutong, Pulau Pinang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sejak dari tahun 2001 hingga 2006, jumlah pesakit luar yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) telah menunjukkan peningkatan yang ketara.

Pada tahun 2001, jumlah pesakit luar yang dirawat adalah seramai 103,709 orang pesakit dan bilangan ini meningkat kepada 136,918 orang pesakit pada tahun 2006 dengan jumlah peningkatan sebanyak 13.8%.

Bagi tahun 2001 hingga 2006, jumlah pesakit dalam yang dirawat di IJN adalah seramai 10,370 orang pesakit pada tahun 2001 dan meningkat kepada 12,056 orang pesakit pada tahun 2006. Ini menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 7.5% bagi tempoh tahun tersebut. Pesakit yang mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara dari tahun 2001 hingga 2006 saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat Sekijang secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah menjawab soalan. Daripada jawapan yang saya terima itu kita mendapati bahawa telah nampak ada pertambahan yang begitu ketara sekali kepada pesakit-pesakit ini untuk mendapatkan rawatan di IJN ini. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan IJN ini memandangkan terdapatnya pertambahan kepada pesakit-pesakit ini dan juga kita difahamkan bahawa masa menunggu untuk mendapatkan rawatan di IJN ini kadang-kadang begitu lama kerana pesakit jantung ini, kita tahu ia memerlukan rawatan yang agak segera tetapi oleh kerana tumpuan hanya satu tempat sahaja. Walaupun kita tahu di hospital-hospital besar di beberapa negeri ada juga menjalankan rawatan ini tetapi rakyat ataupun orang ramai lebih percaya ataupun suka mendapat rawatan daripada IJN ini. Jadi, saya minta jawapan ini daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

■ 1130

Dato' Lee Kah Choon: Dasar Kerajaan adalah untuk memperkembangkan *facility* yang kita ada dari semua segi. Yang pertama adalah melalui IJN ini kita akan menambahkan perkhidmatan yang kita ada. Yang kedua untuk pesakit-pesakit jantung ini kita juga ada perkhidmatan di semua hospital-hospital yang sedia ada seperti Hospital Kuala Lumpur, Hospital Pulau Pinang dan sebagainya. Kerajaan juga melalui hospital universiti-universiti yang ada seperti HUKM dan sebagainya, mereka juga memberi perkhidmatan berkaitan dengan penjagaan kesihatan jantung. Dari segi untuk memendekkan masa menunggu ini adalah satu aspek di mana kerajaan sentiasa mengambil berat dan kita akan sentiasa cari jalan bagaimana untuk mengatasinya. Sekian.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa penyakit kardiovaskular merupakan pembunuh utama di negara kita. Kita tahu juga bahawa IJN ini bukan sahaja terkenal di Malaysia tetapi konsep IJN ini telah terkenal di Asia. Jadi kita memang berasa banggalah kerana kecemerlangan rawatan yang ada di IJN. Untuk kita membawa negara kita lebih lagi dalam arena perubatan, adakah kita akan membina konsep yang sama untuk penyakit yang lain contohnya nefrologi iaitu penyakit yang berkaitan dengan buah

pinggang dan juga yang sekarang ini iaitu pembunuh yang utama iaitu penyakit yang berkaitan dengan kanser ataupun onkologi yang berkonsep sama seperti mana IJN.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat dari Gombak . Kerajaan memang sentiasa mencari jalan untuk memperkembangkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara kita. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, IJN ini adalah satu badan korporat yang telah diperbadankan oleh kerajaan. Kerajaan sentiasa mencari jalan seperti saya katakan terutamanya seperti kanser, kita telah mengadakan satu Institut Kanser Negara di Putrajaya dan untuk masa yang akan datang jikalau kita dapati sesuai barangkali institut ini juga boleh dikorporatkan supaya ia boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Begitu juga dengan institut-institut yang lain seperti IMR iaitu *Institute for Medical Research* juga boleh di *corporatise* kan jikalau perlu. Tetapi ini akan merujuk kepada dasar-dasar kerajaan yang sedia ada sebelum kita boleh melakukannya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua : Ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

TINDAKAN ANGGOTA POLIS TERHADAP DONALD PIETERS LUTHER KOLOPITA

11.33 pg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Dewan ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen kawasan Rantau Panjang, Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron untuk menangguhkan mesyuarat untuk membincangkan suatu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu mengenai tindakan kekerasan anggota Polis Diraja Malaysia yang mengancam keselamatan tetamu negara dalam pertandingan Karate Asia di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dilaporkan akhbar *Metro* dan *Malay Mail* pada 28 Ogos dan media arus perdana Indonesia, Sinar Harapan pada 24 Ogos 2007, “ Tetamu negara dalam pertandingan karate Asia merangkap ketua juri kontinjen karate Republik Indonesia, Donald Pieters Luther Kolopita telah dipukul oleh empat orang pegawai polis Malaysia sewaktu beliau berjalan kaki balik ke hotel beliau setelah menghadiri mesyuarat teknikal di Hotel Allson Klana yang berakhir tengah malam. Kerana tidak dapat teksi, beliau terpaksa berjalan kaki pulang ke hotel penginapan beliau. Ketika perjalanan, beliau ditahan empat orang pegawai polis yang tidak berpakaian seragam dan tidak memperkenalkan diri mengikut beliau dari Hotel Allson

Klana. Takut akan beliau diikuti penjahat, beliau telah berlari tetapi diserang. Berlaku tumbuk menumbuk sehingga Donald Pieters Luther Kolopita dipukul sehingga cedera dan kemudiannya digari sebelum dibawa ke balai polis Nilai. Di dalam kereta polis, tetamu negara tersebut di pukul sehingga pengsan walaupun polis sudah mengenal identiti beliau. Insiden ini adalah perkara yang tertentu kerana ia merupakan satu kekerasan yang berlaku ke atas tetamu negara yang kita undang untuk menjadi juri pertandingan karate Asia. Ini adalah perkara yang berkepentingan orang ramai kerana kekerasan polis terhadap orang ramai sudah membabitkan tetamu negara dan melibatkan jiran kita Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu disegerakan kerana ia telah memalukan negara dan membangkitkan kemarahan pemimpin negara jiran serumpun yang mencaci nama baik negara dan kini mendapat perhatian berat Presiden Indonesia dan Dewan Perwakilan Rakyat ataupun DPR Indonesia yang akan mencatatkan hubungan diplomatik kita dengan Indonesia. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Rantau Panjang pada hari Selasa 28 Ogos 2007. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, pada hari ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar itu tadi memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu disegerakan kerana saya difahamkan bahawa pihak Polis Diraja Malaysia telah mengenakan tindakan tahan kerja ke atas anggota-anggota terbabit dan meneruskan siasatan dalam menyelesaikan kes ini. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada beri satu notis pada hari 29 Ogos pada pukul 10 dan kenapa usul saya tidak dibangkitkan hari ini. Saya ingin tahu bila notis usul Rantau Panjang diserahkan kepada...

Tuan Yang di-Pertua : Usul Yang Berhormat akan dibawa esok.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada 7 September 2007.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2007) 2007****Bacaan Kali Yang Kedua**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukkan tambahan perbelanjaan mengurus pertama 2007 ini adalah dibentangkan menurut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2007 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2007 yang dibentangkan ini adalah sebanyak RM 10.88 bilion. Jumlah ini merupakan tambahan bagi perbelanjaan bekalan yang antara lain bertujuan menampung perkara-perkara baru yang diputuskan oleh kerajaan dan tidak diperuntukkan dalam Bajet 2007. Menampung kenaikan kos membiayai institusi-institusi yang baru siap dan pertambahan perjawatan serta kenaikan bayaran emolumen berikutan semakan gaji dan COLA tahun 2007.

■ 1140

Tambahan juga diperlukan bagi menambahkan jumlah dana-dana khas kerajaan bagi menampung pertambahan peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya tambahan peruntukan adalah diperlukan untuk tujuan seperti berikut:

Sebanyak RM3.68 bilion untuk Kementerian Pelajaran bagi menampung bayaran tambahan emolumen termasuk kenaikan pangkat guru secara *time based*, bayaran elaun khas pedalaman dan elaun balik kampung Pegawai Perkhidmatan Pelajaran, kenaikan kadar bantuan makanan asrama dan kadar Biasiswa Kecil Persekutuan.

Sebanyak RM1.23 bilion untuk Kementerian Kesihatan diperlukan untuk menampung bayaran termasuk emolumen, pembelian ubat, bukan ubat dan *reagen*, peningkatan kos kualiti, kos operasi fasiliti-fasiliti baru dan kos operasi ketika banjir.

Sebanyak RM1 bilion bagi maksud B14 – Pencen, elaun bersara dan ganjaran untuk menampung bayaran pencen sedia ada dan tambahan pencen berikutan semakan gaji tahun 2007.

Sebanyak RM994 juta untuk Kementerian Pengajian Tinggi bagi menampung kos peningkatan kemasukan pelajar Universiti Teknologi Mara, membiayai empat buah universiti yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan, kos operasi dua buah universiti yang baru ditubuhkan dan tambahan emolumen.

Sebanyak RM828 juta untuk maksud B12 – peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi Bank Pembangunan Malaysia Berhad, pinjaman kepada badan-badan berkanun, sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Bantuan Perubatan yang baru dilancarkan.

Sebanyak RM760.5 juta untuk Kementerian Pertahanan bagi pembelian alat ganti, menampung kenaikan harga rangsum bahan api, bayaran utiliti, kos operasi MALCON II di Lubnan dan tambahan emolumen.

Sebanyak RM437.5 juta untuk Kementerian Keselamatan Dalam Negeri iaitu bagi menampung bayaran tambahan emolumen, elaun-elaun pegawai dan anggota PDRM, membiayai pelaksanaan sistem *parole*.

Sebanyak RM299.1 juta untuk Jabatan Perdana Menteri bagi membiayai pembangunan sistem *trunk radio* bersepadu kerajaan, kos penyelenggaraan kapal dan tambahan emolumen.

Sebanyak dua ratus

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Penjelasan, boleh mengenai angka-angka yang diberi sahaja. Boleh beri penjelasan khususnya mengenai peruntukan RM299 juta untuk Jabatan Perdana Menteri. Selain daripada itu kita ada satu angka sebanyak RM18.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mungkin belum sampai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, bukan, dia sudah mahu pergi ke kementerian lain. Saya mahu tanya RM18 juta untuk tambahan perbelanjaan sambutan perayaan kemerdekaan ke-50 tahun oleh sebab saya tengok tidak ada angka yang asal, bertambah daripada berapa.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Apabila saya membentangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan bising*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu bising apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu *legitimate question*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, jangan bisinglah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu, bising-bising apa? Tambah daripada apa angka yang asal. Saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia baru buat huraian Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini bising, tidak ada tertib.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, biar saya jelaskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okay, kita tanya, *legitimate question*.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya menjelaskan bahawa dalam pembentangan saya ini, saya tidak sebut semuanya. Saya tidak sebut secara satu persatu kerana saya kira semuanya sudah dibentangkan, sudah diedarkan, maklumatnya ada, apa-apa pertanyaan mana-mana angka boleh ditimbulkan khususnya perbahasan peringkat jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Timbul sekarang. Ada angka Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tahu atau Timbalan Menteri tidak tahu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri *mention* tambahan daripada elaun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, itu RM18 juta saya sebut daripada apa angka. Itu *very simple question*, kenapa begitu sukar untuk jawab.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ada, ada tetapi kalau setiap orang hendak bertanya angka itu, angka ini, ke mana kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *One angka only*, satu angka,.....

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Itu Yang Berhormat tanya satu angka, nanti orang lain pula tanya angka lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Memang boleh jawab. *You must be, must go on the subject*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia akan jawab nanti. Yang Berhormat, Timbalan Menteri boleh teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kakitangan di belakang akan boleh beri jawapan. *No officer at the back, not hands on*, tidak tahu.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ada, boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Simple question.*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya pun ada jawapan tetapi saya hendak kena

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pada hal RM18 milion daripada apa angka yang asal. Saya tanya sahaja adakah angka itu? Atau mahu pergi balik ke pejabat dahulu.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Adalah masa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia sekarang bukan jawab. Yang Berhormat, ...

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, ... ini nanti kita akan jawablah. Nanti kita jawablah. Nanti kita jawab, sabarlah. Hari ini kita ada satu hari untuk berbincang di peringkat dasar

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Must be intelligence in from debate* saya mahu tanya apa itu angka yang asal, *simple* sahaja.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Nanti kita bagi tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti boleh bahas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan bahas, kita mahu maklumat, bukan bahas. *For information* supaya kita boleh bahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau semua hendak tanya macam mana kita hendak selesaikan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta duduk ya! Kalau setiap orang hendak tanya, hendak bahas, ini sudah perbahasan. Saya ambillah apa Yang Berhormat sebut itu, saya akan jawab dalam jawapan saya nanti. Ini setiap orang hendak bangun, hendak tanya, saya kena jawab, ini perbahasan, bukan pembentangan.

Ini bagilah ruang kepada saya untuk membentangkan, lepas itu Yang Berhormat hendak

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak tahu, kata tak tahulah, okaylah. Tak tahu kata tak tahulah, habislah.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau Yang Berhormat bawa perangai macam ini ... nanti kalau Yang Berhormat bawa perangai macam ini, nanti apabila saya bahas Yang Berhormat hendak minta laluan, saya tak akan bagi. Buat perangai elok-elok.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu *simple question*. Itu *simple question, what is the original amount?*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk] [Dewan amat riuh]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini guru besar punya kerja.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya akan bagilah. Ipoh Barat menyibuk itu apa pasal? Ipoh Barat pun hendak menyibuk ini. Jangan, nanti saya akan bagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagilah sekarang.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Apa ini? Awak itu siapa? Awak itu siapa? Ikutlah peraturan. Saya hendak bentangkan dahulu, ya? Ini tak ada undang-undangkah? Ini habis masa sahaja. Habis masa sahaja.

Sebanyak RM299.1 juta untuk Jabatan Perdana Menteri bagi membiayai pembangunan sistem *trunk radio* bersepadu.... saya sudah baca tadi.

Sebanyak RM252.5 juta untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu bagi menampung pelaksanaan program insentif pengeluaran padi, program insentif peningkatan hasil padi dan tambahan emolumen.

Sebanyak RM236.5 juta untuk Kementerian Kerja Raya bagi membiayai kerja-kerja pembaikan berkala jalan raya, bayaran pampasan tol, bayaran gaji kakitangan kontrak, sewa dan ubahsuai pejabat baru dan tambahan emolumen.

Sebanyak RM164 juta untuk Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi untuk bayaran pelarasan kadar tarif air bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, geran pelancaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan bayaran yuran perkhidmatan perancangan dan teknikal kepada Indah Water Konsortium Sendirian Berhad.

Sebanyak RM112 juta bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk tabika KEMAS, elaun ketua kampung, bantuan kepada badan-badan berkanun dan emolumen.

Sebanyak RM100 juta bagi maksud T12 – Perbendaharaan adalah untuk pemberian pertambahan hasil kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Selain daripada itu tambahan peruntukan juga diperlukan oleh Kementerian Penerangan iaitu sebanyak RM95.8 juta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM90.9 juta, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebanyak RM73.9 juta, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebanyak RM69.5 juta, Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM68 juta, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebanyak RM56 juta, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM54 juta dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebanyak RM52.4 juta.

Manakala tambahan sebanyak RM229.8 juta adalah diperlukan untuk lain-lain kementerian.

■ 1150

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM9.55 bilion daripada tambahan ini adalah dipohon sebagai tambahan langsung. Manakala sebanyak RM1.33 bilion adalah bagi merekup semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang luar jangka seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2007.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2007 adalah seperti dalam penyata Anggaran

Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 tahun 2007 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A Tahun 2007.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2007 -

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2007. Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2007 yang dipohon adalah merupakan pendahuluan dari simpanan luar jangka yang perlu direkup iaitu sebanyak RM609.5 juta dan tambahan langsung iaitu sebanyak RM401 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM990.5 juta adalah perbelanjaan secara langsung dan RM20 juta perbelanjaan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan sebanyak RM1010.5 juta adalah diperlukan di bawah maksud P.28 Kementerian Pengangkutan bagi membiayai projek-projek pembangunan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM106 juta bagi membiayai projek-projek di bawah Pengangkutan Laut Semenanjung Malaysia seperti kerja-kerja penerokaan kuala sungai kecil dan pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia sebanyak RM52.3 juta dan pembaikan dan pembinaan Jeti Jabatan Laut Semenanjung sebanyak RM53.7 juta;
- (ii) sebanyak RM603.5 juta bagi membiayai projek-projek di bawah Kereta Api Tanah Melayu Bhd., seperti Projek Peningkatan Infrastruktur Sedia Ada Laluan Komuter sebanyak RM10 juta, Membaik Pulih Dan Mengukuhkan Jambatan sebanyak RM4 juta, Membaik Pulih dan Mengukuhkan Landasan sebanyak RM94 juta, Meningkatkan Keupayaan KTM sebanyak RM371 juta, Projek Pembaikan Kereta Api Negeri Sabah sebanyak RM98 juta dan Pembelian *Rolling Stock* KTMB sebanyak RM26.5 juta; dan
- (iii) sebanyak RM301 juta bagi membiayai projek-projek di bawah Pengangkutan Udara Sabah seperti pembangunan Lapangan Terbang Labuan - Kota Kinabalu sebanyak RM120 juta. Pembinaan dan menaik taraf infrastruktur lapangan terbang sebanyak RM84 juta dan menaik taraf dan pembangunan Sistem Kawalan Pengurusan Trafik Udara, Komunikasi, Radar sebanyak RM97 juta.

Selain dari itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda, token RM10 iaitu bagi Jabatan Perdana Menteri - Perbendaharaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan

Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Sumber Manusia.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2007 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 2007 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10A Tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2007 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL. 1) 2007

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan atas Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion sepuluh juta lima ratus ribu empat ratus sembilan puluh ringgit (RM1,010,500,490) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2007, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2007 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 2007 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan, dan diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:
Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri

Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membenarkan perbahasan, saya ingin maklumkan perbahasan Bajet 2008 akan bermula minggu hadapan. Jadi untuk dua hari ini di peringkat dasar bagi Perbekalan Tambahan saya mintalah kalau boleh, terpaksa saya hadkan masa untuk membolehkan lebih ramai diberi peluang. Oleh kerana selepas ini peringkat dasar kita juga akan memberi peluang semasa peringkat Jawatankuasa. Jadi saya dari masa ke masa, saya lihat kalau perlu saya hadkan masa, saya akan hadkan masa. Sila Yang Berhormat Ipoh Timor.

11.57 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang mengenai bajet tambahan di hadapan Dewan yang mulia ini. Sekarang sebenarnya kita masih merayakan Ulang Tahun Ke-50 Kemerdekaan dan untuk menunjukkan patriotisme kita, saya mencadangkan untuk Ahli-ahli Parlimen berdiri untuk melaungkan tujuh kali "Merdeka" dan mempertahankan *constitutional* kita.

"Merdeka!"

Beberapa Ahli Pembangkang: Setia Malaysia!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Melaungkan Merdeka sebanyak tujuh kali dan disambut oleh beberapa Ahli Pembangkang]* Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Eh, mengapa dia orang tidak mahu berdiri?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada orang yang berdiri daripada Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat mereka telah berdirilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, bolehkah kita kata bahawa mereka tidak patriotik? Bolehkah kita kata bahawa mereka tidak taat setia kepada negara kita? Bolehkah itu? Kita adakan ini ada dua tujuan. Yang pertama untuk menunjuk taat setia patriotisme Ahli-ahli Parlimen DAP kepada Malaysia.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hah!

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Dah dirancang tu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hah, hah! Tidak taat setia, *unpatriotic*, orang yang hah hah! Tidak patriotik, tidak taat setia, tidak berdiri apabila melaungkan tujuh kali merdeka...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Rancang saja, rancang!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jualan murahlah. *Cheap sale! Cheap sale!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana Ahli Parlimen Jasin? Diam-diam duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Surat khabar lama, *cheap sale*, jual murah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menghinakan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kita balik kepada tajuk. Perkara ini saya anggap sudah selesai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Speaker sendiri pada hari itu kata yang tak... cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, tapi sekarang tidak berdiri, tidak taat setia, tidak cinta negara. Mulut sahaja, tutup satu mata.

■ 1200

Yang kedua, tujuan pertama ialah menunjuk bahawa kita DAP sungguhpun parti pembangkang, kecintaan, patriotisme kepada negara tidak kurang daripada orang lain termasuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. [*Tepuk*]. Tidak kurang. Sebenarnya adalah lebih patriotik, kita rela pergi penjara untuk mempertahankan hak-hak negara bukan untuk kepentingan kita sendiri. Ada orang yang kata mereka patriotik tetapi mereka korupsi, bermaharajalela tetapi mereka kata mereka patriotik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Pergi penjara orang jahat sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Betul. Itu orang yang berkorupsi, yang tidak cakap besar bahawa mereka itu patriotik. Tidak, itu tujuan yang pertama bahawa kita patriotisme kepada negara tidak kurang daripada orang-orang-orang lain termasuk dalam Barisan Nasional.

Yang ketiga, bahawa apa yang berlaku pada hari Rabu lalu ialah mahu menunjuk, mahu membongkar, mendedahkan satu *fast of patriotism*. Satu *fast*, itu dibongkarkan oleh kerana itulah bukan cara dieksploitasi oleh segelintir Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional untuk *entrap*, perangkap Ahli-ahli Parlimen pembangkang bukan sahaja DAP, PAS dan Keadilan bahawa mereka tidak patriotik. Masa itu berapa orang Ahli Parlimen Barisan Nasional dalam Dewan yang mulia ini, semuanya, 26, 27 mengikut Nanyang Siang Pau, adakah bererti bahawa 80% Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak taat setia, tidak patriotik termasuk ahli-ahli, menteri-menteri, dan Timbalan Perdana Menteri, itulah, kenapa buat begitu. Oleh kerana, nampaknya satu tarikh yang begitu penting ialah *50th years Merdeka Anniversary* tidak dipandang dengan berat. Satu peluang yang keemasan untuk menyatupadukan semua rakyat tidak kira kaum, tidak kira agama, tidak kira fahaman politik, tidak kira geografi, mana-mana untuk itulah tujuan utama, tetapi ada orang yang mahu menggunakannya, memainkannya dan memperkecil-kecil tarikh yang begitu penting itu untuk kepentingan sendiri, parti sendiri. Semacam segelintir orang apa yang mereka buat dalam Dewan yang mulia ini pada hari Rabu.

Sebenarnya pada 30 Ogos, ambang Merdeka di Dataran Merdeka, 31 Ogos adalah *parade* Merdeka, di Dataran Merdeka dan satu *celebration* yang gemilang di Stadium Merdeka,

tetapi ada soalan yang timbul. Adakah semua ini khasnya ambang Merdeka, satu *celebration national* atau ia ialah satu *celebration* Barisan Nasional? Adakah dia satu *celebration national* atau *celebration* Barisan Nasional dan lebih tepat *celebration* UMNO pun bukan Barisan Nasional, bukan *celebration* UMNO. *50th years of Merdeka*, apa yang penting? Siapa yang ada buat *contribution* bukan sahaja parti-parti komponen Barisan Nasional, semua parti di negara tanah air kita. Tahun 1957 DAP belum ada, tetapi daripada 1966 hingga sekarang DAP ada.

Kita pun ada buat *contribution* tidak perlulah kita heboh-hebohkan. Apa *contribution* kita mempertahankan demokrasi hak-hak asasi keutuhan negara. Kalau tidak ada DAP, mungkin Malaysia sekarang pun tidak boleh ada tahap yang ada sekarang, tetapi kita bukan sahaja ada parti-parti dalam Dewan yang mulia ini atau parti-parti di luar. Ada personaliti-personaliti, negarawan-negarawan bukan sahaja boleh dicari, didapati dalam Barisan Nasional. Mana itu negarawan-negarawan yang lain tetapi semua hilang, diketepikan. Langsung *absent*. Apabila kita adakan *50th years Merdeka Anniversary* sepatutnya kita ada dapat negara kita a *feel good* perasaan. So macam dua, tiga tahun dahulu.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang jawatan selepas Tun Dr. Mahathir bersara, ada *feel good factor* dan mengakibatkan, menyebabkan satu kemenangan yang begitu besar. *Land slide victory* dalam pilihan raya besar 2004. *Landslide victory* yang memenangi 91% kerusi di Parlimen. *Feel good factor* dan sebenarnya apabila kita ada *50th years Merdeka Anniversary* kita patutlah *feel better factor*. *Feel better*, kita sudah 50 tahun, tetapi adakah itu *feel better*, jangan kata *feel better factor*. Adakah *feel good factor*? Tidak sebenarnya, ada *feel worse*. Teruk, perasaan yang teruk, *feel worse*, yang lebih buruk apabila dibandingkan dengan mana-mana tarikh dalam masa pemerintahan 22 tahun Tun Dr. Mahathir. Kenapa? Itulah kita perlu merenung, kaji dan timbang, kenapa. Kenapa itu berlaku?

Sebenarnya kalau sebulan, dua bulan sebelum *50th years Merdeka Anniversary* saya percaya tidak ada orang yang sangka ada itu *feel worse factor* begitu tebal tetapi dalam satu, dua bulan ini, begitu banyak perkara yang berlaku, yang menimbulkan soalan di hati orang ramai, rakyat Malaysia. Apa masa depan Malaysia. Isu-isu saya tidak akan beri masuk yang *detail*, skandal-skandal yang berlaku, *Port Klang Free Zone scandal*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ha.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha? Orang yang mempertahankan skandal Yang Berhormat daripada Jasin, ha? *One-eyed Jack*. *4.6 billion* skandal dia kata ha, itulah sikap Ahli Barisan Nasional. Ha, apa *4.6 billion* skandal apa, itu *high of unpatriotism, high of his loyalty*. Mereka yang bertanggungjawab mengenai *4.6 billion Port Klang Free Zone scandal*, mereka ialah pengkhianat kepada negara. Pengkhianat kepada negara, tetapi Yang Berhormat Jasin mempertahankannya kata ha, apa? Itulah sikap sebab kenapa tidak ada *feel good factor*, tidak ada *feel worse factor* di negara kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau semua pembangunan ada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok tidak tertib pun. Tidak ada beri peluang, dia pun mahu cakap semacam Dewan ini rumah beliau sendiri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya belajar daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat ajar...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, semacam rumah beliau sendiri. Inilah mana ada tertib, mana ada disiplin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya amat bersetuju dengan cadangan Ipoh Timorlah. Jadi saya harap semua akan ikut ya selepas ini. Yang Berhormat belum dapat kenapa...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya belajar daripada dia Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok, tengok ini UMNO *assembly*. Adakah ini UMNO *assembly*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat belajar dari Ipoh Timor. Jadi saya sekarang...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya belajar daripada dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini menunjukkan macam rumah dia sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini satu sikap yang salah. Tolong beri peluang kepada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...dan di sini saya berharap, kita diminta memberi peruntukan RM11 *billion*, tetapi adakah itu latar belakang tatatertib disiplin, *financial discipline* khasnya, bolehkah kita dapat satu jawapan mengenai *Port Klang Free Zone scandal*.

Bukankah benar yang pertama bahawa apabila cadangan ini dibuat, kerajaan diberi jaminan bahawa ialah *feasible, self financing*, tak perlu RM1 *public funding*? Tidak perlu keluar RM1, daripada perbendaharaan menggunakan wang rakyat, tak perlu. Kenapa sekarang menjadi satu, 4.6 *billion* skandal yang perlu menggunakan wang rakyat untuk menyelamatkan *Port Klang Free Zone scandal*. 4.6 *billion*, 4.6 *billion* kalau diagihkan kepada rakyat sebagai *present 50th years Merdeka Anniversary* setiap orang termasuk bayi, *baby* baru lahir pada hari kemerdekaan boleh dapat RM200. 4.6 *billion*, kenapa sekarang rakyat perlu memikul beban ini? Bukankah benar bahawa ini berlaku oleh kerana ada penyalahgunaan kuasa, ada penyelewengan, ada *malpractices*, ada *breach of trust*, ada *abuse ministerial of power*, bukankah benar bahawa tanah-tanah yang tersebut 1,000 ekar apabila dibeli ialah dengan angka RM95,000,000.99.

■1210

Tetapi apabila dijual kepada Port Klang Authority ialah dengan harga dekat 19 kali ganda, 19 *times* ialah untuk RM1.8 bilion apabila *purchase price RM95 millions, sales prices finally* RM1.8 bilion. Bukankah ini satu *recoup* wang rakyat, oleh sebab akhirnya *Treasury* perlu untuk

menyelamatkan *bailout* semacam *soft loan*. Apa *soft loan* ini begitu *soft* sehingga akhirnya ialah untuk *write off*.

Bukankah benar bahawa *Treasury Malaysia Finance* dan *Attorney-General Chambers* ada buat cadangan bahawa tanah itu diambil alih di bawah *Land Acquisition Act* masa itu dengan harga RM10 tetapi pun ditolak oleh sebab Kementerian Pengangkutan mahu menerima harga RM25 bagi per *square feet* sungguhpun *Malaysia Finance* dan *Attorney-General*, Kamar peguam negara bercadang untuk beli, kerajaan beli di bawah *Land Acquisition Act* dengan RM10 per *square feet*.

Kenapa berlaku dan lebih mustahaknya bukankah benar bahawa hari ini kerajaan perlu *bailout* oleh sebab *letter of support* yang diberikan oleh Menteri Pengangkutan. Empat *letters of support* yang diberi oleh Menteri Pengangkutan kepada Kuala Dimensi Sdn. Bhd. supaya boleh menerbitkan bon dalam pasaran sebanyak RM4.6 bilion dan ini merupakan - dianggap sebagai satu gerenti kerajaan kepada bon itu. Sungguhpun Menteri Pengangkutan tidak ada kuasa, tidak ada hak, tidak ada kebenaran baik pun daripada Kementerian Kewangan ataupun daripada Kabinet untuk memberi *letter of support* untuk memberi gerenti itu.

Kalau itu benar, kenapa menteri-menteri berkenaan sama ada menteri sekarang atau menteri dahulu, menteri sekarang Dato' Sri Chan Kong Choy dan menteri dahulu Dato' Lim Leong Sik, mereka tidak diheret kepada mahkamah oleh sebab menyalah guna kuasa. Itu lebih mustahak, kalau kita percaya *rule of law*, tetapi Kabinet tidak menganggap serius dengan perkara ini, Kabinet boleh anggap serius isu-isu yang remeh-temeh semacam *Negaraku*, Wee Meng Chee. Betul, semalam baru *check* berapa hit *Negaraku* itu dalam *You-Tube*, lebih daripada tiga juta hit, lebih daripada tiga juta hit. Adakah dia seorang yang *unpatriotic*?

Dalam Dewan yang mulia ini ada Ahli Parlimen yang mengata dia, maki hamun dia, kata dia binatang, kenapa kita perlu sikap yang begitu ekstrem? Betul! Saya pun rasa, apabila saya tonton *You-Tube* bahawa adalah bahasa yang kasar, ada *reference-reference* yang sensitif tidak patut diadakan dan patut dibetulkan tetapi kita perlu boleh membetulkan beliau. Kenapa kita perlu mahu *canalize*, selain daripada tunjuk ajar kepada beliau kenapa kita mahu memangsakan beliau - *victimize* beliau, mahu *criminalize* beliau sebagai beliau seorang jenayah yang nombor satu di negara kita.

Kenapa? Kata mahu menggunakan National Anthem Act, Sediton Act, Internal Security Act, semua *act*, lempar kepada beliau. Mahu melucut kerakyatan beliau, mahu membatalkan pasport beliau, kenapa, kenapa reaksi yang *over reaction* itu? Kita tunjuk ajar bahasa yang kasar, patut tidak diadakan, ada *reference-reference* yang sensitif mengenai agama tidak patut diadakan supaya dia boleh belajar. Apa yang mustahak ialah apa niat beliau. Adakah dia ada *Negaraku* rap oleh sebab dia tidak cinta negara dan dia mahu jahanam negara? Adakah oleh sebab itu dia tidak setia kepada negara? Atau itulah cara beliau untuk melahirkan pandangan beliau, kecintaan beliau.

Sungguhpun *method* cara itu tidak sedap didengar, kita boleh setuju tetapi apa yang mustahak ialah kenapa ada tiga juga hit? Ini oleh sebab isi kandungan lagu beliau, lagu itu menyuarakan *frustration* rakyat Malaysia khususnya generasi yang muda yang patut di pandang berat oleh kerajaan. Mengenai korupsi - mengenal korupsi polis, mengenai ketidakadilan di negara kita, mengenai diskriminasi terhadap aliran pendidikan khususnya aliran daripada sekolah-sekolah Tionghoa, itulah semua *legitimate* yang patut diberi, didengar dan dikaji.

Adakah ini di buat? Tidak! semua dinafikan, diketepikan dan mahu lucut kerakyatan beliau. Sebab itulah antaranya Port Klang Free Zone - RM4.6 bilion tidak kisah tetapi Wee Meng Chee, jadi satu isu besar sehingga Kabinet perlu bincang dengan lama, panjang lebar dan ini mengikut Perdana Menteri sendiri kata bincang panjang lebar sehingga akibatnya sekarang ada dua pertikaian antara dua menteri, Menteri Kesihatan dan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, siapa talam dua muka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat yang lain, saya minta Ahli Yang Berhormat yang lain tolonglah beri peluang kepada Ipoh Timor. Jangan campur Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Banyak peluang dan itulah antara sebab mengakibatkan suasana di mana apabila rakyat negara ini *celebrate 50th Merdeka anniversary*, timbullah 'where are we going ?' *tanpa ada berasa...* bukan apa yang disebut oleh Wee Meng Chee mengenai korupsi dalam polis, tidak benar.

Hari ini tengok apa yang ada di *Utusan Malaysia*, satu surat - rencana oleh Tun Hanif Omar, 'Rasuah Bukan Legasi Saya', tetapi adalah masalah bermaharajalela di pihak polis. Oleh sebab, dua minggu, tiga minggu sebelum ini dia ada satu rencana dalam *STAR* yang kata bahawa masa beliau menjadi Naib Pengerusi Suruhanjaya Diraja mengenai polis, ada seorang pegawai tertinggi daripada Badan Pencegah Rasuah yang beritahu kepada beliau dan orang-orang lain, bahawa tanpa siasatan, 40% pegawai-pegawai tertinggi di pasukan polis boleh ditangkap atas rasuah.

Tanpa lagi siasatan yang perlu dibuatkan mengikut cara kehidupan mereka 40%. Berapa bilangan pegawai-pegawai tertinggi di pasukan polis yang boleh dianggap sebagai pegawai-pegawai tertinggi? 3,500 inspektor *above*. Adakah dalam tiga tahun ini sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan satu kempen untuk membasmi rasuah, seorang pun pegawai tertinggi pihak polis ditangkap, didakwa di mahkamah oleh sebab rasuah. Sungguhpun Tun Hanif Omar, *longest serving ex IGP, the most famous ex IGP* kata 40% dan dia ada satu surat kepada *Utusan Malaysia* yang ada mengecam beliau.

Sebab itulah hari ini dia tulis satu rencana untuk mempertahankan beliau bahawa "Rasuah Bukan Legasi Saya" dan menceritakan, menyenaraikan usaha-usaha beliau apabila menjadi IGP untuk memerangi rasuah dalam karier polis beliau.

Siapa itu pegawai tertinggi ACA yang memberitahu kepada Tun Hanif masa itu bahawa 40% pegawai tertinggi dalam pihak polis boleh ditangkap tanpa siasatan lagi oleh sebab rasuah mengikut cara hidup mereka.

■ 1220

Siapa itu pegawai tertinggi ACA yang memberitahu kepada Tun Haniff masa itu bahawa 40% pegawai tertinggi dalam pihak polis boleh ditangkap tanpa siasatan lagi atas sebab rasuah, mengikut cara hidup mereka? Siapa? Bukankah beliau ialah masa ialah Ketua Pengarah ACA, Datuk Zulkifli Mat Nor, beliau sendiri. Sekarang dia sendiripun perlulah meninggalkan jawatan itu.

Itulah masalah. Korupsi bermaharajalela. Adakah, saya bukan mahu membincang masalah korupsi di sini, tetapi latar belakang kenapa apabila negara merayakan ulang tahun ke-50 kemerdekaan, begitu banyak isu-isu yang *trouble* mereka. Mengenai krisis keyakinan kehakiman, bukan sahaja mengenai keputusan *Conference of Rulers* yang tidak bersetuju dengan *nominee* mengenai *Chief Judge of Malaya*, yang menyebabkan satu *constitutional crisis* untuk 7 bulan. Di mana jawatan kosong *Chief Judge of Malaya* tidak diisi sungguhpun Tan Sri Siti Normah bersara pada 5 Januari. Oleh kerana adalah sebab-sebab yang betul. Di mana *Conference of Rulers object* mengenai *nominee* yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang selepas dapat konsultansi perundingan dengan *chief of justice*. Itulah *nominee chief of justice*. *Nominee chief of justice*, di mana seorang *nominee* yang adalah 35 *outstanding judgments* yang belum diumumkan.

Bukankah ini sebenarnya satu *impeachable offence* mengikut *code of ethics* untuk hakim-hakim yang perlu ada satu tribunal ditubuhkan supaya hakim itu dibawa ke hadapan keadilan. Bukan sahaja itu satu aspek *judicial crisis*. 20 tahun dahulu kita ada menghadapi satu *judicial of crisis* oleh kerana campurtangan eksekutif. Kali ini bukan ada apa-apa campur tangan eksekutif, tetapi apa yang *rotten* yang berlaku dalam sistem kehakiman itu sendiri.

Baru-baru ini ada satu cadangan, satu cadangan bahawa *English common law* diketepikan, digantikan dengan *Islamic law*. Tun Saleh Abas, antara sebab-sebab beliau dipecat sebagai ketua, *lord president* ialah oleh kerana dia tidak hormat asas negara kita sebagai satu sekular sistem dan mahu mencadangkan Islamisasi sistem undang-undang.

Dengan presiden itu, bukankah cadangan yang dibuat oleh *the chief of justice* ialah satu cadangan di mana beliau patut dibawa ke satu *judicial tribunal* untuk menentukan sama ada beliau patut dipecat atau tidak dipecat. Kenapa ini berlaku? Sebab itu, dan cadangan ini pun bertentangan dengan *social contract*. *Social contract* 50 tahun dahulu. Bukan itu satu isu sahaja, apa yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 17 Julai, bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam, *Islamic State*. Tidak pernah menjadi *secular state* dan itulah diberi sokongan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, hari Isnin dalam jawapan kepada saya,

di mana beliau menegaskan Malaysia ialah sebuah negara *Islamic state*, bukan sahaja *Islamic nation*, *Islamic state*.

Oleh kerana dalam soalan saya, saya dengan spesifik sama ada Kabinet rela bersedia untuk *reaffirm social contract* bahawa Malaysia ialah sebuah negara sekular di mana Islam ialah *official religion*, tetapi Malaysia bukan *Islamic state*. Kita bukan bincang mengenai *Islamic nation* tetapi *Islamic state*. Ini menimbulkan perasaan kalau *social contract* 50 tahun dahulu boleh ditukar sewenang-wenangnya tanpa persetujuan, tanpa *consultation*, *what is a future* untuk negara kita? Apa masa hadapan? Itulah sebab *there is no sense of joy. Feel good, feel better* di dalam ini dan tidak gunalah kalau ada parti-parti yang kata sekarang, MCA kata bahawa pegang tegas kepada *Merdeka Constitution* kalau mereka sudah bersetuju bahawa *social contract* diubah sewenang-wenangnya. *Its already unilateral arbitrary erosion of the very meaning of social contract* dan sebab itu apa yang *consequentnya*.

Di sini ada seorang yang menulis seperti tulisan macam ini dengan izin, "*I decided that this year I will not fly the flag; which I grew up saluting and always respecting and almost always flying.*"

In 32 years of public service, ialah beliau, *in 32 years of public service, I used to keep a flag in my office. So, I flew the flag daily for all those years. Maybe it is because I respect the flag too much that I will not fly it this year; especially because of the many crooks and thieves who may also be flying it. All kinds of rule-breakers are flying it, some even breaking rules while flying it. And it appears, that it is merely our symbolic way of showing. Everything is okay, where in reality it is not. The original Merdeka spirit is not there anymore to my heart and mind. If the Tunku alive today, he would maybe even cry at how we have abused his dream. What then is a real meaning of flying the Jalur Gemilang? First and foremost the flag to me is a symbol of our nation, much like the Federal Constitution and the Yang di-Pertuan Agong are symbols of the nation.*

Both these are supra political but national institutions. They transcend party politic and exist to defend the interest of the nation and never only the sectarian interest of any one group. This symbolism is important even for the modern generation especially to teach them, our older and age' old values and serious courtesy We must therefore not abuse flag flying or making it a farce. Siapa menulis ini? Siapa menulis ini? Seorang *ex-senior government servant* yang berkhidmat untuk 32 tahun, K.J. John. *[Disampuk]*. Kenal dia? Bukan Khairy Jamaluddin Johnlah. *[Ketawa]*. Khidmat 32, *loyal, obedient civil servant. Hardworking and satu masa* sebelum beliau bersara dalam *ICT sector* untuk memajukan, menjayakan *Multimedia Super Corridor* yang dicadangkan oleh bekas perdana menteri. Kenapa? Kita boleh kata dia tidak patriotik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah berucap setengah jam ya..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, saya mahu, okey saya cuba. Itulah suasana kita, ambang *50th Merdeka Anniversary*. Sekarang, dua hari selepas itu, 3 September, adakah iklim, suasana lebih baik? Kita tengok apa yang berlaku dua, tiga hari ini. Kes Lai Yok Shan, seorang bayi tangan kiri tanggal, oleh kerana kecuiaan hospital Klang. Adakah ini menunjukkan bahawa *public service* kita ada *first world* atau lebih merosot? Tengok apa bukan sahaja hari ini. *Negligence let to death of trainee. National service trainee*, Mohd Rafi Ameer, bukan kata bahawa kemalangan tak boleh berlaku, tetapi apa yang dibaca di sini, keluarga Mohd Rafi Ameer ialah sikap kecuiaan pihak *National Service Department concerned* yang menimbulkan *negligence* dan tidak patut akibat kematian atau apa yang berlaku dua hari dahulu sahaja.

■ 1230

Satu syarikat yang ditajakan oleh satu parti Barisan Nasional. MAIKA skandal AGM semacam lagi setiap tahun *Annual Gangsters Meeting* bukan *Annual General Meeting*, *Annual Gangsters Meeting* berlaku tumbuk dan keganasan. Pun ada sebut tadi dalam usaha untuk Yang Berhormat dari PAS kemukakan cadangan mahu menanggungkan Dewan yang mulia ini untuk bincang mengenai kes karate *coach* Indonesia yang dipukul oleh pihak polis, itu masalah disiplin pihak polis. Pada hari kemerdekaan pun berlaku jenayah di Johor Bahru, di Kuala Lumpur di Pulau Pinang termasuk pembunuhan.

Dalam latar belakang semacam inilah kita perlu menumpukan perhatian kita bukan sahaja dan saya sangat rasa kesal tadi apabila saya berdiri untuk bertanya apakah angka. Kita ada minta satu permintaan untuk memperuntukkan RM18.2 juta untuk tambahan perbelanjaan sambutan perayaan kemerdekaan ke-50 tahun. Kertas yang ada di hadapan kita tidak menyeluruh, tidak lengkap. Oleh kerana kita tengok mengenai permintaan yang lain semacam permintaan sebanyak RM12.7 juta adalah untuk bayaran emolumen bagi pertambahan jawatan baru, di pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Kalau kita mahu tengok apa itu angka asal kita boleh dapat *immediately* serta-merta ialah RM82 juta, sekarang mahu tambah lagi RM2.7 atau angka yang lain semacam untuk RM61 juta untuk pembayaran kos penyelenggaraan kapal dan emolumen Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) apa angka asal ialah RM83 juta tambah lagi sekarang RM61 juta.

Tetapi untuk butiran mengenai perbelanjaan sambutan perayaan kemerdekaan ke-50 tahun RM18.2 *million* apa angka asal, tidak ada. Apabila saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dia marah, dia ugut kata kalau mahu teruskan pertanyaan, dia tidak mahu beri jalan kepada saya dalam masa jawapan. *This is very low class, this is very-very cheap*. Kita meminta maklumat supaya kita boleh bahas. Apa itu RM18 juta banding dengan angka yang asal, *unless* dia tidak tahu. Atau dia tidak berani memberi angka itu oleh kerana mungkin satu angka yang sangat besar bukan berpuluh-puluh mungkin beratus-ratus juta ringgit.

Kalau beratus-ratus juta ringgit, kita pun hak hendak tahu, rakyat pun berhak untuk tahu apa angka yang sebenarnya yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk *50th Merdeka*

Anniversary Celebration. Kenapa kita mesti tunggu sehingga masa penggulungan. *This figure must be at your finger tips*. Sekarang kita ada satu tabiat yang kita sangat kesal, di mana ada menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen datang jawab atau sama ada masa soal jawab atau penggulungan perbahasan mengikut apa kertas dan nota-nota yang diberikan tanpa kefahaman sepenuhnya. *Full control of the subject*, dan kalau berlaku kesilapan salahkan kakitangan kerajaan.

Saya rasa ini kita tidak boleh terima, mahu salahkan kakitangan kerajaan balik ke kementerian buat begitu, tidak boleh salahkan pihak kakitangan di sini. Di sini setiap Ahli Parlimen, setiap menteri, setiap timbalan menteri dan setiausaha Parlimen perlu bertanggungjawab dengan setiap perkataan yang dituturkan dalam Dewan ini. Dia tidak boleh *pass the buck* kepada *the civil servants*. Sungguhpun diberikan kepada *civil servants*, tetapi beliau perlu faham, *master the subjects, internalize the subject* datang ke Dewan yang mulia ini dan beri jawapan beri kenyataan, *cannot pass the buck*. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu *what is the original figure?*

Inilah bukan menunjukkan satu *public service* satu yang *world class*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu kata bahawa kita mahu satu *world class public service*. Kalau itulah yang ditunjukkan bukankah ini *confirm* bekas Perdana Menteri yang ada kata itu adalah *half pass six cabinet*. Di sini bekas Perdana Menteri berada di IJN untuk perbetulkan *bypass operation* beliau 89 dan sungguhpun kita ada pandangan perbezaan yang besar tetapi kita *wish him the best and the speediest recovery* dalam *operation* beliau. Kita harap bahawa beliau akan diberi layanan yang baik di IJN, tetapi ini menimbulkan satu masalah, kenapa bekas Perdana Menteri boleh dapat layanan *prepared* dan dapat *treatment* di tanah air kita, tetapi kabinet sekarang nampaknya tidak percaya kepada *medical system* di negara kita.

Bukan sahaja Perdana Menteri tetapi nampaknya Menteri Pengangkutan pun sekarang pergi luar negara tetapi dapat layanan atau *consultation medical*. Tidakkah mereka ada kepercayaan, keyakinan mengenai *health system, medical system* di tanah air kita atau adakah *medical system* untuk rakyat biasa sahaja oleh kerana berlaku tragedi-tragedi dan skandal-skandal semacam Lai Yoke Shan di mana boleh hilang tangan oleh kerana suntikan yang salah. Oleh kerana kecuaihan bukan sahaja *housemen* tetapi *specialist* tetapi pun hospital dan pun sistem kementerian dan segala-galanya.

Saya berharap agar pihak Kementerian Kesihatan esok mungkin akan memberi satu kenyataan yang penuh mengenai skandal Lai Yoke Shan ini supaya kita dapat satu gambaran apa sebenarnya berlaku dan sama ada Kementerian Kesihatan rela memikul tanggungjawab sepenuhnya. Kementerian Kesihatan berkata akan memberi ganti rugi, apa cara ganti rugi *its going to be life long compensation* kepada *the unfortunate baby* atau apa-apa dan saya harap semua ini kita boleh dapat jawapan.

Akhirnya saya mahu tanya kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila memegang jawatan ada memberi jaminan bahawa akan membawa satu pentadbiran yang lebih terbuka, yang lebih demokratik tetapi nampaknya media *freedom, internet freedom* tidak pernah menghadapi tekanan semacam ini. Ada empat isu di mana bukan menteri sahaja, tidak perlu menteri, seorang pegawai dalam Publications Control and Al-Quran Text Unit boleh keluar arahan bahawa tidak boleh dilaporkan dalam Akhbar Perdana, *ministry media*. Perkara semacam pengumuman, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang *distraught constitution* bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islamic tidak boleh bincang. Kedua mengenai Wee Meng Chee – ‘Negaraku’ kes, ketiga mengenai pengumuman yang dibuat oleh Chief Justice bahawa mansuhkan *English Common Law* dan gantikan dengan Islamic Law ini pun tidak boleh disentuh lagi dalam Malaysia *newspaper*. Perkara keempat, baru-baru ini arahan dari Perbendaharaan bahawa semua projek di bawah RM30 juta perlulah dikhaskan dan *direservekan* untuk bumiputera. Kenapa semua isu satu demi satu dilihat sebagai sensitif?

Sebagai tidak boleh dibincangkan? Adakah ini kita ke arah satu *decade* lebih demokratik atau sebaliknya? Atau inilah satu signal selepas *election* akan datang mungkin era *reparation* akan datang, sekian terima kasih.

■ 1240

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Jasin. Jasin kena fikir ramai Ahli Yang Berhormat yang lain hendak berucap.

12.40 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya selalu patuh kepada kehendak Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana mengizinkan saya untuk bersama-sama membahaskan tentang peruntukan tambahan.

Saya hendak mulakan dengan 50 tahun merdeka, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia yang mana di mana kita pergi kita lihat bahawa rakyat Malaysia berpuas hati dengan 50 tahun merdeka yang diperintah oleh Barisan Nasional. Rata-rata yang kita pergi, Tuan Yang di-Pertua, sambutan oleh orang Melayu, orang Cina, orang India dan semua bangsa dalam negara kita telah menyambut dan berpuas hati dengan sambutan merdeka dan berpuas hati dengan pembangunan negara kita kecuali dua tiga kerat itu sahaja dan kita pun amat kesal sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Saya hendak tambah hujah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:50 tahun kita ada pembangkang yang macam ini rupanya, Tuan Yang di-Pertua. Sila, Yang Berhormat Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, tidak payah tambah. Kalau ada penjelasan, minta. Kalau tambah tidak payah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Jasin sedar bahawa veteran-veteran tentera British yang berkhidmat di Malaya semasa darurat dulu, mereka datang balik, mereka tengok Malaysia dan kata, "*Gorgeous! Fantastic!*" Apa ini, *half past six* - dia kata Malaysia tidak bagus! Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Ini Mat Salleh, Orang Putih, yang kita interviu untuk TV, kepada pelancong-pelancong. Tanya pasal Malaysia, semua kata Malaysia bagus. Ini apa ini, dia kata Malaysia tidak bagus?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Jerai. Di Melaka pun ada. Ada orang Australia yang berkhidmat di Terendak Kem tahun 60-an, kali ini tahun 2007 dia datang oleh kerana kita jemput sempena 50 tahun kemerdekaan. Punya terkejutnya dia melihat Melaka, melihat Terendak Kem sudah berubah wajah. Pembangunan begitu pesat sehinggakan dia kata mungkin negara dia pun tidak boleh capai macam ini dalam masa yang begitu dekat.

Hanya dua tiga kerat ini sahaja! Saya minta supaya rakyat Malaysia ini jangan ambil kira puak-puak itu. Ha, ini dia sebut tentang pembangunan. Itu yang saya ...4.6 bilion? Untuk pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bukan kita dapat *free!* Puak inilah juga masa kita buat Jambatan Pulau Pinang dulu, dia pun kata, rasuah, membazir dan apa semua. Hari ini apa sudah jadi? Jambatan Pulau Pinang hari-hari dia pakai. Sekarang ini sudah sesak, sudah kena buat jambatan nombor dua dan nombor tiga pula.

Come on, man! Come on. Malaysia pada hari ini *trading nation* yang nombor 17 terbesar dalam dunia. Pelabuhan kita di Klang adalah *the 10th busiest port in the world!* Bukan dapat *free*. Negara kita perlukan satu lagi pelabuhan di Klang sebagaimana yang disebutkan tadi. Apa yang hendak dihebohkan pasal RM4.6 bilion. Dia hendak soal tentang tanah, kononnya tanah ini dibeli RM3, kerajaan ambil RM25. Masa beli tanah RM3 tengok tanahnya macam mana. Tanah pun tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Tanah pun tidak ada. Kalau air pasang sikit sudah tidak ada tanah dah! Bukan saya apa, kita tahu kawasan itu. Ia terpaksa ditambak 21 kaki, Tuan Yang di-Pertua, tujuh meter daripada bawah ini sampai ke bumbung atas itu dengan tanah. *Freekah tanah ini?*

Selepas itu tanah pertanian tukar syarat pergi kepada pelabuhan perindustrian, kena bayar premium. Mestilah. *Freekah* kalau bayar premium? Siapa yang hendak berniaga beli RM3, jual RM3? Kerja kena tambak, berapa tahun hendak kena tambak 21 kaki? Bayar premium lagi, lepas itu longkang lagi, itu lagi dan apa semua ini lagi. Apa semua ini *free?*

Seorang Ahli: Belakah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Bukan kita bela, ini kerana pada hari ini negara kita sedang membangun. Kita akan membangunkan kawasan Iskandar di Johor, kita akan membangunkan di sebelah utara termasuk *Penang, you* punya kawasan. Adakah orang ini

akan datang nanti untuk membangunkan kawasan itu, datang dengan *free* sahaja? Kalau begini nanti, saya takut pelabur-pelabur takut hendak datang oleh kerana dua tiga orang ini. Asal sikit sahaja, wah, *bailout*. Asal sikit sahaja, rasuah. Asal sikit sahaja, hidu. Siapa yang mahu datang nanti ke negara kita? Saya mahu datang?

Saya berharap kita akan berfikiran terbuka. 50 tahun kita merdeka, kita dapat bangunkan negara kita dan pada hari ini kita hendak ke hadapan 50 tahun lagi. Bukalah sikit minda ini! Silakan, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, saya ingat sejarah. Kita ada Lapangan Terbang Subang dulu, tidak mencukupi. Kemudian apabila kita buat Lapangan Terbang KLIA yang begitu besar dia kata membazir wang - *white elephant*. Itu perkataan yang biasa kita dengarlah, *white elephant* dan tidak ada ketelusan, tetapi sekarang ini kita pergi tengoklah Lapangan Terbang KLIA, bukanlah saya hendak kata tetapi *one of the best airport in the world*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *One of the best*, dengan izin, lapangan terbang yang terbaik di dunia. Jadi, perkara-perkara yang buruk, kalau kita...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun meninggalkan Dewan*].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukit Mertajam mahu pergi mana? [*Bercakap dalam bahasa Cina*] ...dengan izin. [*Ketawa*] Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bila kita *far-sighted* - kalau kita hari ini hendak buat Lapangan Terbang KLIA, saya ingat ia akan menelan belanja 100 kali ganda, tetapi pemimpin kita pandang jauh ke hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa yang berucap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Jerai. Ha, inilah semua. Sudah lari semuanya, Tuan Yang di-Pertua. Sudah lari semua hero-hero. Saya hendak berhadap dengan dia. Kita kena pandang jauh sikit - 50 tahun kita merdeka. Benda-benda ini bukan datang bergolek. Ini kerana rakyat Malaysia ini semuanya bekerja kuat. Kita juga boleh mengadakan infrastruktur-infrastruktur bertaraf dunia. Ini yang kita tengah buat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ayer Hitam pun kita tengah bangunkan, Tuan Yang di-Pertua. Tempat pertanian bersepadu yang begitu besar. Dia tidak cukup makankah? Bertambah lama, bertambah gemuk, Tuan Yang di-Pertua. Orang Jasin tidak hendak dia, dia lari ke sana. [*Ketawa*] Silakan, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa banyak

kerja yang telah dibuat di PKFZ dan kita sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional, kita juga tidak mahu melihat kerajaan membazir wang. Itu juga satu perkara yang kita tidak boleh kompromi, tetapi dalam soal ini, apabila sesuatu fakta dilontarkan, kononnya ada keuntungan daripada RM3 menjadi RM25 tanpa mengambil kira fakta-fakta penambakan apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kementerian dalam menjawab nanti sepatutnya memberi gambaran yang lebih jelas apakah kerja penambakan dari segi *detail* dan apakah infrastruktur dari segi *flyover* yang dibuat dan dari segi *facility* yang telah dibekalkan, dan apakah asas penilaian itu. Saya rasa itu yang mungkin rakyat masih belum mendapat gambaran yang lebih jelas tentang perkara ini dan mereka mungkin terikut-ikut dengan apa yang telah dilontarkan selama ini.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat juga. Sekarang ada orang yang mengatakan itu 'gajah putih' dan dari penjelasan kerajaan sebelum ini mengatakan ia satu projek yang baru bermula, apakah pandangan Yang Berhormat? Apakah tindakan yang patut diambil oleh kementerian untuk memastikan kejayaan dan tidak sahaja tidak berganjak dari situ - perlu sesuatu strategi untuk melancarkan lagi pembangunan ini?

Yang terakhir sekali mengenai satu pertikaian yang telah dilontarkan banyak kali. Setahu saya, dari surat khabar, apa yang saya dapat penjelasan itu adalah satu jenis *soft loan* berbanding dengan *bailout* adalah perkara yang berlainan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlu mendapatkan penjelasan yang lebih jelas supaya perkara ini dapat kita kikis dan tidak ada prasangka lagi dalam kes ini? Terima kasih.

■ 1250

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Ayer Hitam. Saya bila tengok dalam surat khabar, tidak payah kementerian hendak jawab, saya sendiri pun boleh jawab. RM4.6 bilion ini datang *arrive* bukan kata hari ini bayar duit. 10 tahun, 15 tahun. Jawabnya mestilah berganda. Kalau RM2 bilion, mungkin jadi sampai RM3 bilion, RM4 bilion. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kita beli rumah, beli rumah hari ini RM100,000. Pinjam duit bank 10 tahun, 15 tahun. Bayar *interest* 7.5%. Kita bayar "encel-encel".

Jadi apabila dalam masa 15 tahun rumah yang kita beli hari ini RM100,000, 15 tahun esok kita bayar mungkin RM200,000, *double*. Ini yang berlaku. Tetapi orang-orang ini dia tidak faham, mungkin. Saya pun tidak tahu. Dengar RM4.6 bilion. Wah kata dia. Tapi cara bayaran kena tengok dan saya juga setuju kalau boleh supaya pihak kementerian apabila menjawabnya kita *detail-detail* kan kerana orang-orang macam ini Tuan Yang di-Pertua, bila kita hendak terangkan macam ini dia pun tidak suka nak dengar. Dia lari. Lepas itu, dia bercakap merata-rata. Kalau inilah cara pembangkang kita Tuan Yang di-Pertua, 50 tahun lagi negara kita tidak boleh maju. Saya dengar...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] : [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tunggu Tangga Batu. Saya dengar Tuan Yang di-Pertua, yang membawa berita ini mula asalnya daripada Singapura. Negara jiran kita. Betul kita hendak berbaik dengan dia. Negara jiran kita yang memang iri hati dekat kita Tuan Yang di-Pertua. Pelabuhan kita makin lama makin maju. *West Port* bertambah maju. *North Port* bertambah maju. PTP bertambah maju. Ini lepas itu kita hendak buat *oil pipeline* daripada Jerai pergi dekat Bachok, Kelantan. Esok kapal tidak lalu Tuan Yang di-Pertua. Tidak lalu dekat Singapura. Cukup dekat Malaysia saja sudah selesai itu semua. Eh...dia senang hati ke dengan kita?

Yang saya hairan, mengapa pula pembangkang seolah-olah menyebelah yang sebelah itu. Buat apa? Menyebelah negara jiran kita buat apa? Ini hendak cerita tentang yang *referee* taekwando kena pukul polis yang hendak heboh-heboh sangat. Baru satu orang dia kena pukul, dia hendak tunjuk perasaan. Kita pula hendak beria-ia. Kalau orang Malaysia hendak tunjuk perasaan Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap hari kita tunjuk perasaan Tuan Yang di-Pertua. Berapa banyak rakyat Malaysia pada hari ini rumah kena pecah? Berapa banyak Ahli Parlimen rumah kena pecah? Yang buat kerja itu siapa? Apa kita tidak tahu tunjuk perasaan ke? Berapa banyak sudah rakyat Malaysia yang terbunuh? Kita tidak boleh tunjuk perasaan ke?

Tapi buat apa. Benda itu kecil. Tetapi bila salah, mungkin oleh sebab dia apabila hendak ditahankan polis dia melawan. Bila dia melawan, polis apa lagi. Habis kita hendak salahkan polis kita oleh sebab itu? Jadi polis kita ini kena terpacak sajalah. Apa orang buat ikut suka saja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah kalau pun pembangkang begini, kalau hendak buat, mengutuk, hendak semua ini, tengok dulu, jangan sebarang-sebarang hendak kata. Sila Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, Tuan Yang di-Pertua. Saya seronok dengar mukadimah Yang Berhormat Jasin. Tiba-tiba dia sudah melompat terus kepada *detail*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan mukadimah. Saya sekejap lagi hendak minta dia berhenti.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak boleh. Ketua pembangkang Tuan Yang di-Pertua bagi sampai satu jam. Yang Berhormat Jasin sekurang-kurangnya pun satu jam setengah. Yang Berhormat Jasin, ada dua perkara yang disebut oleh ketua pembangkang tadi. Saya ingat Yang Berhormat Jasin hendak sebut benda ini tetapi tidak sebut. Yang pertama tentang kes Wee Meng Chee. Ada unsur-unsur pembelaan dan saya lihat benda itu sebagai meraih sokongan murahan. Yang Berhormat, *please* tolong *elaborate* kan tajuk ini. Yang kedua ialah tentang Jalur Gemilang, bendera Malaysia tentang seorang *public servant*, yang 32 tahun berkhidmat, K.J John namanya, yang tidak menghormati bendera kerana beranggapan bahawa hari ini bendera ini dijulang oleh mereka yang tidak sepatutnya menjulang bendera tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat menganggap Jasin sebagai menteri untuk menjawab soalan dikemukakan

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin. Saya kira sebagai menteri yang boleh berlawan dengan ketua pembangkang dalam *backbencher* inilah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat Jasin nampak sangat sama ada John KJ atau Wee Meng Chee dia tidak faham perbezaan menghormati bendera. Bendera adalah hak negara. Kalau dia tidak hormat kerajaan, itu soal lain. Tetapi, bendera ini dibuangkan. Nampak penyokong-penyokong pembangkang ini semuanya berfikiran sempit. Fikir dalam kotak. *Compartmentalize*. Dia tidak ada hendak fikir jauh ke hadapan. Apa pendapat Yang Berhormat Jasin tentang perkara ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tangga Batu. Kadang-kadang mereka ini hendak jadi *hero* konon. Berkenaan dengan semangat kebangsaan, bendera baik ataupun lagu kebangsaan kita Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua rakyat Malaysia, ini bukan soal bangsa. Ini bukan soal keterangan bangsa ataupun apa semua. Tetapi ini masalah pokok yang mana menjadi tugas dan tanggungjawab tiap-tiap rakyat Malaysia. Lagu kebangsaan dan bendera negara ini jangan siapa-siapa berani memperkotak-katikkan atau mempermain-mainkan. Dalam Dewan Rakyat dulu pun, tentang lagu Negaraku dulu kita pun pernah bangun menentang seorang penyanyi yang berbangsa Melayu yang mempertikaikan ataupun mempersendakan lagu kebangsaan. Kita bangun. Kita menentang. Ini bukan soal bangsa.

Tetapi penghormatan kepada negara ini Tuan Yang di-Pertua, apa pun jadi bendera dan lagu kebangsaan jangan siapa rakyat Malaysia yang berani main-mainkan dan memperlekeh-lekehkan. Jadi saya di antara orang yang telah di *interview* oleh akhbar di Malaysia, saya kata kalau rakyat macam ini mempersendakan lagu-lagu kebangsaan kita, Malaysia tidak akan rugi kalau kita hilang satu orang rakyat macam ini. Tidak akan rugi, kerana mempersenda-sendakan. Jadi dalam akhirnya kita lihat Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah masyarakat, masalah rakyat. Kadang-kadang orang *politicise* kan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, berapa minit lagi saya boleh bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bila masa sampai saya akan tegur.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Itu baru mukadimah Tuan Yang di-Pertua. Saya belum masuk lagi ada butiran saya hendak masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang boleh masuk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah alam sekitar yang sedang hari ini diperkatakan dalam surat khabar, televisyen berkenaan dengan penternakan khinzir dekat Melaka, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini sudah jadi seolah-olah orang membuatkan sebagai *political issue*. Kerajaan negeri memberi kebenaran. Bukan kita tidak bagi peliharaan khinzir. Peliharalah. Tetapi untuk kegunaan masyarakat dekat Melaka. Yang dibenarkan 48,000.

Tetapi hari ini ada 64 orang penternak-penternak yang tidak dilesenkan mengambil kesempatan. Pelihara sampai 150,000 ekor. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mempersilakan semua wakil rakyat datang ke kawasan tersebut. Saya hendak buat kenduri di situ. Saya hendak tengok tuan-tuan boleh makan ataupun tidak. Yang Berhormat boleh makan atau tidak dengan bau dia. 64 orang penternak babi Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya esok saya takut 10,000 orang kampung Paya Mengkuang, orang kampung Sungai Tuang, orang kampung Sungai Baru, termasuk Kuala Linggi, 10,000 ini akan menjadi gila Tuan Yang di-Pertua. Gila. Bila hendak makan saja kena bau, berhenti makan. Buat kenduri kahwin, orang semua datang.

Angin tiup saja berbau. Orang yang kenduri kahwin pun basuh tangan balik. Saya pun ramai kawan-kawan di kawasan itu Tuan Yang di-Pertua. Yang daripada kaum Tionghua, mereka pun tidak setuju. Lebih mendukacitakan, kebanyakan tauke-tauke yang membiayai itu daripada Singapura. Mengapa dia bagi susah orang Melaka Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Yang Berhormat, Terima kasih. Saya dari Kelantan ini tidak berapa faham. Minta penjelasan Yang Berhormat Jasin. Adakah Melaka ini satu negeri yang mengeksport khinzir. Saya terkejut dengar macam ini. Cuba beri penjelasan yang agak *detail* sedikit mengenai ini. Saya pun terkejut dengar macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya boleh benarkan Yang Berhormat berucap 10 minit lagilah. Tetapi sambung selepas rehat tengah hari. Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Minta Yang Berhormat Jasin menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyambung ucapan saya dengan menjawab perkara yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi, adakah Melaka sekarang ini menjadi pengeksport khinzir.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Gerik bangun.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Boleh? Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Sebab saya hendak *reverse* sedikit sahaja ada satu persoalan yang ditimbulkan sebelum ini mengenai PKFZ ini yang ditimbulkan tadi. Ada satu isu di mana mungkin adanya peranan akhbar tertentu *The Sun* siapa di belakangnya itu yang menggembar-gemburkan perkara sesetengahnya itu tidak benar mungkin membuat fitnah dan sebagainya. Apa pendapat Yang Berhormat Jasin mengenai hal ini, peranan akhbar *The Sun* ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik, biar saya habiskan Kuala Krai dahulu.

Memang kerajaan negeri pada peringkat awal, memang kita membenarkan mereka ini menternak khinzir dengan kuotanya 48,000 untuk kegunaan tempatan negeri Melaka dan kawasan di sekitarnya tetapi malangnya pada hari ini ada 64 penternak yang tidak berlesen yang mengambil kesempatan akhirnya bilangan ini telah naik kepada 150,000, itu berdaftar, yang tidak berdaftar mungkin lebih besar daripada itu Tuan Yang di-Pertua.

Kawasan itu sekarang ini telah menjadi bukan sahaja pengeksport terbesar di Malaysia, sudah menjadi pusat ternakan khinzir yang terbesar di Asia Tenggara. Saya timbulkan ini Tuan Yang di-Pertua kerana mengikut daripada kajian pakar veterinar, seekor khinzir ini mengeluarkan najis setiap hari bersamaan dengan 10 orang manusia. Cuba kita bayangkan di suatu perkampungan yang tidak berapa luas, penduduk di situ dan pembangunan yang ada di situ adanya Akademi Laut Malaysia, adanya Kolej Islam Antarabangsa di situ dan cuba bayangkan kalau pendapat daripada pakar veterinar ini seekor khinzir bersamaan 10 manusia punya najis, 150,000 khinzir bermakna 1.5 juta manusia punya najis duduk di kampung itu. Itu yang saya katakan tadi, saya takut akhirnya besok, 10,000 manusia yang duduk di kawasan akan menjadi gila yang saya takut kemudian Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja gila, dia akan menjadi gila babi.

Kebetulan di kawasan itu, perairan pantainya adalah sebahagian daripada pantai negeri Melaka yang begitu indah dan cantik. Kalau dari Terendak Kem di Melaka itu bawa ke sampai ke sempadan Johor, kebanyakan kawasan-kawasan itu adalah pantai berlumpur. Namun, dari Terendak Kem bawa ke atas sampai ke sempadan Negeri Sembilan merupakan kawasan-kawasan pantai berpasir. Di situlah letaknya satu pusat peranginan yang dinamakan Tanjong Bidara yang keadaan pantainya lebih cantik daripada Port Dickson malah lebih cantik daripada Penang ataupun Langkawi pun cantik kawasan itu.

Pada hari ini sudah ada tanda-tanda bahawa air laut itu sudah hitam oleh kerana najis-najis yang tidak dikawal. Oleh yang demikian, saya berharap supaya kementerian-kementerian yang terbabit, ini bukan masalah perkauman, ini bukan masalah yang kita patut politikkan tetapi masalah alam sekitar yang melibatkan kita semua. Saya tidak mahu lagi kalau tidak dikawal daripada sekarang, saya takut yang pernah menimpa kepada negara, bagaimana yang berlaku

beberapa tahun sudah di Bukit Pelanduk dengan adanya penyakit JE yang mengorbankan banyak jiwa.

Kalau tidak terkawal ini baru-baru ini di Sarawak berlaku Tuan Yang di-Pertua. Di Sarawak, saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak pun tidak tahu.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pasir Puteh bangun, Pasir Puteh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nanti sekejap. Cerita Sarawak sekejap. Sarawak di kawasan Serian, Yang Berhormat Mambong. Satu budak nama dia 'Brisbane a/ltang', umur 11 tahun pada bulan September 2006 disahkan kena penyakit JE. Beliau ini ialah budak sekolah asrama penuh yang mana ada kandang khinzir lebih kurang 20 meter dari sekolah yang tidak terkawal cara pemeliharaan, tidak terkawal hari ini masih lagi koma disahkan JE. Disahkan oleh doktor pakar yang bernama 'Dr. Eng Hong Pak', pakar daripada Hospital Besar Kuching mengesahkan budak ini kena JE. Ini yang kedua Tuan Yang di-Pertua kerana tak terkawal.

Kita takut lagi kalau tidak terkawal kerana rakyat negeri Melaka, kita ini toleran berkenaan dengan mereka hendak pelihara khinzir, pelihara apa... kita orang Melaka tidak kisah yang sebenarnya memang kita benarkan tetapi biarlah pelihara dengan cara saintifik, lebih *environment friendly* kerana kita sudah 50 tahun merdeka. Denmark, Belanda menjadi pengeluar khinzir yang terbesar di Eropah kita pergi sana tak ada bau.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat. Ada dua yang bangun.

■ 1440

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Cara mereka pelihara itu betul, tetapi mengapa perkara ini sudah 50 tahun merdeka tidak dipraktikkan oleh penternak-penternak khinzir ini. Adakah kita hendak berternak cara lama yang boleh mengakibatkan kerosakan alam sekitar dan mungkin besok penyakit kali yang ketiga pula, kedua, ketiga JE melanda besok yang mana banyak yang mati. Sila Pasir Puteh dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, saudara, sahabat saya, abang saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak komen bab-bab perkauman. Kalau silap tolong tegur saya sebab saya bawa satu pendekatan manhaj Islam Hadhari dalam menjana Melaka sebagai mithali. Jadi saya hendak tanya, kalau tidak betul, tolong tegurkan.

Pelihara khinzir boleh dalam negara, dibolehkan, tetapi dikomersialkan. Pelihara dalam negeri untuk makan. Untuk makan la, tetapi bukan saya makanlah – orang yang makan khinzir.

Di Kelantan ada khinzir, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Serambi Mekah. Serambi Mekah pun ada khinzir, tetapi ada tempatnya. Saya tidak faham sistematik tadi. Apa maksud sistematik tadi Yang Berhormat Jasin? Sebab sistematik ini setahu saya mesti tempat yang terkawal, ada garis panduan yang ditetapkan supaya sisa-sisa tadi tidak mengalir ke tempat awam. Bukan begitu sistematik? Jadi bagi saya untuk pelihara untuk makan, bagi saya tidak timbul masalah, tetapi untuk dia makan pun di jaga, biar sistematik. Apa pandangan Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Pasir Puteh. Itu yang saya maksudkan. Kalau misalan kata, cara yang sistematik, ia ada *oxidation pond* dia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bermakna air-air najis itu tidak melimpah ke sungai, tidak melimpah ke laut dan di *treated* (dirawat). Barulah tidak ada bau, barulah tidak tercemar alam sekitar tetapi sekarang ini apa yang saya lihat *pond* itu ada tetapi sekadar ada sahaja yang mana *pond* ini tidak dapat menampung bilangan yang ada.

Bila tidak dapat menampung bilangan yang ada, itu yang melimpah ke sungai, akhirnya sungai pun tercemar, laut pun tercemar. Akhirnya sekarang ini masyarakat di sana hidup dengan keadaan yang serba-salah, Tuan Yang di-Pertua, walhal orang Melaka toleran. Saya hendak bawa, Tuan Yang di-Pertua, orang Melaka memang sudah biasa soal ini, kita sudah dari tahun 1414 dahulu pun kita sudah hidup dengan *multiracial* dan kita sudah biasa. Di Melakalah satu tempat yang ada kadang-kadang orang sebut orang Cina pun sebut OCBC (orang Cina bukan Cina). [Ketawa] Orang Baba ini.

OCBC – orang Cina bukan Cina pun ada di Melaka. Dia bangsa Cina tetapi hidup cara Melayu, berbahasa pun tidak tahu bahasa Cina dan dia pelihara babi. Seheinggakan ada satu pantun dua kerat, Tuan Yang di-Pertua, Dondang Sayang orang Melaka dahulu.

Cik oh nyonya, cik cangkung babi panggang

Cik sekampung, kita keluar sama-sama gotong-royong.

Ha, dia boleh bekerjasama, tidak ada hal punya. Dondang Sayang pun dia main itu. Kita toleran, tetapi keadaan yang ada sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak mengatasi dengan secepat mungkin, saya takut besok, yang pertama penyakit JE. Yang kedua, alam sekitar itu habis. Kolej Islam Antarabangsa di situ, kita puaslah pergi menguar-uarkan dan kita dapat *foreign student* berapa ramai datang situ. Tetapi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, buka tingkap sahaja, anak-anak orang itu hendak makan pun sudah tidak boleh makan sebab bau dahsyat.

Selepas itu kawasan peranginan di tepi pantai itu, berapa banyak chalet telah dibina – orang-orang kampung buat chalet – akhirnya sekarang ini banyak chalet itu terbiar. Ini yang dikata gajah putih. Bukan projek yang disebut di Klang itu yang baru yang lebih kurang tujuh bulan itu dikata gajah putih. Yang ini yang akan menjadi gajah putih sekarang ini, yang

diusahakan oleh orang kampung, chalet-chalet dan juga restoran-restoran sepanjang pantai ini yang mana pada hari ini orang sudah tempah, orang hendak duduk situ, akhirnya *cancel* kerana tidak boleh tahan dengan keadaan bau daripada khinzir ini. Sila Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih jiran saya dari Jasin. Kita memang benar-benar berjiran. Kalau kita lihat penternakan khinzir ini, yang paling penting untuk dirawat adalah najisnya. Bukan sahaja jumlah najisnya besar daripada manusia, tetapi kandungannya yang amat penting. Pertamanya dari segi BOD (*biochemical oxygen demand*), najis khinzir adalah tiga kali ganda lebih tinggi daripada najis kita manusia. Ini kita mesti fahamkan kerana ianya mencemar. Itulah sebabnya macam itu.

Kalau saya dengar daripada hujah-hujah jiran saya dari Jasin, saya nampak ada tiga isu yang amat penting. Yang pertamanya adalah dari segi merancang kegunaan tanah untuk penternakan khinzir. Kenapa kerajaan negeri tidak memberi satu kawasan sahaja supaya mereka boleh menternak khinzir di Melaka. Jika mereka semuanya di situ, ini bermakna bahawa najis khinzir boleh dirawat dengan sempurna. Bukan menggunakan *oxidation pond*, itu tidak boleh merawat najis khinzir. Kita mesti menggunakan teknologi yang sesuai seperti di Denmark, supaya najis ini kita boleh menghasilkan gas-gas metana untuk menjanakan elektrik. Itu yang pertama, bukan *oxidation pond*.

Yang kedua, tentang penyakit JE ini. Memang saya tahulah di mana budak ini tentang penyakit ini. Saya pun telah membuat pengesyoran agar beliau dirawat dan dijaga dengan lebih kerap lagi oleh pakar. Jadi tentang JE ini disebabkan oleh ibu dan bapa budak ini bekerja di ladang khinzir. Itulah sebab dia boleh dijangkiti oleh JE. Walaupun demikian, JE daripada khinzir datangnya juga daripada makhluk-makhluk yang lain seperti *bats* ataupun burung kelawar dan ianya juga boleh dibawa oleh nyamuk kepada kita manusia. Kalau nyamuk itu gigit kita, terkenalah kita nanti.

Semuanya ini kita harus berjaga-jaga dan yang paling penting adalah perancangan untuk kegunaan tanah supaya ladang-ladang khinzir semua bertapak di satu tempat supaya najisnya boleh dirawat dengan sempurna dan juga memberi manfaat kepada siapa yang boleh mengguna *methane* untuk menjana elektrik kerana ianya lebih tinggi lagi daripada manusia. Mohon Jasin menjelaskan tentang perancangan kegunaan tanah ini oleh kerajaan negeri?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya, Mambong. Saya tidaklah hendak jadi pakar babi. *[Ketawa]* Walau macam mana pun inilah hasrat kerajaan negeri. Kita bukan kata hendak menghalang pemeliharaan tetapi biarlah pemeliharaan itu mengikut daripada spesifikasi yang tidak akan mengakibatkan ancaman kepada alam sekitar, kesihatan dan mesra alam. Saya difahamkan banyak syarikat daripada Denmark ataupun syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai teknologi Denmark dan juga teknologi Belanda pergi

berjumpa dengan penternak-penternak, tetapi mereka tidak hendak gunakan teknologi itu, seolah-olah macam kata, kalau kerajaan tidak bertindak, apa guna ini teknologi.

■ 1450

Ini saya hendak minta supaya Kerajaan Pusat dan juga semua kementerian yang terlibat. Kita sudah 50 tahun merdeka, kita kata kita *first world mentality*, kalau hendak pelihara babi pun ataupun khinzir ini Tuan Yang di-Pertua mestilah macam *first world*. Mesti macam *first world* supaya benda ini tidak akan menjadi ancaman kepada kita dan masyarakat majmuk dalam negara kita yang kita praktis sekarang supaya tidak akan menjadi kucar kacir disebabkan perkara ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Jasin?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Gajah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak payah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak bagi jalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tadi bos dia pun tidak bagi jalan kepada saya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini *first world Parliamentary*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan Batu Gajah.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ha? Itu saya punya sukalah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu interpretasi dia sendiri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terpulang pada you. Saya berharap benda ini biarlah diambil serius sedikit kerana saya tidak hendak kerana kita kerajaan ini Tuan Yang di-Pertua, bila dah jadi hal baru hendak ambil tindakan. Ini yang selama ini kita buat, barulah hendak ada OPS itulah, OPS inilah, OPS sini. Apabila kita hendak tunggu sampai orang dekat Kuala Linggi, Sungai Tuang, Paya Mengkuang mati, baru kita hendak ambil, hendak menjalankan operasi itulah, operasi ini, baru hendak ambil tindakan. Tengok macam hari itu, dua tiga minggu sudah, bila orang mati *accident* bas, barulah JPJ hendak buat OPS lah, Lembaga Pelesenan hendak buat OPS, polis hendak OPS lah, selepas 22 orang mati barulah operasi. Jadi yang hari-hari ini tidak ada kerja ke? Tidak bekerja ke semua? Bila dah mati baru hendak buat operasi. Kita tengok banyak, aneh.

Yang ini yang sepatutnya yang harus kita kemukakan. Soalan daripada Gerik tadi, berkenaan dengan Pelabuhan Klang *free trade zone* ini, yang digembar-gemburkan oleh *The Sun*. Kajilah dulu, adakah projek ini baik untuk negara? Jangan semuanya hendak didedahkan dengan cara sewenang-wenangnya. Kadang-kadang mereka ini kita tidak tahu, mungkin rakyat hari ini macam mana disebut oleh Ipoh Timor tadi, itu rasuah, ini rasuah, ini rasuah. Apa kita dekat Malaysia ini tidak ada kerja lain ke? Kita sudah membangunkan negara ini daripada negara pertanian menjadi negara perindustrian yang begitu hebat, dikagumi oleh dunia luar.

Kalau inilah cara kita berfikir, walau surat khabar kah, walau pembangkang pun ataupun rakyat Malaysia berfikir macam ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingat negara kita akan mengalami benda yang hitam pada masa akan datang.

Kita kena fikir positif sikitlah, siasat dahulu, adakah benda ini membazir ataupun tidak. Baru tujuh bulan, lapan bulan projek ini dibuka, dah ada orang sewa, dah berapa belas orang sewa. Gajah putih ke? Tunggulah! Tunggulah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Puchong Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kerana *Rome is not build in a day*, dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dengan izin ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Baru-baru ini kita telah menyambut hari kemerdekaan yang ke-50. Satu *statement* daripada Presiden Amerika Syarikat bahawa mengenai kepimpinan Perdana Menteri kita, dia memuji kerana keterbukaan dia, dan cara bagaimana kita boleh menyuarakan kebebasan pendapat ini dengan secara lebih positif. Bukankah ini satu pembangunan, satu perubahan yang positif, kenapa ada lagi pihak-pihak tertentu selalu mengacau ganggu kepada proses keterbukaan yang sedang berlaku ini. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat Jasin mengenai perkara ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Puchong. Kalau negara-negara ini tidak kagum terhadap kemerdekaan 50 tahun kita yang baru-baru ini, saya penuh yakin dan percaya Queen Elizabeth pun tidak hantar anak dia sebagai wakil. Saya penuh yakin dan percaya Perdana Menteri Singapura pun tak nak datang, saya percaya Sultan Brunei tidak datang dan semua *leader* tidak datang, hantar wakil. Hanya kita rakyat Malaysia segelintir daripada mereka yang pekak dan buta sahaja yang mempunyai, apa makna merdeka? Apa makna merdeka?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak merdeka, di mana negara kita? Kalau kerajaan ini tidak baik, *highway* tidak ada Tuan Yang di-Pertua, tapi mereka pakai juga *highway*, hendak buat *highway* dulu dia juga yang menghentam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu dia pi mana itu?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia nak *try highway* lah itu. Jadi saya berharaplah, saya berharap semua Ahli Parlimen pembangkang ataupun kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat kena gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kita harus bersyukur Tuan Yang di-Pertua. Saya belum sampai kepada tajuk ini Tuan Yang di-Pertua, belum lagi, ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, yang lain pun hendak cakap juga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kerana negara kita hendak merdeka Tuan Yang di-Pertua, dah merdeka 50 tahun tapi kita ada 50 tahun akan datang yang akan kita bina negara ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang lain pun ada tajuk dia juga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya saya ada tajuk *last* Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang kita hadapi ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang mereka ini jadi *champion*. Saya pernah bercakap minggu sudah. “Kalau kita hendak melentur buluh, mesti daripada rebungnya”, bermakna anak-anak kita bagaimana dalam Belanjawan, saya hendak masuk Belanjawan ini Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Belum masuk Belanjawan lagi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Belum, belum. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang kita bagi peruntukan tadi berkenaan dengan persekolahan anak-anak kita. Kalau kita lihat negara kita ini maju ini Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin kita. Malah kakitangan kerajaan yang ada pada hari ini yang memegang tampuk-tampuk tinggi dekat kementerian-kementerian. Mereka lahir daripada sekolah jenis apa? Sekolah jenis apa?

Seorang Ahli: Kebangsaan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hari ini orang Melayu akan memperjuangkan sekolah kebangsaan kita, orang Cina akan mempertahankan sekolah jenis kebangsaan Cina, orang India juga akan mempertahankan sekolah jenis kebangsaan Tamil dia. Akhirnya saya takut Tuan Yang di-Pertua, kalau ini kita tidak dapat selesaikan sekarang ini selepas 50 tahun merdeka, saya takut esok negara kita ini akan menghadapi masalah interaksi antara kaum yang besar 50 tahun akan datang. Kita kena duduk balik, kita kena duduk balik, kalau kita penuh yakin dan percaya sekolah Cina ini dapat membangunkan masyarakat kita, generasi kita akan datang, mengapa tidak kita pakai satu saja sekolah Cina, orang Melayu masuk sekolah Cina, orang India masuk sekolah Cina. Kalau kita yakin yang sekolah Tamil ini pula dapat membantu dan membangunkan negara akan datang dan lebih baik daripada sekolah-sekolah lain, kita tutup sekolah Melayu, kita tutup sekolah Cina, kita masuk sekolah Tamil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi yang mengatakan

sistem pelbagai aliran yang sedia wujud 50 tahun. Sedarkah Yang Berhormat sebenarnya dalam Pelan Induk Pendidikan yang dilancarkan pada awal tahun ini telah jelas termaktub bahawa hakikinya ataupun pendidikan pelbagai aliran ini merupakan satu hakikat di Malaysia. Ia merupakan sesuatu yang memberikan kekuatan kepada negara kita sebab kita ada kepelbagaian tetapi ramai yang melihat ini sebagai satu dalam konteks yang sempit di mana apabila sesuatu kaum mempelajari bahasa ibunda akhirnya masyarakat menjadi kucar-kacir, tidak bersatu-padu.

■ 1500

Tidakkah Yang Berhormat, kalau kita melihat dalam satu perspektif yang lebih luas, misalan dalam sekolah menengah kebangsaan, kebanyakannya 90% yang masuk SJKC akhirnya akan masuk ke sekolah menengah kebangsaan. Saya sebagai contoh, saya sendiri dari SJKC dan saya masuk ke sekolah menengah kebangsaan. Bagi saya, pengalaman saya sendiri, apa yang boleh menyemai perasaan patriotik, bergaul dengan kawan-kawan saya, saya rasa sekolah menengah kebangsaan itu lebih penting. Jadi saya rasa, bukankah Yang Berhormat berpendapat bahawa kita perlu memperkukuhkan lagi asas kita di sekolah menengah kebangsaan.

Apa yang ada pelbagai aliran, yang ini merupakan satu kekuatan dalam kita menghadapi dunia yang dikatakan globalisasi dan apa pandangan Yang Berhormat, sekolah menengah kebangsaan saya rasa sekarang kita ada masih banyak ruang yang perlu tingkatkan perpaduan dan pelbagai masalah polarisasi yang berlaku sekarang patut kita atasi daripada kita melihat mana yang kita hendak kekalkan. Saya rasa di Malaysia ada banyak kaum. Hakikatnya kita tak boleh kata gunakan satu saja tapi Bahasa Malaysia itu tetap bahasa perpaduan untuk semua. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya setuju tapi masalah ini kita lihat kalau macam kata Yang Berhormat Ayer Hitam, apabila sekolah rendah pergi ke sekolah menengah kebangsaan, ok. Tetapi ada di antara mereka tak pergi sekolah menengah kebangsaan. Akhirnya dia berjumpa apabila bersama di peringkat universiti saja. Bila sampai ke peringkat universiti, dia buat aliran dia, kawan dia ini pun buat aliran dia. Ini pada masa akan datang, saya takut benda ini akan menjadi masalah. Tetapi itulah saya nak timbulkan balik, pernah dulu kita buat Sekolah Wawasan, yang mana sekolah kebangsaan Melayu ada, sekolah Cina ada, sekolah India ada tapi dia *share the same*, berbagi sama kantin yang sama, padang permainan yang sama. Mengapa ini tidak kita pertekankan balik supaya mereka boleh interaksi apabila di peringkat sekolah rendah lagi. Ini yang saya nak tekankan ini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa mungkin saya nak dapatkan penjelasan yang lebih mendalam daripada Yang Berhormat Jasin. Apa yang saya katakan tadi sebenarnya kita tidak sepatutnya melihat pendidikan pelbagai aliran itu membantut perpaduan kita. Kita ada banyak aspek, banyak *angle* yang perlu kita lihat dan setahu saya, kini kementerian sedang giat mempromosikan RIMUP. RIMUP adalah satu cara

Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan. Ini adalah ilham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pada pendapat Yang Berhormat, adakah ini lebih baik? Kalau kita lihat Sekolah Wawasan, bukan semua tempat yang kita boleh dapat satu komposisi kaum yang sama rata dan mungkin ada tempat itu kebanyakan majoriti satu kaum. Jadi saya rasa apa yang sedia ada, biarkan dan perpaduan dari segi sejati, dari segi kerjasama itu lebih penting daripada apa yang kita nak letak dalam satu bumbung. Saya rasa mungkin cara itu, aktiviti itu lebih baik untuk menyemai semangat perpaduan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Ayer Hitam tapi kita kena fikirkan apa saja kaedah. Kalau perlunya kawasan itu boleh buat Sekolah Wawasan, kita kena buat Sekolah Wawasan. Yang mana perlu, yang mana tempat yang boleh kerana ini menjadi *ultimate aim* kita kerana kita lihat, saya faham kepada Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Ayer Hitam lahir di kampung, tapi pada hari ini yang saya maksudkan ialah di kawasan-kawasan bandar. Kita lihat lain sekarang ini, dan kita kena terima hakikat ini. Kita kena terima hakikat ini kerana kita sayangkan negara kita ini, *we are work together* dengan izin.

Kita dah *work together* dan ini hasil dia hari ini 50 tahun kita dapat membina negara yang begitu dikagumi. Presiden Amerika pun kagum dengan kemakmuran, dengan masalah-masalah kita yang kita dapat atasi antara bilangan kaum ini. Tetapi kalau soal pelajaran ini kita fikir balik, di mana kalau boleh kita kena *integrate* kan anak-anak kita ini dari peringkat rendah lagi bawa ke peringkat menengah sampai ke universiti. Datuk, saya yakin negara kita ini akan menjadi satu hari, kuasa dunia Datuk! Kuasa dunia kerana rakyat kita terkenal sebagai rakyat yang kerja kuat dapat membangunkan negara dengan lebih maju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup. Cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih atas kesabaran Datuk dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Ayer Hitam.

3.05 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan terus kepada beberapa isu yang saya rasa amat kritikal juga untuk dibawa dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertama adalah mengenai isu pembangunan dari segi kita mengimport perkakas daripada luar negeri untuk tujuan pembangunan di pelabuhan. Saya rasa sudah tiba masanya untuk MITI memikirkan kewajaran untuk mengekalkan dasar bahawa semua perkakas atau peralatan perlu dibeli daripada syarikat usaha sama Malaysia dengan Argentina iaitu IMSA. Saya rasa ini adalah satu faktor yang perlu dilihat kerana dasar ini telah mengekang pembangunan pelabuhan di Malaysia. Ini adalah satu perkara yang agak serius. Mungkin ramai yang tidak tahu apa implikasi tentang kes ini. Dasar yang telah diluluskan ataupun yang dipraktikkan oleh MITI ini sebenarnya telah mensyaratkan semua operator di pelabuhan supaya kena membeli perkakas peralatan daripada satu syarikat yang dinamakan Syarikat IMSA iaitu

syarikat usaha sama antara Malaysia dengan sebuah syarikat pengeluar di negara asing iaitu di Argentina.

Dari segi sejarahnya, kita nak menjalin kerjasama dengan negara lain pada ketika itu tetapi setelah empat lima tahun kebelakangan ini, nampaknya ini telah membawa satu masalah besar, telah membantut pembangunan ekonomi di negara kita. Saya mengambil contoh beberapa pelabuhan di Malaysia sama ada PTP, West Port, Pelabuhan dekat Pulau Pinang. Kesemuanya menghadapi satu masalah, satu rungutan di mana mereka mengikut atau mematuhi peraturan ataupun syarat-syarat ataupun dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan melalui MITI iaitu membeli "...crane" ataupun QC ataupun RTG. Ini adalah peralatan-peralatan secara spesifik yang digunakan untuk memunggah barangan ataupun dari kontena-kontena yang telah dibawa daripada kapal-kapal besar. Apa yang jadi masalah sekarang, apabila mereka membuat tempahan dengan syarikat IMSA ini, sudah beberapa tahun mereka tidak dapat menyiapkan barangan atau peralatan yang dijanji-janjikan. Saya rasa sudah sampai masanya kita memikir tentang rasionalnya kita meneruskan dengan dasar ini.

Yang pertama, dari segi implikasi kos. Kita melihat secara perbandingan dengan negara lain, kini ramai atau banyak lagi syarikat yang boleh memberi sebut harga yang lebih rendah daripada apa yang dibuat di Malaysia iaitu melalui IMSA. Itu adalah dari segi implikasi kos. Kedua, walaupun ditempah di Malaysia, nampaknya mereka tidak dapat menyiapkan barangan. Yang itu yang menyebabkan pembangunan-pembangunan di dermaga, mereka terpaksa dilengah-lengahkan disebabkan tidak ada perkakas yang mencukupi. Sebab itu, saya meminta supaya MITI membawa perkara ini kepada Kabinet dan perkara ini perlu diselesaikan. Kita menghadapi persaingan yang hebat daripada Singapura. *Now*, kita nak pembangunan kita atau pelabuhan kita menjadi maju tetapi satu perkara yang membantut pembangunan kita adalah dari segi dasar kerajaan yang mensyaratkan kita wajib membeli barangan ataupun peralatan yang dibuat secara usaha sama dengan syarikat Argentina. Saya rasa sudah sampai masanya kita mengkaji semula. Biar kita buat secara terbuka kerana ia tidak menguntungkan operator kita dan saya menganggarkan dari segi kerugian kepada tidak dapat menjalankan kerja ataupun tidak dapat memunggah kontena yang lebih banyak tidak kurang daripada RM2 bilion untuk tempoh lima tahun yang lalu.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang serius perlu dilihat oleh kerajaan. Perkara kedua yang saya rasa perlu dibawa di sini adalah tentang masalah guru-guru yang diarahkan supaya tidak boleh bekerja sebagai guru tuisyen secara sambilan. Saya menganggap tindakan ini sebagai tindakan yang tidak berapa wajar. Kita tahu bahawa semua kakitangan kerajaan diarahkan supaya mereka tidak boleh dibenarkan untuk mencari pekerjaan yang lain.

Tetapi bagi profesion-profesion tertentu seperti doktor-doktor di hospital, mereka dibenarkan membuat *locum* pada waktu malam, mereka turut menjaga pesakit-pesakit di hospital pada siang hari dan tidak menjejaskan kerja mereka. Begitu juga dengan pensyarah-pensyarah

mereka juga boleh bekerja secara sambilan sebagai perunding asalkan asalkan ia tidak menjejaskan prestasi kerja.

■1510

Adanya tindakan daripada pegawai-pegawai tertentu, pegawai pelajaran di peringkat daerah bersama-sama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, pihak berkuasa tempatan pergi ke rumah-rumah cikgu dan kita cari murid-murid yang sedang mengikuti kelas tuisyen. Saya rasa itu bukan satu cara yang betul kerana perkara ini boleh diselesaikan dengan mudah. Saya tidak melihat ini satu perkara yang rumit sangat, terpaksa kata orang kalau kita hendak pergi ke rumah cikgu, cari cikgu itu hendak minta pelajar-pelajar itu jadi saksi dalam kes, saya rasa itu tidak wajar dilakukan.

Saya menyeru Kementerian Pelajaran supaya jangan buat kerja sebegini. Kerja ini memberi satu impak yang tidak baik pada ibu bapa, kepada murid dan saya rasa itu perlu dikaji semula.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Silakan Sri Aman

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya nampak guru yang memberi tuisyen ini, mereka menjadi lebih bertanggungjawab dan saya nampak juga hubungan antara cikgu dan ibu bapa lebih rapat dan ada satu *empathy* di antara guru tuisyen dan para ibu bapa. Kesan positif yang saya nampak ialah mereka dapat bekerjasama dan murid yang pergi tuisyen itu menjadi murid yang lebih cerdik, lebih pandai dan lebih berkeyakinan. Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Memang tepat sekali hujah-hujah tersebut dan saya masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Apa yang saya perhatikan sekarang, ramai yang membuat andaian bahawa kalau cikgu itu mengajar tuisyen, ianya sudah pasti akan menjejaskan prestasi kerjanya di sekolah, ianya tidak berlaku begitu. Ini kerana, kalau seorang guru itu buat secara sambil lewa di kelas semasa mengajar di sekolah, dan akhirnya mengharapkan supaya anak-anak atau pelajar-pelajar datang ke kelas tuisyen, ianya mustahil berlaku kerana seorang yang mendapat nama busuk reputasi yang tidak baik melalui penyebaran oleh anak muridnya di sekolah, saya yakin ibu bapa tidak akan menghantar mereka ke kelas tuisyen.

Jadi kita tidak boleh buat andaian bahawa guru yang mengajar tuisyen sudah pasti tidak akan bekerja secara 100% *committed* dengan izin dan saya rasa itu andaian yang tidak betul. Begitu juga untuk guru yang tidak mengajar tuisyen, tidak semestinya, tidak semestinya adalah guru-guru yang 100% komited di sekolah. Jadi kita tidak boleh secara stereotaip mengadakan andaian sebegini.

Jadi apa yang lebih penting saya rasa kita kena memikirkan kepentingan ibu bapa dan anak-anak, lebih-lebih lagi di buat sebelum UPSR. Kita sedar bahawa ibu bapa sekarang ramai

yang tidak ada masa yang banyak kerana sekarang kalau kita hendak mengajar anak-anak kita, bukan semua orang boleh mengajar anak. Jadi sebab itulah ibu bapa supaya tidak membazir masa mereka menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen, tidak ada niat lain.

Sekiranya ada pihak yang mengatakan ianya mungkin menyebabkan cikgu-cikgu yang kebetulan mengajar anak muridnya di kelas mempunyai perasaan pilih kasih. Kalau perkara ini, saya rasa mudah saja. Kita wujudkan satu mekanisme, kita adakan satu sistem di mana kalau guru-guru yang mengajar anak murid sendiri, mereka kena laporkan kepada kementerian bahawa dia adalah anak murid saya sekiranya wujudnya pilih kasih, ianya boleh diambil tindakan. Saya rasa dengan cara itu kita selesai.

Saya juga berpendapat bahawa tidak wajar LHDN, Lembaga Hasil Dalam Negeri pegawainya turut sama. Saya rasa untuk kita mengambil tindakan terhadap guru, kalau mereka hendak ambil *fee* dari segi tuisyen pun tidak banyak sangat. Kalau ya sangat kita hendak mereka mengisytiharkan pendapatan sambilan ini, saya rasa tidak ada masalah. Gunakan peruntukan undang-undang yang ada dan minta mereka *declare* sahaja. Saya rasa itu cara yang lebih baik dan tidak perlu pula kita bawa pihak berkuasa tempatan kononnya pusat tuisyen di ceroboh dan sebagainya. Saya rasa kesemua ini perlu dikaji semula implikasi.

Saya tahu Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi arahan supaya ianya tidak patut dilakukan kerana terlalu *over zealous*, tapi apa yang saya nampak di peringkat bawahan ini masih ada rungutan begitu. Ada guru juga selepas insiden ini telah memohon kepada kementerian supaya dapat permit untuk mengajar, tapi mereka telah ditolak di beberapa tempat iaitu di negeri-negeri utara. Saya rasa tidak wajarlah. Belajarlah apa yang berlaku di Kementerian Kesihatan di mana doktor boleh menjalankan *locum* nya dan untuk Kementerian Pengajian Tinggi, profesor dan pensyarah boleh bekerja secara sambilan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [*Bangun*]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Silakan Sri Aman

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Saya hendak minta penjelasan. Setujukah Yang Berhormat Ayer Hitam bahawa kadang-kadang seorang guru itu dalam bahasa Inggeris *have the knack* dalam pengajaran satu mata pelajaran. Mungkin matematik, mungkin sejarah dan mungkin bahasa Malaysia. Kadang-kadang anak-anak kita tidak ada akses kepada guru sebegitu dan kita hendak menghantar anak kita kepada guru tersebut kerana kita tahu dia memang ada keistimewaan dalam kaedah mengajar dan kita mahu keistimewaan itu didedahkan kepada anak kita.

Jadi kerana itulah kita kadang-kadang kita cari guru yang sebegitu untuk membantu memberi perkhidmatan beliau kepada anak kita. Jadi saya rasa kalau anak kita dilarang dari berjumpa dengan guru seperti itu kita yang rugi. Setujukah tidak Yang Berhormat?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sri Aman tadi. Saya rasa untuk guru tuisyen ini sebenarnya anak-anak ini dihantar ke

kelas tuisyen kerana mereka hendak anak-anak mereka mengulang kaji ataupun mungkin dari segi cara-cara penyampaian oleh guru itu lebih menarik dan menyebabkan pelajar-pelajar dapat menyerap dengan lebih cepat. Saya rasa tidak kira apa objektifnya, tapi apa yang penting ialah mereka tidak akan membazirkan masa pergi ke kelas tuisyen tidak berbuat apa-apa. Bagi ibu bapa pula, mereka berpendapat bahawa bila menghantar untuk dua jam sekurang-kurangnya ia membuat ulang kaji pada waktu tuisyen itu.

Jadi saya rasa ini satu perkembangan yang positif. Sebab itulah kita nampak prestasi peperiksaan pelajar-pelajar semakin hebat, semakin cemerlang dan saya tidak mahu melihat perkara ini di mana hanya mereka guru-guru yang ingin mengajar tuisyen mereka mohon permit masuk ke pusat tuisyen. Saya tidak boleh terima alasan ini, kerana apa bezanya kalau guru itu mengajar tuisyen di rumah berbanding mewajibkan mereka mengajar di kelas-kelas tuisyen yang secara komersial di pusat-pusat tuisyen di bandar-bandar. Satu perkara lagi jangan lupa bukan semua pekan-pekan itu mempunyai *scale of economy* yang boleh kita hendak buka satu kelas tuisyen ataupun pusat tuisyen.

Jadi dari segi praktikalnya kita kena lihat. Tidak boleh kata kita buat garis panduan kalau hendak mengajar di pusat tuisyen, tidak. Saya rasa soal pokoknya kalau ianya mempertingkatkan prestasi kecemerlangan akademik anak-anak kita biarlah kita galakkan. Saya rasa itulah harapan saya dan saya minta Kementerian Pelajaran lihat semula dan buatlah secara wajar tentang perkara ini.

Seperkara lagi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya baru-baru ini ada membangkitkan soalan di Parlimen. Saya rasa kenaikan gaji ini sebenarnya kita hendak menjaga kakitangan di peringkat rendah termasuk guru-guru yang pendapatan mereka tidak tinggi. Saya juga pernah membangkitkan perkara ini di mana saya melihat guru-guru sandaran yang ada sekarang, apabila diterima untuk mengikuti kursus Diploma Perguruan Malaysia sama ada LPBS (Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah) ataupun KDC (Kursus Dalam Cuti).

Dari segi cara pengendalian kursus, ianya hampir sama, tapi nama-nama lain kerana berdasarkan tahun masuk. Tahun sebelum ini dikira KDPM, LPBS dan kini digelar sebagai KDC. Apa yang membawa satu perkara yang perlu kita rundingkan di sini ialah, walaupun ada kenaikan gaji yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi bagi pelatih-pelatih ini ataupun mereka sebenarnya peserta-peserta KDPM, KDC ataupun LPBS mereka turut dan masih lagi mengajar di sekolah. Cuma Sabtu dan Ahad dan menjelang cuti sekolah mereka kena pergi ke institusi perguruan untuk mengikuti kursus.

■ 1520

Jadi, padahal mereka adalah guru-guru yang saya rasa sedang berkhidmat di sekolah tetapi kenaikan gaji itu tidak dapat dinikmati kononnya disebabkan perkataan yang digunakan ialah mereka bukan menerima gaji, mereka menerima elaun. Di sini saya merayu kepada Kementerian Pelajaran, supaya buat satu kertas kerja kepada Kabinet. Saya rasa hasrat kita

membantu semua guru, kenapa kita hendak menyebabkan mereka ini tidak tersisih daripada apa yang boleh dinikmati oleh mereka sedangkan mereka berkhidmat menggunakan waktu lapang Sabtu, Ahad cuti, itu masih lagi mereka belajar. Saya rasa kita patut memikirkan untuk memberikan mereka kemudahan ini, menikmati kenaikan gaji yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa masalah tentang kecacatan yang ada pada sistem pengangkutan awam di Malaysia. Kita sedar bahawa LPKP merupakan satu badan perlesenan. Apa yang berlaku sekarang, sejak Akta LPKP diperkenalkan pada 1987, mereka cuma boleh mengeluarkan lesen, batalkan lesen ataupun kenakan saman. Sehingga hari ini sudah 20 tahun LPKP ditubuhkan, tidak ada satu kes pun yang didakwa di mahkamah. Kenapa? Saya rasa inilah waktunya, inilah masanya kita menyemak semula kecacatan yang ada dalam akta kita ini. LPKP, saya rasa sudah sampai masanya kita wujudkan satu pasukan pendakwaan di LPKP, kalau tidak ada pendakwaan, pengusaha-pengusaha bas ekspres, teksi tidak akan takut kerana yang maksimumnya dia dapat adalah sama ada digantung lesen ataupun digantung sepanjang hayat, ataupun cuma diberhentikan beberapa bulan ataupun kompaun secara RM500 dan sebagainya.

Saya rasa ini bukan satu hukuman yang setimpal dengan apa yang telah dilakukan. Jadi saya minta supaya LPKP cepat-cepat mengemaskinikan akta yang ada, tubuhkan satu pasukan pendakwaan dan kalau perlu bawa ke Parlimen kita masukkan peruntukan undang-undang supaya perkara itu boleh dilakukan. Saya mengambil satu contoh di Pudu Raya sekarang. Di Pudu Raya kalau kita tengok ulat-ulat itu tidak habis hendak kita tangkap dan setiap kali kita pergi...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap ya, Yang Berhormat. Kalau kita pergi ke Pudu Raya, kita beli satu tiket daripada bas ekspres misalnya RM30. Walaupun dinyatakan nombor plat kenderaan itu sekian, sekian, sekian...tetapi bila sampai ke sana 10.30 misalan, orang itu akan tanya, Encik naik bas apa? Dia kata bas ini. Oh, belum sampai. Walaupun yang kita nampak depan mata kita itu bas nombor plat yang sama, dia kata tunggu dekat luar. Bawa satu lagi bas daripada luar dan dia punya jenis bas itu berlainan. Mungkin lebih lama tidak tahu siapa yang bawa, nombor kereta itu pun tidak dinyatakan dalam tiket dan apabila kita hendak menuntut tiket itu daripada pengusaha atau agen-agennya, kita takkan dapat tiket itu kerana mereka tahu ini adalah satu *loophole*. Bagaimana kita boleh mengadu kepada LPKP kalau tidak ada tiket.

Jadi saya mintalah LPKP pergilah ke Pudu Raya kalau ada masa dua, tiga malam ini, pergi. Tengok macam mana ulat-ulat ini bekerja, berfungsi. Kalau kita tahu kita boleh membanteras ulat-ulat ini, lepas itu kita boleh tangkap bas-bas siapa, permit siapa dan saya rasa kita masih lagi kekurangan satu sistem untuk kita memantau *behavior, driver behavior* dalam bas.

Kalau kita lihat negara-negara lain, kalau dahulu kita kata hendak pakai kotak hitam, tak perlu lagi sebab sudah ada satu sistem di mana kita boleh tahu pemandu itu masuk pakai *punch card* dengan izin, mereka mula daripada bekerja itu, daripada keluar ataupun habis bertugas, kita tahu berapakah kekerapan seseorang itu menggunakan had *breaking*. Kemudian kita tahu apabila mereka membawa terlalu dekat dengan kenderaan lain, memang ada *beeping*. Ini berlaku di banyak negara.

Singapura pun kalau kita melebihi satu had laju, 90, lampunya akan dinyalakan atau bunyi ini menandakan amaran. Sekiranya penumpang sudah tahu bahawa pemandu itu buat *speeding*, saya rasa mereka boleh mengadu juga. Kita boleh wujudkan satu mekanisme sama ada melalui sistem komputer atau sebagainya itu. Perbelanjaan itu tidak banyak. Saya rasa dalam RM1,200 sahaja kita boleh selesai masalah ini dan kita mungkin ada 3,000 buah bas di Malaysia. Malaysia bas ekspres, saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh melakukan dan saya sedia memberi maklumat yang lebih lanjut bagaimana kita hendak buat. Kebetulan saya pernah buat satu kertas penyelidikan semasa saya membuat penyelidikan di Singapura dahulu dan saya rasa ini adalah satu cara yang perlu kita perkenalkan di Malaysia dan saya minta jugalah supaya LPKP melihat perkara ini secara serius. Jangan bila sampai kemalangan, kecelakaan baru kita hendak cari satu penyelesaian. Minta Sungai Petani, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Cuma saya dengar Yang Berhormat bercakap semua di Singapura baik belaka, kalau tidak silap saya. Jadi bila bas lalu, saya rasa berapa kilometer sahaja Singapura ada jalan berbanding dengan kita Semenanjung. Saya tidak tahulah Yang Berhormat cuba ambil contoh Singapura saya rasa tidak perlu kita ambil Singapura. Dia...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Boleh, saya boleh jawab.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...keliling kampung, tak apa saya belum habis lagi soalan. Minta maaf. Saya rasa Singapura itu berapa besar sahaja pulau dia lebih kecil daripada Langkawi, jadi dia tidak ada apa benda.

Jadi soalan saya begini dengan Yang Berhormat. Apa cadangan Yang Berhormat sebenarnya? Yang Berhormat sebut tadi LPKP ke? Lembaga Perlesenan Kenderaan. Adakah LPKP ke yang menjadi masalah ataupun JPJ ke yang masalah, ataupun pihak polis ke yang masalah atau pihak Kementerian Pengangkutan ke masalah. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat sebenarnya untuk kita carikan satu formula yang mana masalah ini dapat diatasi hanya *one stop center* sahaja kalau dengan izin saya boleh pakai, yang mana kalau dari segi perlesenan kah, pemantauan kah, pengambil tindakan undang-undang kah, di mana sepatutnya kalau boleh kita dapat cadangkan? Boleh Yang Berhormat perjelaskan pada Dewan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Ada dua perkara yang dibangkitkan, yang pertama tentang kenapa saya gunakan contoh di Singapura, saya ada banyak contoh di Australia pun, saya gunakan contoh di Singapura tidak

semestinya saya katakan di Singapura itu baik belaka. Selalu saya belash Singapura di Dewan yang mulia ini juga tetapi apa yang baik, kita ambil. Saya rasa dari segi bas ekspres, tidak semestinya bas ekspres di Singapura datang, mereka ini cuma bawa dari Jurong sampai ke Tuas, tidak. Ada yang mereka gunakan bas itu sampai ke Thailand dan itu saya rasa mereka juga bekerjasama dengan pihak di Malaysia.

Apa yang saya lihat sekarang yang boleh kita gunakan contoh terbaik, di negara-negara maju seperti Australia, di US dan sebagainya, itu cara pemantauan kita melihat bagaimana *behavior-behavior* pemandu itu. Adakah ia selalu menggunakan *break*, bermakna orang itu mengantuk? Kita boleh buat analisa dan ianya ada satu kajian saintifik di Australia, bahawa seseorang itu melebihi 80 markah, bermakna orang itu pemandu yang baik. Kalau melebihi 70, bermakna sederhana. Kalau kurang daripada 70 kena ambil kursus kerana orang itu memang tidak mahir gunakan *break*. Itu yang saya hendak sampaikan, saya tak kata negara itu baik. Itu kebetulan contoh terbaik di sana kalau berbanding dengan negara yang serantau inilah.

Yang kedua, apa Yang Berhormat katakan memang *relevant*, berada di Malaysia saya nampak dari segi *land transport*. Kita ada banyak agensi, semua ada kuasa, LPKP di bawah MEcD, JPJ di bawah Kementerian Pengangkutan, Trafik Polis di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, DBKL pula di bawah Kementerian Wilayah, Perbendaharaan kalau kita kata kita hendak buat secara berpusat ini, mereka juga terlibat dalam pengangkutan bandar, banyak lagi kementerian yang terlibat termasuklah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Apa yang saya lihat di negara-negara yang lain, di mana cara model yang paling ideal adalah, kalau yang pengangkutan awam ini, dia sepatutnya dia adalah di bawah satu *one stop agency*. Iaitu *land transport authority*. Kalau kita ada satu *authority* yang macam itu, di mana mencukupi semua tak kira pengangkutan awam, pengangkutan bandar dan sebagainya dari segi perlesenan, penguatkuasaan, pendidikan, trafik, kesemuanya di bawah satu payung, saya rasa ianya lebih baik. Saya rasa wajar sekali juga kerajaan memikirkan apakah fungsi-fungsi kerja yang boleh dicantumkan.

■ 1530

Saya rasa dalam kes Malaysia ini terlalu unik. Walaupun terlalu unik bagi saya ini adalah satu kerajaan kolektif, semua agensi tidak boleh ikut bidang kuasa masing-masing, masing-masing hendak menunjuk kuat, itulah akan membawa padah. Jadi walaupun ada agensi yang berlainan tetapi tindakan bersepadu itu adalah satu perkara yang paling penting. Saya dengan ini menyokong usul ini, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya belum duduk lagi ya. Biar saya duduk dan buat keputusan. Siapa bangun dulu? Okey, Jerai.

3.30 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama Tuan Yang di-Pertua saya menyokonglah perbelanjaan tambahan kerana kadang-kadang kita buat *estimate* ini manusia, perubahan-perubahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, 20 minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Tuan Yang di-Pertua itu pun sudah panjang Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya melihat bahawa Malaysia ini sebuah negara yang mempunyai peraturan-peraturan yang mencukupi, undang-undang yang mencukupi untuk kita memastikan kestabilan, keamanan dan ketenteraman. Setiap kali Dewan Rakyat bersidang kita menggubal, meminda, menokok tambah kepada undang-undang yang kurang lengkap dan sebagainya. Malah yang pentingnya kita tidak boleh mempersalahkan kerajaan, kerajaan, kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menuntut kemerdekaan satu perjuangan yang bukan mudah tetapi mengisi kemerdekaan itu pun adalah satu kerja yang amat sukar yang harus kita bermuafakat bersama. Saya melihat dari segi pandangan sudut pembangkang selalu mengkritik kerajaan tanpa memberi langsung pandangan dan fikiran untuk bersama-sama membangunkan. Mana hendak cari dalam dunia ini sebuah negara yang 100% *perfect*, tidak ada dan manusia sendiri Tuan Yang di-Pertua tidak ada manusia yang Tuhan buat 100% *perfect*. Sebenarnya sikap manusia itulah yang harus kita..., Tuhan buat kita cukup lengkap tetapi sikap manusia itu.

Sikap manusia itu yang menyebabkan kadang-kadang kita buat undang-undang, macam mana pun kalau dia hendak langgar undang-undang, jadi macam mana kita hendak buat? Kita hendak salahkan polis, selalu kalau jadi sesuatu kita salahkan polis, kita salahkan pihak kastam, kita salahkan pihak agensi-agensi lain JPJ dan sebagainya tetapi yang pentingnya macam contoh bas. Yang pentingnya pemandu bas dan tauke bas itu yang bertanggungjawab apabila membawa penumpang dia dan penumpang pun kena juga setelah membayar duit untuk naik bas itu, bertanggungjawab untuk memperbetulkan dan menegur pemandu seandainya pemandu itu lalai ataupun pemandu itu mengantuk.

Ini harus dua way lah, takkan kerajaan hendak bubuh tiap-tiap bas ekspres atau bas ataupun lori atas jalan ini satu pegawai hendak jaga dia pula. Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua sikap, sikap kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab kepada negara. Jadi kalaulah pihak pembangkang sentiasa dok hentam, polis rasuah, yang itu rasuah yang ini rasuah pegawai kerajaan rasuah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita hanya bercakap mengatakan polis rasuah itu dan ini, apa hina sangat kah pasukan polis kita ini Tuan Yang di-Pertua? Pasukan polis kita ini pasukan terbaik, kita tidak boleh hendak menjatuhkan martabat mereka. Mungkin juga yang ada

dalam pasukan polis itu keturunan orang kaya ataupun harta pusaka bapa dia ada, dia anak orang kaya.

Tidak semestinya kalau dia pakai kereta besar, bapa dia orang kaya, datuk dia orang kaya, pusaka dia banyak dia pakai kereta besar dia rasuah. Jadi kita kena tengok perspektif yang lebih baik, *angle* lebih elok Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak nasihatlah kepada pihak pembangkang supaya jangan senantiasa kita memperkecil-kecil...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya ada 20 minit 20 minit Ipoh Barat. Jangan kerja sakit hati.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada, yang baik, yang baik. Bukan saya keliru dengan pendirian Yang Berhormat kerana lebih kurang dua dulu Yang Berbahagia Tun Hanif Omar telah mengatakan bahawa 40% pada pandangan beliaulah lebih kurang 40% anggota polis ini semua terlibat dalam korupsi dan dia hairan tidak ada tindakan tegas diambil. Adakah dari 40% yang dikatakan itu adalah lingkungan Yang Berhormat mengatakan bahawa orang kaya-kaya yang turun-menurun itu orang kaya-kaya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, apabila kita hendak menuduh seseorang, macam Yang Berbahagia Tun Hanif, tidak tahulah saya baca dalam artikel ini dia kata bukan dia kata 40% rasuah, adakah bukti? Adakah *evidence*? Kita tidak boleh serkap macam itu sahaja, kata dia itu sudah rasuah macam itu. Ini dia kata tetapi pegawai-pegawai itu kalau betul dia kata dia dulu AGP dia buat apa? Dia Ketua Polis Negara, dia buat apa dulu? Sekarang ini dia sudah pencen, dia jadi Deputy Chairman Genting Highlands, saya kalau bagi jawatan itu integriti saya tidak ambil saya tidak mahu jawatan itu tetapi dia ada ambil.

Jadi dia hendak kata apa? Masa *you* jadi katalah dia kata hari ini 40% saya tidak terima 40% maknanya tiga suku daripada pasukan polis itu rasuah. Kalau pasukan polis itu rasuah kita pergi ke mana huru-hara negara kita Tuan Yang di-Pertua. Ini kita kena pertahankan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sekejap ya, jangan kasi marah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Berkenaan tentang isu rasuah, saya masih ingatlah kalau Yang Berhormat telah lupa, orang yang paling kuat mengatakan kita mesti membanteras rasuah adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa dia menjadi Perdana Menteri dan dia telah mengatakan bahawa rasuah di negara kita sudah berakar umbi. Inilah perkataan-perkataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Pilihan Raya 2004. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jerai? Bukan sahaja kita dari pembangkang di sini kata rasuah ini masalah yang penting di negara kita, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga kata. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cakap itu tidak ada bukti dan perkataannya adalah salah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih ya Bandar Kuching. Bandar Kuching, kita ini katalah saya kata Bandar Kuching rasuah, mahu pergi tangkap macam itu kah? Kita punya BPR Tuan Yang di-Pertua hendak khabar bagi, BPR kita ini *one of the best in the world* Tuan Yang di-Pertua. Negara-negara lain, Interpol sendiri pun belajar melalui kita punya BPR, Hong Kong ambil kita punya BPR punya sistem di Malaysia. Ini bukan saya nafikan boleh *check*, itu maknanya BPR kita ini pasukan BPR yang cukup baik di dunia tetapi hendak tangkap kesemua orang ini dia mesti ada *evidence*.

Kita tidak boleh pi cekup orang macam itu, kereta besar rumah besar oh rasuah. Mana tahu dia polis isteri dia anak orang kaya, dia pakai kereta besar salah kah? Ini semua kerana kereta besar rasuah, rumah besar rasuah. Apa lain barang besar tidak rasuah kah? Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kena *rationalize* sikit dari segi kita hendak tuduh orang. Bolehkah kita cakap polis kita rasuah? Kalau kita kata macam itu bermaknanya kita menakut-nakutkan orang datang. Tuan Yang di-Pertua saya pun kadang-kadang kesian dekat polis ini, pasukan polis gantung *badge* itu, 'Saya Anti Rasuah' Tuan Yang di-Pertua, tidak malu. Saya tidak setuju walaupun dipakai, ini seolah-olah beritahu kat orang saya tidak terima rasuah, saya tidak terima rasuah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat bagi Jerai, minta penjelasan. Yang Berhormat bagi Jerai belum jawab soalan saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu saya jawablah itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cakap sudah salah dan dia cakap tidak ada bukti semasa dia kata rasuah adalah masalah sudah berakar umbi di negara kita? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga salah semasa dia kata begitu, itulah soalan saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey jawapan dia, sabit itulah kerajaan, rasuah ini Tuan Yang di-Pertua di mana-mana pun ada di rata dunia.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semua adalah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita tidak boleh *wipe out* 100%, ini penyakit. Dalam DAP pun ada rasuah. Walaupun tidak ada rasuah duit, rasuah moral. Kalau tidak kenapakah Presiden DAP tidak duduk sebagai Ketua Pembangkang, itu bukan moral kah? Pi bubuh orang lain duduk situ.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita tidak ada Presiden, *chairman* sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Chairman* kah? *I say, sorry.* Sepatutnya *chairman* lah jadi Ketua Pembangkang tetapi kenapa bubuh orang lain yang bukan ada jawatan dalam parti sebagai Ketua Pembangkang. Ini tidak, penghormatan tidak diberi kepada *chairman*. Bermaknanya, *moral, morally, morally is not on.*

▪ 1540

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita pilih, bebas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: lalah, bermaknanya *you* menolak *chairman*. *You* ambil Ipoh Timor, *you* menolak Bukit Gelugor sebagai pengerusi pembangkang. [Disampuk]. Ini bukan sakit hati, ini mahu jawab balik ini Bandar Kuching sahabat saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah Yang Berhormat, Kepong Timbalan *Chairman*, dia pun timbalan pengerusi, dia pun tak bising. Tak apalah, teruskanlah. [Ketawa].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, bukan kalau nak cakap dari segi keadilanlah Tuan Yang di-Pertua. Di mana-mana pun ada, tetapi kerajaan kita membanteras. Cuba membanteraskan, menghapuskan. Kita tahu rasuah ini lebih kurang macam penyakit kanser. Kalau kita tidak hapuskan macam kencing manis. Dia kata, tidak hapuskan dia akan merebak dan berbahaya dan negara akan hura-hara. Jadi kalau hendak dibandingkan dengan negara lain, kita masuk pintu lapangan terbang. Pintu-pintu negara itu sudah kena rasuah dah. Sudah terasuah dah, kalau tidak dia kacau macam-macam, tetapi negara kita ini aman tenteram, kita lihat. Itu pun, orang mengata kerajaan ini zalim dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, ingat senangkah Tuan Yang di-Pertua hendak isi kemerdekaan ini? Bukan mudah hendak isi kemerdekaan.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bangun meninggalkan Dewan].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, tengok. Bila saya cakap, lu orang lari. Ha, dia tunggu. Ini *gentleman*. [Menunjuk kepada Yang Berhormat Ipoh Barat]. [Bercakap dalam bahasa Cina]. Kucingkah? [Disampuk][Ketawa].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, ha, ha. Inilah Tuan Yang di-Pertua sikap manusia. Bila dia orang membangkit, maki kerajaan, hentam *backbencher*, kita tunggu. Bila kita tegur sikit sikap, semua lari keluar. Apa tak *gentleman*lah....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, tak benar itu... tak benar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ipoh Barat, dia baguslah, dia tunggu. Tapi dia balik, dia report sama dia punya *boss*lah. Bukan *chairman*, dia *report* sama ketua pembangkang. Itulah, dia pilih ketua pembangkang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua kita tak boleh. Saya pantang kita menuduh, menuduh tak betul Tuan Yang di-Pertua. Kalau pegawai ke polis kita rasuah, buat laporan. Ini tanda kalau dia rasuah, pasal kita ada agensi, tetapi kita tak boleh *blanket* katakan 40 peratus polis rasuah, ini tak adil kepada pasukan polis ataupun di mana-mana. Betul-betul tak adil, Tuan Yang di-Pertua.

Seolah-olahnya kita menghina pasukan yang menjaga keselamatan kita, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidur tengah malam, kita pergi ke sana, ke sini tanpa gangguan. Kita sambut merdeka tanpa gangguan. Sampai tengah-tengah malam tak ada masalah. Pelancong datang, dia kata *wonderful Malaysia, wonderful Malaysia*. Ini yang Ipoh Timor, *Malaysia no good*. Apa hal ini? Kita kena gunalah sikit, kita kena jangan menafikan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap dalam loghat Sabah].*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa].* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Dalam sehari kita menyambut kemerdekaan, seorang *wasit* ataupun pengadil daripada Indonesia dalam pertubuhan karate telah pun dipukul oleh 4 orang anggota polis Malaysia. Ekoran daripada itu, Yang Amat Berhormat terpaksa meminta maaf bagi rakyat Malaysia dan 2 hari siaran televisyen melalui metro TV di Indonesia telah mengecam Malaysia 1 jam dan kelmarin juga berkumpul partai-partai, seluruh partai Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini tak bangkit tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bangkit. Ini disebabkan perbuatan manusia. Perbuatan empat kerat anggota polis ini telah mengheret negara kita ke satu kancah yang tidak seharusnya berlaku. Kita tidak salahkan polis. Cuma perbuatan 4 orang ini, pepatah Melayu 'seekor kerbau membawa lumpur'. Ini, 4 ekor kerbau membawa lumpur, semua kita terpalit, dan kita telah dikecam. Kebaikan negara kita bagi rakyat di Malaysia sudah tidak ada. Kita dituduh menjadi rakyat ganas. Kita dituduh sebagai perompak. Kita dituduh tidak bermaruah. Apakah Yang Berhormat ingin meminta Ketua Polis Negara, kalau boleh melatih seluruh anggota polis berbudi dan berbahasa? Kita ada undang-undang harus dipertahankan. Kalau polis sudah melanggar undang-undang, siapa lagi yang kita mahu percaya? Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini sebelah mana ini? *[Ketawa].* Tuan Yang di-Pertua, kita kena relaks. Kita kena relaks, kita kena bertenang. Jangan emosi. Sekarang ini macam ini. Kita kena lihat Tuan Yang di-Pertua, kita kena lihat. Apabila pasukan polis diserang, apabila pasukan polis dihina dan sebagainya, siapa hendak pertahankan dia orang? Kita tunggu sekarang IGP kita sudah memohon maaf kepada kerajaan Indonesia. Perdana Menteri pun sudah mengatakan sedemikian, biar kita buat siasatan. Takkanlah polis kita nak pi rimbuk orang tak pasal-pasal. Katalah dia pegang Arau, tau-tau dia pukul Arau. Apa hal? Tentu ada, dalam keadaan-keadaan tertentu, menyebabkan pasukan polis ini, dia hilang dia punya kesabaran. Kadang-kadang kita manusia..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada 4 minit lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha..??

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada 4 minit lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini Hang Tuah pun mahu tanya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa].* Kesian, bagilah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya, tadi Yang Berhormat Kinabatangan bangkit, bertanya mengenai dengan empat orang polis memukul *referee*, karate daripada Indonesia. Dia *referee* karate dan dia dikarate oleh empat orang polis. Bagi saya, perkara ini, apa pandangan Yang Berhormat? IGP sudah pohon maaf, Perdana Menteri sendiri sudah panggil bapak Presiden Susilo Bambang, tetapi... adakah ini bagi saya, surat khabar ini, surat khabar dan *international* media yang memburuk-burukkan ini sebab Yang Berhormat kata tadi, kita baru membuat siasatan. Apakah sebenarnya malam itu berlaku, kita tak tahu? Apa sebenarnya berlaku, tetapi surat khabar, media antarabangsa termasuk akhbar Indonesia juga memperburuk-burukkan perkara ini. Sebab itu dia menimbulkan rasa emosi yang tidak begitu tenteram di kalangan rakyat Indonesia. Apatah lagi kita sedang merayakan perayaan kemerdekaan ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Jerai, mohon penjelasan sikit juga. Apa yang sama, boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, *injury time*?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Setengah minit. *[Ketawa]*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bola pun ada *injury time*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kata perkara yang sama, tak payahlah.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Sikit, sikit. Itu lebih kurang sama, lebih kurang sama.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sikit sahaja.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Boleh Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh, boleh..

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Jerai. Kebetulan, daripada 27 Ogos hingga 30 Ogos, saya berada di Jogjakarta menghadiri *Symposium Peatland*. Jadi apa yang berlaku di situ adalah berlainan. Lebih teruk lagi kerana di dalam surat khabar mereka, dia mengatakan mereka akan halau dan *streaming* rakyat Malaysia yang berada di Indonesia pada waktu itu. Saya pun tidak tahu apa maknanya *streaming*? Jadi, apabila saya nampak perkataan itu, saya pun sudah bimbang. Tidak mahu keluar lagi daripada hotel. Jadi ini adalah satu masalah *newspaper*, tetapi yang.... apa nama dia? Mogok di sana, sini, memang ada, banyak-banyak tempat. Jadi apa pendapat Jerai tentang hal ini? Kerana ianya dibesar-besarkan di Indonesia walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, walaupun IGP, sudah memohon maaf kepada mereka?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, kita kena ada *Asean spirit*. *Streaming*, saya pun tak tahu, apa makna? Kalau *you* pun tak tahu, saya pun

tak tahu Yang Berhormat. Jadi, [Disampuk] kita semangat Asean. Kita ini Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini negara yang cukup beralah. Kita bertolak-ansur. Sungguh, kita bertolak-ansur. Kita tak mahu pergaduhan berlaku. Sepatutnya benda yang, bukanlah walau nak kata kecil tak kecil, tak taulah, tetapi berbilion ringgit duit Malaysia, rezeki, nikmat kita bagi kepada rakyat Indonesia, tetapi sanggupkah depa nak tunjuk perasaan marah dekat kita? Hari-hari, berbilion ini, depa hantar balik kampung dan sebagainya. Kerana satu kes ini, yang belum ketahui lagi apa sebab-musababnya. Oh, nak tunjuk perasaan, nak marah kepada Malaysia. Oh, nak hantar kita balik. Tak apa, kalau kita hantar depa balik macam mana? [Disampuk].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, tengah dok *hot* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bila *hot* tak boleh gulung Tuan Yang di-Pertua, dia kena buka bagi sejuk sikit. [Ketawa]. Ya, jadi jangan buat macam itu. Kita semua, kita kan serumpun namanya? [Dalam loghat bahasa Indonesia].

■ 1550

Ada Yang Berhormat kita yang keturunan Jawa, ada Yang Berhormat kita keturunan Aceh, ada Yang Berhormat kita keturunan Bugis, saya Aceh, Arau Bugis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Laluan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa sikap ini dalam 50 tahun kita merdeka ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa Jerai cukup, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Duduk, saya dah cukup, saya tidak boleh bagi lagi dah. Saya dok minta, berhutang ni. Sekejap lagi Yang Berhormat masuk, bukan tak boleh, saya tahu Yang Berhormat, tapi saya *jammed* ini, *jammed* tak habis-habis.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang kata kerajaan minta tambahan tanpa ini, kita kena baca peraturan kertas ini, ditulis tang ini, diguna untuk apa dan sebagainya ada dalam ini, saya ada baca tadi. Saya paling marah sekali apabila seorang yang kata tadi Anthony apa kah, dia tidak naik bendera Malaysia, tak naik mampus pi lah, hal dia. Dia tak taat setia pada negara, di sini dia makan, di sini dia besar, di sini dia tak mahu naik bendera, tak mahu naik pi lah, dia punya fasal, orang lain boleh bawa naik.

Sambutan merdeka kita begitu meriah, seluruh Malaysia sambut merdeka, di kampung sambut, di bandar sambut, di bandar raya sambut, di luar negara pun sambut, seorang sahaja

tak sambut, apa besar sangat ke? Dia hendak tulis, tulislah. Kita negara Malaysia yang membangun Tuan Yang di-Pertua. Arau hendak tanya ya? Arau hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia hendak tanya atau Yang Berhormat panggil dia bangun bertanya?

[Ketawa]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat pembedaanlah. Salah dia kata saya keturunan Aceh, Bugis ini, salah betul. Saya minta tarik balik ya.

[Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya keturunan Arab yang dok naik unta itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kena jaga, semua daripada pembangkang, kerajaan kena jaga ini keharmonian ini. Tiga kaum, empat kaum, berkaum-kaum yang ada dalam negara ini, kita kena jaga elok-elok. Kita tidak boleh, benda sikit hendak diperbesarkan, tuduh kerajaan itu, tuduh kerajaan ini.

Kerajaan Malaysia Tuan Yang di-Pertua, tidak ada rakyat Malaysia yang kelaparan, tidak ada rakyat Malaysia di tepi jalan minta sedekah Tuan Yang di-Pertua, itu cukup rahmat dah. Ada itu hak yang jiwa tertekan, dia duduk tepi jalan, nak buat macam mana. Orang normal Tuan Yang di-Pertua, tidak ada, tengok mana ada orang Malaysia yang kelaparan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Betul Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, benda betul tidak apa. Ini saya hendak habaq, pembangkang *reserve* sikit dia punya komen terhadap kerajaan, Malaysia kerajaan terbaik. Cuba pembangkang mai duduk sekali *join*, masuk sekarang, bukankah bagus kita ada satu kerajaan yang seluruh duduk dalam Barisan Nasional. *You* dok marah-marah apa? Tidak habis-habis marah, ini bangkit kejap lagi marah lagi. Ini saya tidak faham, saya lemas perut Tuan Yang di-Pertua, macam-macam dah kerajaan buat. Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, di saat-saat ibu mengandung, anak dalam kandungan itu dah dapat subsidi kerajaan sampai dia mati Tuan Yang di-Pertua, apa lagi yang nak?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Termasuk anak dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Termasuklah Ipoh Timor, Ipoh Barat pun. Pergi hospital subsidi, sana subsidi, sini subsidi, kereta subsidi, gula subsidi, susu subsidi, lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bawang subsidi, maruku subsidi.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, semua subsidi, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perbekalan tambahan langsung tidak sebutlah.

[Ketawa]

Baik, Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat, nantilah sebab tadi Yang Berhormat sudah berucap, rehatlah. [Sambil merujuk kepada Yang Berhormat Sungai Petani]

3.54 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang masalah disiplin di sekolah menengah. Banyak telah dibincangkan tentang masalah-masalah disiplin yang sedang berlaku di sekolah menengah sekarang yang telah menjadi semakin teruk. Pada saya, masalah disiplin di sekolah menengah itu berpunca akar kepada kehilangan minat terhadap pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Ini kerana murid-murid, pelajar-pelajar yang lemah itu tidak mampu mengikuti pengajaran dan pembelajaran guru. Ini adalah kerana sistem naik darjah secara automatik yang selama ini diamalkan. Pelajar-pelajar di bawah sistem automatik *promotion* dengan izin ini yang tidak diberi peluang untuk pemulihan untuk mengatasi ketinggalan pelajaran mereka kerana sistem automatik *promotion* tidak mengambil kira tentang kebolehan-kebolehan pelajar-pelajar yang lemah.

Saya cadangkan kementerian meninjau semula sistem automatik *promotion* dan juga nisbah guru dan pelajar di setiap bilik darjah itu supaya bilangan murid di setiap kelas itu dikurangkan menjadi 35 orang sahaja. Dengan demikian perhatian guru yang mencukupi dapat diberi kepada setiap pelajar-pelajar yang lemah. Kaedah mendenda dan menghukum termasuk *public canning* yang telah dicadangkan daripada mana-mana pihak, saya rasa tidak dapat menyelesaikan masalah disiplin yang sedang berlaku di sekolah-sekolah kita. Oleh sebab itu keadaan disiplin di sekolah menengah khususnya telah menjadi semakin buruk.

Berkenaan dengan isu perpaduan yang dikaitkan dengan bahasa pengantar di sekolah rendah, saya rasa tidak berasas langsung. Bagi saya, pelajar-pelajar kita memang telah belajar di sekolah menengah dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5, dan sehingga tingkatan 6 iaitu pra universiti dari lima tahun hingga tujuh tahun.

Jadi sistem sekarang memang telah memberi peluang yang mencukupi untuk anak-anak kita bergaul di antara satu sama lain supaya mereka memahami antara satu sama lain. Masih

berlaku keadaan bahawa kita rasa tahap perpaduan di kalangan pelajar-pelajar kita tidak seperti yang kita ingini.

Jadi saya rasa kalau kita terus membangkitkan bahasa pengantar sebagai satu faktor halangan kepada perwujudan perpaduan di kalangan pelajar, memang tidak tepat. Kita harus memandang dari perspektif yang lebih menyeluruh. Misalnya kerajaan harus mewujudkan ruang untuk menggalakkan komunikasi di antara pelajar-pelajar antara kaum, supaya mereka saling memahami dan menghormati budaya kaum yang lain. Itu adalah lebih penting.

Jadi saya harap Kementerian Pendidikan akan memikirkan perkara ini untuk mewujudkan ruang supaya anak-anak kita dapat memahami budaya dan adat resam di antara satu sama lain. Itu akan membantu menggalakkan apabila mereka sudah saling memahami dari segi budaya kaum, saya rasa dari segi nilai dan cara hidup kaum lain, saya rasa satu semangat kenegaraan boleh diwujudkan di kalangan pelajar-pelajar kita yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gombak.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Silakan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tebrau. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Tebrau, adakah Yang Berhormat menyatakan bahawa kurikulum yang ada sekarang tidak mencukupi di dalam memberitahu kepada pelajar-pelajar atau mengajar pelajar-pelajar ataupun murid-murid berkenaan dengan budaya, adat resam dan juga cara kehidupan bangsa-bangsa yang ada di Malaysia, itu yang pertama. Selain daripada cadangan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa harus diberi pendedahan tentang perkara ini, apakah perkara-perkara lain yang harus Yang Berhormat rasa dilakukan oleh Kementerian Pelajaran agar seperti mana yang dikatakan tadi perpaduan itu lebih kuat lagi, integrasi nasional itu lebih kuat yang mana tidak ada dalam sistem pembelajaran sekarang. Mohon penjelasan.

■ 1600

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Kalau kita meneliti daripada sukatan pelajaran sekarang memang tidak mencukupi untuk kita memberi pengetahuan yang mencukupi kepada anak-anak kita supaya mereka memahami budaya dan cara hidup kaum yang lain. Saya rasa usaha tambahan perlu diadakan untuk meningkatkan pengetahuan ini supaya satu sikap toleransi, sikap menghormati budaya orang lain boleh diwujudkan di kalangan pemuda-pemuda kita.

Kita harus bersikap terbuka dan juga melihat perkara ini dari perspektif dan lebih holistik dan tidak semata-mata dari kaca mata pendidikan sahaja tetapi juga termasuk cara hidup. Saya rasa memang di antara pelajar-pelajar yang berbilang kaum itu kurang ruang dan juga peluang untuk mereka memahami cara hidup dan budaya kaum yang lain. Itu dari pemerhatian saya sendiri. Saya harap kita boleh berusaha. Bukan sahaja Kementerian Pendidikan, semua

kementerian lain termasuk ahli-ahli politik juga boleh memainkan peranannya supaya antara kaum itu dapat kita sama-sama memahami budaya kaum-kaum lain. Saya rasa kalau dengan sikap yang terbuka itu kita akan mempunyai satu masa hadapan yang lebih cerah lagi dari segi memupuk perpaduan kaum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh tentang masalah pembangunan tempatan. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengadakan rancangan-rancangan pembangunan untuk kepentingan rakyat jelata, misalnya rancangan Wilayah Pembangunan Iskandar. Rancangan ini telah pun menarik minat pelabur-pelabur asing, seperti baru-baru ini kita telah menerima pelabur dari Timur Tengah untuk melabur sebanyak RM4.1 bilion di Wilayah Pembangunan Iskandar tetapi masih terdapat masalah tempatan yang belum diselesaikan. Misalnya di kawasan Parlimen Tebrau, masalah banjir kilat khususnya, yang berlaku sejak tahun 2001 hingga sekarang di kawasan perindustrian Tebrau masih belum diselesaikan. Pekilang-pekilang di situ yang sedia ada pun sudah mengadu hendak meninggalkan kawasan perindustrian itu. Saya harap kerajaan perlu memberi perhatian yang lebih serius kepada penyelesaian masalah yang sedia ada semasa kita mengadakan rancangan pembangunan yang baru.

Selain daripada masalah banjir, misalnya masalah tanah runtuh yang berlaku di kawasan Tebrau sudah dua tahun sehingga sekarang belum diselesaikan lagi, sungguhpun pelbagai usaha telah diadakan. Jadi, saya rasa ini akan mengecilkan hati rakyat tempatan apabila kita menyebut tentang rancangan pembangunan yang lain. Walhal perkara-perkara yang sedia ada masih belum diselesaikan.

Misalnya juga pengangkutan awam di sesuatu tempat. Di bandar raya Johor Bahru, masalah kesesakan trafik juga merupakan satu masalah harian. Sistem pengangkutan awam yang sedia ada memang tidak mencukupi. Jadi, kerajaan harus merancang sistem pengangkutan awam ataupun pengangkutan bas awam secara lebih menyeluruh supaya seluruh kawasan kediaman itu akan disediakan perkhidmatan bas awam. Saya rasa kalau kita hendak memastikan setiap rancangan pembangunan itu, rakyat biasa juga dapat turut menikmati daripada sesuatu pembangunan, soal banjir, soal pengangkutan awam dan sebagainya yang sedia ada perlu ditangani dan diselesaikan sebelum kita menyebut rancangan baru yang lain.

Perkara yang akhir sekali yang saya hendak sentuh di sini ialah tentang pencemaran sungai. Kita sering kali membaca dalam surat khabar tentang pencemaran sungai dan juga kita melihat sendiri pencemaran sungai yang berlaku di kawasan kita sendiri. Saya hendak bertanya, mengapa pencemaran sungai sehingga ke hari ini masih belum selesai? Apakah sebab-sebab yang sebenarnya yang menyebabkan kita tidak dapat lagi mengatasi masalah pencemaran? Adakah ia kerana peruntukan undang-undang yang sedia ada itu tidak mencukupi yang menyebabkan kementerian yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar itu tidak mempunyai kuasa yang mencukupi untuk memperbaiki keadaan pencemaran sungai.

Kita berulang kali menyebut tentang kempen menanam pokok tetapi sehingga sekarang...

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Silakan.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Tebrau. Pagi tadi saya pun berdiri untuk memberi ulasan tentang pencemaran sungai, tetapi tidak dapat. Terima kasihlah kepada Tebrau kerana memberi peluang ini. Sebenarnya pencemaran sungai yang berlaku di negara kita disebabkan beberapa pihak yang berkuasa, kementerian, kerajaan dan sebagainya tidak ada satu pelan yang bersepadu untuk menangani masalah ini. Kalau kita lihat daripada lembahan sungai ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap atau minta penjelasan?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Hendak minta penjelasan, tetapi mesti ada *preamble* dulu.

Seorang Ahli: Mukadimah.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya, mukadimahnya. Kalau kita lihat di satu lembahan sungai ataupun *river basin*, biasanya dahulu ia tidak tercemar. Ia hanya tercemar apabila terdapat ramai penduduk di situ. Oleh yang demikian, kerajaan tidak ada perundangan spesifik untuk mengatasi masalah ini seperti untuk pengurusan bersepadu ataupun *integrated water resources management*.

Di Jabatan Alam Sekitar mereka hanya ada perundangan untuk memantau pencemaran. Jadi, ini adalah satu masalah. Oleh yang demikian saya ingin bertanya kepada Tebrau, bolehkah Tebrau memohon daripada kerajaan, sebab Tebrau yang berucap sekarang - saya hanya mohon penjelasan - memohon daripada kerajaan agar mewujudkan satu perundangan yang spesifik dan mewujudkan suruhanjaya ataupun lembaga sungai-sungai untuk mengurus sungai secara bersepadu.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih, Yang Berhormat Mambong. Mambong adalah seorang pakar alam sekitar. Jadi, saya masukkan ucapan beliau sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Saya juga turut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bersetujulah dengan apa yang pakar telah katakan. Apa yang dikatakan oleh pakar semuanya betullah.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ya, kali ini dia betul. *[Ketawa]* Sebab itu saya turut menyokong, meminta kerajaan membuat seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Mambong demi kebersihan sungai di negara kita.

Memang pemulihan sungai itu merupakan suatu perkara yang paling sukar sekali misalnya di River Rhine di Eropah, mereka mengambil masa hampir 20 hingga 25 tahun membelanjakan wang sebanyak berbilion dolar Eropah untuk memulihkan tetapi mereka berjaya. Di Singapura pun mereka berjaya memulihkan sungai mereka, jadi saya berkeyakinan negara kita juga boleh mencapai hasrat untuk memulihkan sungai kita juga melainkan kita kena melihat kepada semua perspektif. Adakah kelemahan peruntukan undang-undang kita. Adakah itu oleh kerana kelemahan penguat kuasa dan sebagainya, jadi saya harap kerajaan perlu melihat perkara ini dengan *greater sense of urgency*.

Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada kerajaan menggerakkan semula kempen menanam pokok. Itu merupakan suatu perkara yang amat penting memandangkan kita sedang menghadapi *global warming*. Hanya dengan menanam lebih banyak pokok lagi kita akan membantu masyarakat antarabangsa untuk menangani masalah *global warming*.

Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

4.12 ptg .

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menubuhkan satu *body* IPCMC adalah satu yang wajar dan patut diimplementasikan dengan seberapa segera yang boleh walaupun kerajaan telah mengatakan bahawa berkaitan dengan itu satu *investigation* sedang dibuat oleh *Attorney General Chambers*, saya ingin tahu kenapa ia memakan masa sangat lama untuk mereka membuat suatu keputusan yang membawa suatu undang-undang berkaitan dengan ini supaya IPCMC ini dapat diimplementasikan dengan seberapa segera yang boleh dan jangan kita tidak mendengar seruan Yang Berbahagia Tun Hanif Omar yang baru-baru ini beliau telah mengatakan dari pandangan beliau lebih daripada 40% anggota-anggota polis terlibat dengan korupsi di negara ini.

Walau pun kawan saya sebelum ini mengatakan bahawa kenapa beliau tidak mengambil tindakan semasa dia menjadi IGP adalah suatu perkara yang perlu dia sendiri maka menjawab tetapi dari apa yang saya tahu, difahamkan bahawa semasa dia menjadi IGP, perkara semacam ini tidak berapa serius, bukan sebanyak 40%. Bekas IGP bukan seorang biasa dan dia ada keterangan-keterangan dan *proof* yang luar biasa dan saya berharap kerajaan akan mengambil serius apa yang dia katakan.

Berkaitan dengan ini pada 28 Ogos saya sendiri telah melaporkan suatu *report police* di Brickfields di mana saya mengatakan bahawa kemungkinan besar saya akan dipukul akan dihentam semasa saya mengadakan semasa saya menghadiri suatu majlis MAIKA Holding Berhad di Bukit Kiara. Ini adalah kerana pada 31 Ogos tahun dahulu bila saya juga telah menghadiri mesyuarat MAIKA Holdings Berhad, saya telah diugut, telah dipukul oleh beberapa anggota MIC pada hari itu dan walau pun laporan telah dibuat kepada pihak-pihak termasuk polis, sehingga ini tidak ada apa-apa tindakan telah diambil walau pun saya telah kenal pasti

seorang anggota ADUN dari Johor bernama Krishnasamy yang terlibat dan dia sendiri ada CCTV, ada video berkaitan yang menunjukkan yang beliau telah memukul saya tetapi pihak polis tidak mengambil tindakan tetapi yang mustahak adalah ini.

Walau pun saya telah melaporkan pada 28 Ogos, apakah tindakan susulan yang telah diambil oleh polis. Saya difahamkan pada hari itu di mana AGM ada orang kata bukan AGM – *Annual General Meeting* iaitu adalah *Annual Gangsters Meeting* di mana satu mesyuarat di Bukit Kiara oleh MIKA Holdings Berhad di mana syarikat ini dimulakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada tahun 1982 atau 1983 di mana harapan besar kepada masyarakat India dengan seruan, dengan *promises* oleh beliau di masyarakat India telah melabur lebih daripada RM106 juta dan soalan yang saya hendak tanya apakah tindakan susul yang telah diambil bukan sahaja oleh pihak polis di mana banyak laporan-laporan polis telah dibuat, bukan sahaja laporan polis yang telah dibuat oleh saya tetapi oleh banyak *shareholders* yang lain tetapi yang lebih kena adalah SSM – Syarikat Suruhanjaya Malaysia di mana laporan-laporan yang khusus yang telah dibuat berkaitan dengan perkara ini di mana penyelewengan kewangan, di mana *director* dan orang-orang kenamaan telah menggunakan MAIKA Holdings Berhad untuk keuntungan mereka sendiri dengan *proof* yang tertentu.

Kenapa sehingga kini tidak ada tindakan diambil? Kenapa pihak-pihak atasan melindungi orang-orang yang sangat kuat dalam MAIKA Holdings Berhad. Itulah sebab saya telah mengatakan bahawa masyarakat India pada tahun 1982 dan 1983 di mana Yang Berhormat Menteri telah memberi seruan, memberi harapan bahawa jika mereka melabur wang akan mendapat pendapatan yang lumayan, dividen yang lumayan dan juga mengatakan bahawa status ekonomi *standing* oleh masyarakat India akan dinaikkan dari 1% ke 10% dalam lingkungan lima tahun. Dari tahun 1982 hingga sekarang tahun 2007, masyarakat India hanya ada *economic stakes* sebanyak 100% hingga ke 105% apakah yang telah dibuat dan apakah tindakan yang telah dibuat terhadap pihak-pihak ahli-ahli politik ini.

Kenapa kerajaan melindungi mereka walau pun kesalahan-kesalahan tertentu. Pada enam bulan dahulu menteri berkenaan telah membuat pendirian dan berkata dalam surat khabar Tamil bahawa jikalau sesiapa yang tidak ingin menjadi lagi *share holder* dalam MAIKA Holdings Berhad boleh dibayar pampasan RM1 hingga RM1.30 dan bila saya sendiri pergi ke syarikat tersebut dengan membawa 15 orang anggota yang ingin mengeluarkan wang mereka, anak beliau Vell Paari yang menjadi CEO MAIKA Holdings Berhad mengatakan bahawa beliau tidak ada kena dengan perkara ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, ada soalan?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ya, ada apa kena mengena dengan mesyuarat anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama ini? Saya ingat kerana niat Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat adalah untuk mengecohkan keadaan. Saya rasa niat itu tidak betul. Niat kita adalah untuk memastikan kita bahas ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Baart]: Bukan, kalau ingin penjelasan, saya sedia untuk menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik. Yang Berhormat hendak minta penjelasan kah Yang Berhormat?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ada.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa dia tak faham *policy stake*. Dia tak faham. Dia tak faham.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini bukan soal polisi apa. Saya mempersoalkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau ada apa-apa soalan boleh kemukakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Perlu bagi kursus, perlu beri kursus kepada Cameron Highlands

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Ahli Parlimen Ipoh Barat, saya rasa berniat jahat dalam hal ini, untuk mengecohkan keadaan semasa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia sangat takutlah, saya kata yang benar kerana pada 30 hari bulan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat masa ada.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya balik kembali mengatakan bahawa ... kerana beliau mengeluarkan dalam surat khabar bahawa beliau akan bawa benda ke Parlimen dan akan mencabar.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa, apa Tuan Yang di-Pertua, apa penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup. Cukup, kalau sekiranya Yang Berhormat ada hendak minta penjelasan sila kemukakan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya ingin tahu apa niat beliau untuk mengungkit hal ini dalam Dewan Yang Mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Cukup, ini soalan dialah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Khusus, terima kasih kepada pada tahun 1982, Presiden MIC, di mana Cameron Highlands menjadi anggota telah memberitahu kepada masyarakat India bahawa jika mereka melabur, mereka akan mendapat keuntungan lumayan, masyarakat India akan menaikkan *economic status* dari 1% ke 10%. Semua ini tipu, tidak ada yang benar, langsung tidak diimplementasikan, kenapa?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, saya membawa kepada peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 36(12) sangkaan buruk. Di Dewan ini tidak ada bukti-bukti membawa perkara ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia cari jalan untuk mengelak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau sangkaan buruk terhadap seseorang, sini saya boleh tak apa Yang Berhormat ..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, mana ada bukti dan mana ada si anu yang dituduh di Dewan ini untuk mempertahankan diri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia ingin melindungi presiden beliau. Dia tak berani berdiri untuk RM106 juta, orang yang telah melabur wang. Dia tak berani kenapa dia takut. Kenapa dia takut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, ini ..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Bukan melindungi. Saya rasa Yang Berhormat Ipoh Barat tahu kenapa saya bawa isu ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya pun beliau tahu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya rasa kita berbahas mengenai rang undang-undang mengenai belanjawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu serahkan kepada sayalah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya rasa jangan menuduh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] : Kita baru merdekalah, jangan gaduh, cakap baik-baik, duduk.

■ 1620

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Bukan hendak gaduh-gaduh dengan beliau. Saya tanya sahaja kenapa di Dewan yang mulia ini apabila orang yang berkenaan itu tidak ada untuk mempertahankan diri beliau, beliau tidak ada di sini dan beliau telah membuat kenyataan di surat khabar bahawa beliau akan bawa isu ini ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini berkaitan dengan...

Tuan Sa. Vigneswaran: DAP kurang ajar, cakap banyak-banyak. Hari itu *meeting* tidak mahu cakap...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau berani, bahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya berani dalam Dewan, luar Dewan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Speaker kena kawallah.

Tuan Sa. Vigneswaran: Itu kurang ajarlah DAP. Itu hari *you* tidak boleh cakapkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Setiausaha Parlimen pun dia tidak tahu Peraturan Mesyuarat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Tuan Sa. Vigneswaran: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kenapa hendak gaduh tiga-tiga wakil daripada kaum India? Cukup, duduk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cameron Highlands, saya minta duduk. Saya minta duduk, Yang Berhormat Cameron Highlands. Yang Berhormat sudah ambil masa agak panjang untuk perkara ini. Jadi beralih kepada tajuk yang lain.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa ini perlu diambil tindakan. Kalau saya tidak boleh berbahas perkara yang sangat mustahak, masalah kaum India...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Saya benarkan Yang Berhormat bahas tetapi saya fikir masa sudah mencukupi untuk bahaskan perkara itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja mengenai Syarikat Suruhanjaya Malaysia, saya hendak tahu kenapa tindakan tidak diambil oleh SSM kepada Syarikat Maika Holdings Berhad walaupun penyelewengan kewangan dan ada aduan-aduan tertentu telah dibuat. Lagi satu adalah aduan yang telah dibuat oleh bekas Timbalan Presiden MIC, Dato' Subra semalam dulu di Balai Polis Brickfields di mana beliau juga diugut dan sebagainya, bukan saya sahaja. Saya semasa sedang berucap, tidak sampai empat minit, mic saya telah ditarik, saya tidak dibenarkan berucap langsung dan ada dua orang yang telah dipukul sehingga mereka dcederakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat sudah bangkitkan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dan ini satu perkara..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya harap tindakan susulan diambil supaya jangan kita membenarkan satu-satu syarikat yang mengumpul wang yang sebanyak macam itu,

lebih daripada RM100 juta dari masyarakat yang sangat terpinggir, sangat miskin, patut kerajaan...

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia bincang macam ini, syarikat itu sudah cakap mahu bagi balik semua wang, apa pasal dia tidak cakap itu macam?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bagi balik RM1...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peluang yang diberikan untuk berucap...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Menyampuk]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Dia mahu cakap pasal Maika Holdings ke atau mahu cakap pasal SSM?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat., Yang Berhormat, saya fikir kita kena faham Peraturan Mesyuarat, saya tahu. Tentang perkara ini, serahkan kepada saya. Bila saya kena tegur, saya akan tegur. Bila saya perlu menghentikan beliau berucap, saya akan berbuat demikian. Jadi serahkan kepada saya. Yang Berhormat, beralih kepada tajuk yang lain.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya. Saya berharap tindakan susulan akan diambil oleh SSM dan polis kerana jenayah yang serius telah berlaku di AGM yang lepas pada 30 Ogos. Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai satu surat khabar Makkal Osai yang sangat gemar dibaca oleh masyarakat India dalam negara ini dan walaupun ia telah membongkar beberapa isu yang mustahak, akan tetapi oleh kerana satu kesilapan mereka yang mereka sendiri mengaku bahawa satu *oversight* di mana pihak-pihak yang betul-betul terlibat di mana mereka kata telah menghinakan masyarakat Kristian. Masyarakat Kristian sendiri telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat memberitahu beliau bahawa surat khabar ini telah mengiklankan sesuatu yang boleh *diascept apology*, boleh diterima *apology* mereka, maka tidak perlu apa-apa tindakan diambil terhadap surat khabar Makkal Osai. Tetapi oleh kerana desakan-desakan satu parti politik MIC dalam hal ini di mana...

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Itu satu tuduhan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak dengar siapa? Setiausaha Parlimen atau Cameron Highlands?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dua-dua pun tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia hendak minta penjelasan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Dia mengeluarkan nama parti dan mencemarkan nama baik parti.

Tuan Sa. Vigneswaran: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya berani...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tindakan untuk membatalkan ataupun untuk memberhentikan surat khabar...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau dia hendak berucap, dia boleh berucap, Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak ada kaitan dengan penjelasan. Dia hendak penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan ini akan diberikan oleh kerajaan. Siapa yang buat keputusan, kerajaan akan menjawab.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Dia melibatkan nama baik parti.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, Yang Berhormat sentiasa tahu menjaga nama baik dan imej baik parti.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Ipoh Barat dok tegur MIC, suruh dia masuk MIClah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini sangkaan jahat. Ini tangga dia sudah tanggal sedikit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia *claim* masyarakat India masyarakat terpinggir. Saya tidak setuju. Mana ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sama ada nasihat Tangga Batu diterima atau tidak, terpulang kepada Yang Berhormatlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Parti perkauman saya tidak suka masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukan DAP? DAP parti perkauman.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Multiracial.*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Parti perkauman DAP.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi kalau di mana kita baca Malaysia Kini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit, hendak gulung. Kalau kita baca Malaysia Kini, banyak surat telah ditulis di mana menunjukkan dengan khusus bahawa representasi yang dibuat oleh Ketua Bahagian MIC yang memohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita bukan dalam Mesyuarat Perhimpunan MIC.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, Makkal Osai di mana mereka membuat representasi supaya ditutup, tidak dibenarkan terbit dan sebagainya. Saya harap kerajaan akan mengambil pandangan yang dibuat oleh semua golongan Kristian di negara ini di mana mereka mengatakan bahawa satu kesilapan itu boleh diterima dan *forgiveness* patut diberi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebagai yang akhir, saya hendak tanya mengenai hal dasar adalah Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh. Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa *landing runway* itu akan dibesarkan. Adakah ia akan dijalankan oleh kerajaan kerana saya difahamkan bahawa wang yang diagihkan lebih daripada RM100 juta itu mungkin tidak akan digunakan untuk membesarkan *runway*, jalan Airport Sultan Azlan Shah tetapi wang itu akan digunakan...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sungai Petani hendak minta penjelasan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak. Saya ingat dia tadi sudah tutup. Sekarang giliran saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tutup, Yang Berhormat tunggu bukalah. Baik, nanti saya panggil.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit ya. Saya hendak tanya adakah wang yang akan diagihkan oleh kerajaan untuk membesarkan *runway* di Ipoh, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah atau wang itu akan digunakan di lagi satu lapangan terbang di Perak juga? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Sungai Petani, sila buka.

4.27 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya sanjung tinggi atas penghargaan Tuan Yang di-Pertua terhadap saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, tetapi kadangkala tidak dapat beri peluang, jangan marahlah ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak, saya tidak marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebab sekurang-kurangnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua menghormati kerusi Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya menghormati semua kerusi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya bagi alasan kenapa....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu dia mahu masa lebihlah itu.
[Ketawa]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kenapa Sungai Petani? Kita sedang merayakan kemerdekaan yang ke-50. Kerusi Sungai Petani inilah yang menjadi kerusi pertama Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan kerana kerusi inilah membawa Almarhum menjadi Ketua Menteri, Federation of Malaya yang pertama dan selepas itu Perdana Menteri yang pertama dan kita panggil dia Bapa Kemerdekaan. Oleh itu saya sangat menghargai Tuan Yang di-Pertua untuk kita sama-sama membetulkan sejarah negara kita. Tidak ada disebut pun mengenai dengan kerusi Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, takkan kalau tidak beri peluang kepada Sungai Petani, bererti tidak hormat. Tidak boleh kata demikian.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Nampaknya macam itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebab saya memikul tanggungjawab warisan Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan negara kita. Sebab itu bila saya pegang kerusi ini, saya pertama sekali saya dipanggil oleh Allahyarham Tun Zahir dahulu kerana dia mengingatkan saya bahawa kerusi ini juga kerusi beliau dahulu. Saya ini mewarisi pemimpin besar negara. Oleh itu..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jerai pun mewarisi pemimpin besar juga, Tuan Yang di-Pertua, sejarah Jerai, gunung dia. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih, terima kasih. Jadi saya berharaplah...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya ingin membetulkan sejarah itu dan haraplah orang yang menulis sejarah negara mesti sebut kerusi Sungai Petani adalah kerusi pertama Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ya, saya belum mula lagi, Yang Berhormat sudah tanya saya. *[Ketawa]*

■1630

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tertarik apabila semangat patriotik bertiup, Tuan Yang di-Pertua. Semangat patriotik bagi negara kita ini tidak kira kaum. Tetapi saya hendak minta sedikit tadi barangkali ada juga segelintir dalam Dewan ini dia tidak berapa faham. Dia tahu sejarah merdeka, tetapi apa makna merdeka beri sedikit. Bagaimana Yang Berhormat Sungai Petani. Macam DAP.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sebenarnya saya faham dan saya juga ingin bertanya hari ini, kenapa di kalangan kita, terutamanya anak-anak muda kalau kita bangkit hari ini apakah semangat patriotisme mereka sudah luntur? Adakah mereka pelajari daripada sesetengah pihak, daripada parti-parti pembangkang yang hendak menafikan tentang kemerdekaan negara kita? Ini dia. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat di mana saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran apakah pihak Kementerian Pelajaran bertanya hari ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Sungai Petani saya akuriah memang kerusi itu kerusi Almarhum Tunku Abdul Rahman. Yang Berhormat tadi tegur pasal semangat patriotik anak-anak muda ini. Saya nampak, Yang Berhormat bersetuju dengan saya apabila Pesta Bola Merdeka, anak-anak muda main bola dan Malaysia menebus balik Piala Merdeka itu ke tangan kita dan masa kita menyambut 50 tahun merdeka.

Bermaknanya pemain-pemain kita itu semangat kemerdekaan dia tinggi. Kalau kita boleh cipta dan bina generasi muda macam itu Yang Berhormat, negara kita ini tidaklah huru-hara macam seorang pun tidak ada, sudah balik DAP. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Maknanya dia orang menang itu atas semangat dan juga macam FAM kita pun kasihan juga. Kita punya Pengerusi BBC, kita kenalah bagi peluang, jadi kalau kita tengok generasi muda ini membangun dan kita dapat balik, depa Burma. Walaupun Burma bermain kasar malam itu nasib baik saya tidak ada, kalau tidak bergaduh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Jerai mengenai dengan pada malam itu kita menjadi juara Piala Merdeka. Jadi saya berharaplah semangat yang seperti itu tetap akan terus bernyala dan senantiasia berkobar di kalangan anak-anak muda kita, itu baru permainan bola sepak.

Bola sepak juga kadang-kadang kita boleh terjemah dia di dalam bentuk semangat, macam zaman Mokhtar Dahari misalnya. Dia dipuja oleh anak-anak muda dan sekali gus semangat kenegaraan kita begitu hebat dan tinggi sekali. Mengenai dengan FAM saya tidak berani komen, saya pun tidak mahu komenlah, tidak ada air liur hendak komen mengenai dengan FAM. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah buat banyak kali komen pasal FAM.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Dahulu kita di tangga yang teratas, tetapi sekarang ini di tangga yang bawah. Saya tidak tahu apakah FAM? Adakah pemain? Adakah *coach* dan sebagainya. Jadi, boleh saya sambung dahulu? *[Ketawa]* Ya, Yang Berhormat Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Dia tangga atas ke tangga bawah ke tidak kisah, asalkan Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tidak hendak bagi Yang Berhormat meneruskan perbahasan. Cuma Yang Berhormat menyebut tentang generasi muda, orang muda hari ini yang mudah dipengaruhi, selaku salah seorang yang berkecimpung amat berat dalam generasi muda ini.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, mengapa Yang Berhormat mengeluarkan kenyataan tersebut, orang muda sekarang ini dengan mudah dipengaruhi oleh dakyah-dakyah daripada pihak pembangkang, Yang Berhormat sebut itu tadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, ini masalah dia ialah sekarang kita hendak cari sebab ataupun kita buat tinjauan daripada sebab itu saya minta Kementerian Pelajaran untuk sama-sama kita melihat kembali kita melihat memeriksa tentang kurikulum khususnya *syllabus* kita itu. Benar-benarkah kita menanam benih-benih *patriotism* di kalangan anak-anak muda kita daripada bangku sekolah sehinggalah ke peringkat universiti. Namun mengapa anak-anak muda hari ini mudah diracuni pemikiran mereka. Itu yang kita hendak tahu.

Adakah kerana Harakah? Terus terang saya cakap, adakah kerana Harakah, adakah kerana *bloggers* ataupun apa? Misalnya baru ini orang telah menghina Negaraku kita dan sampai hari ini tidak ada tindakan. Ini persoalan kita, tidak kiralah sama ada Melayu, India, Kadazan, Iban, Cina, kalau dia salah dari segi undang-undang, ayuh ambil sahaja tindakan apa kita peduli. Namun tidak ada tindakan yang sepatutnya sehingga hari ini.

Apakah AG akan menunggu ataupun membaca beberapa kali mengenai dengan undang-undang baru balik mengambil tindakan, apakah ini semua? Jadi saya berharap benar sesuatu mesti dilakukan...

Dato' Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.. Sungai Petani, Parit bangun.

Dato' Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Sungai Petani dahulu pernah menjadi Timbalan Menteri Kementerian yang menjaga anak muda, belia. Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa anak muda ini sikapnya biasanya dia suka memberontak, Yang Berhormat Ketereh kata kalau saya boleh pinjam kata *rebellious* dengan izin.

Jadi tidakkah kementerian sedar oleh kerana adanya sikap *rebellious* dengan izin memberontak itu di kalangan anak muda termasuk remaja, kita mengambil perhatian perkara itu dan menggubal sistem supaya *rebellious* ini tadi, sikap yang bertenaga ini kita gunakan gejala yang positif tidak kepada jalan yang negatif. Jadi saya rasa ini adakah pihak kementerian

misalnya sedar tentang perkara yang saya sebutkan ini dan mengambil jalan untuk penyelesaian kepada masalah itu, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Sebenarnya Yang Berhormat juga bangkit tadi saya bekas Timbalan Menteri Pelajaran, betul. Sebabkan kesihatan saya pada ketika itu, maka saya tidak lagi berada di dalam bahagian pentadbiran. Saya tidak boleh disalahkan sebab saya juga telah menyedarkan pihak kementerian berkali-kali semasa saya anggota pentadbiran, semasa saya Setiausaha Parlimen mahupun saya masa Timbalan Menteri. Saya tetap jalankan tanggungjawab saya menegur hal-hal ini. Sebab itu saya bertanya sekali lagi, walaupun kita sudah ada pelan induk untuk segala macam ini, apakah kita sudah ada masa untuk dengan izin to *reexamine* mengenai dengan *syllabus* kita mengenai dengan kurikulum kita, sama ada kita masih boleh ataupun tidak ataupun perlu ia *revamp* ataupun perlu dia diubahsuai dengan keadaan sekarang.

Dahulu sudah saya bagi ucapan cukup panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini iaitu mengenai dengan kita berada dalam abad yang ke-21. Maka ia mestilah bersesuaian dengan abad ke-21, bersesuaian dengan segala macam cabaran. Sebab itu saya juga dalam perkara awal saya bertanya adakah pihak kementerian sekarang akan mengkaji akan menggunakan kaedah yang baru ataupun kaedah apa sekalipun bagi memastikan bahawa di peringkat sekolah rendah lagi kita sudah ditanam dengan benih patriotisme. Kalau saya ambil contoh walaupun Amerika kita kata apa sekalipun, soal patriotisme di Amerika cukup begitu hebat sekali apabila mereka merayakan 4 Julai setiap tahun, malah diungkapkan bermacam-macam dan sehingga tertanamnya benih patriotisme di kalangan anak-anak muda mereka. Kalau datang balik soal *American flag* mereka tidak akan menghina *American flag*.

Jadi saya bangkit di sini jadi mengenai dengan pelajaran, saya juga ingin bangkitkan tadi banyak dibangkitkan mengenai dengan soal integrasi. Apakah kita peringkat sekolah rendah, saya tidak mahu bercakap dalam universiti, kita bercakap integrasi hanya apabila sampai ke peringkat universiti. Kita tidak bercakap di sekolah rendah. Sebab itu ramai rakan-rakan saya telah menyentuh perkara ini dan saya tidak akan menyentuh perkara itu.

Perkara kedua ialah mengenai dengan soal yang saya hendak bangkit dalam ini iaitu kita ada mengenai dengan *teachers quarters*.

■ 1640

Teacher quarters, kita belanja wang yang begitu besar. Ada *teacher quarters* yang tidak diduduki oleh guru-guru dan malah sekarang ini antaranya sudah menjadi *ghost house*, malangnya saya nak sebut. Apakah tindakan atau langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan ataupun perbelanjaan yang begitu besar sekali tiap-tiap bulan dan tiap-tiap tahun untuk menyelenggarakan *teacher quarters* ini. Ini kita perlu tahu daripada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang sudah diambil untuk supaya melihat kita tidak

banyak rugi dari *teacher quarters* yang tidak diduduki oleh guru-guru ataupun pegawai-pegawai pelajaran. Jadi apa yang kita nak buat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Oh, ya. Jiran.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Selaku mantan Timbalan Menteri Pelajaran, saya rasa isu integrasi di kalangan pelajar ini daripada pelbagai kaum adalah isu yang kritikal malah sepatutnya diberikan perhatian yang khusus. Saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani, ada satu pandangan supaya di peringkat sekolah kebangsaan, sekolah rendah, semua bangsa harus bersekolah di sekolah kebangsaan. Kalau ada sekolah di peringkat yang lain, harus diadakan mungkin sama ada di sebelah petang ataupun pada waktu yang lain. Ini saya nak kaitkan dengan prinsip melentur buluh seharusnya daripada rebungunya. Jadi, sewaktu pelajar itu di sekolah rendah, sebaik-baiknya diwajibkan mereka ini berada di sekolah kebangsaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat. Tapi Yang Berhormat kena baca akta kita iaitu kita ada Akta Pelajaran Kebangsaan. Yang ini kita mesti pastikan akta itu apakah perkara-perkara yang terkandung dalam akta. Jadi, kita juga dalam Dewan yang mulia ini yang meluluskan akta itu. Jadi, kita kena periksa dia betul-betul. Mengenai dengan soal bahasa itu, itu sudah termaktub dalam Akta Pelajaran. Jadi ini yang saya selalu pertahankan tetapi semua sekolah sama ada SJKT, mahupun SJKC dia mesti pakai silibus yang sama. Itu dia soal dia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut. Larut bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini soal bahasa dan saya pertahankan di sini Menteri Pelajaran, bos saya dulu yang mengatakan bahawa dia sedang memperkasakan sekolah kebangsaan dan juga sekolah-sekolah yang dari segi bahasa dia menggunakan dan baru-baru ini dengan pelan tindakan iaitu sekolah *cluster* umpamanya. Itu saya tetap pertahankan untuk mempertingkatkan lagi. Ya, Yang Berhormat Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak pergi kepada Yang Berhormat cakap pasal kuarters tadi. Yang Berhormat sentuh kuarters tadi kan, rumah guru. Betul? Ya lah, bahasa itu memang kita pertahankanlah.

Saya rasa Yang Berhormat mungkin setuju dengan saya bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen barangkali mereka tahu kedudukan ini Yang Berhormat, tentang kuarters-kuarters, dengan izin ya. Rumah guru yang

usang yang mungkin dah tak boleh digunakan ataupun mungkin kadang-kadang kita sekarang ini dah ada dipanggil sebagai apartmen di semua tempat. Masalah ialah mungkin barangkali laporan ini tidak sampai kepada peringkat atas. Ini yang menyebabkan kadang-kadang pelaksanaan kediaman ini tertinggal begitu saja. Saya tahu di kawasan saya Yang Berhormat, sebagai contoh. Banyak. Ini yang pagi tadi saya timbulkan tentang tanah-tanah rizab persekutuan yang tak diguna pakai.

Barangkali Yang Berhormat setuju kalaulah bangunan-bangunan ini yang tak diguna pakai, boleh kita jadikan tempat-tempat PIBG. Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang tidak ada pangkalan untuk mereka mengadakan aktiviti ataupun tadi kita bercakap soal semangat patriotik remaja kita. Ini kita boleh mulakan daripada mereka menjadikan tempat-tempat lepak yang tidak ada bersebab. Apakah Yang Berhormat setuju supaya Kementerian Pelajaran dapat melihat keadaan ini dan semua kuarters-kuarters lama zaman penjajah dulu masih ada walaupun kita cuba nak mempertahankan bangunan ini sebagai *heritage* dengan izin tapi setengah tempat tidak sesuai lagi, tapak-tapak. Bahkan wakil-wakil rakyat terutamanya memohon kepada contohnya Kementerian Pelajaranlah Yang Berhormat sebutkan tadi. Ada juga jabatan-jabatan lain, apa salahnya bangunan-bangunan ini diberikan untuk digunakan bagi kegiatan-kegiatan yang bermanfaat daripada ia tinggal usang begitu saja. Apakah Yang Berhormat setuju dalam hal ini?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya cukup setuju dengan Yang Berhormat Larut. Apa yang saya bangkit ialah *teacher quarters* dengan izin ialah bangunan-bangunan yang baru buat oleh sebuah syarikat, dua buah syarikat dan bangunan-bangunan ini yang setengahnya di kawasan kampung tidak diduduki. Jadi, kita terpaksa juga bayar balik kos pembangunan itu dengan atas kadar sewaan pada setiap unit. Jadi kita nak tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dan mengenai dengan pegawai bagi laporan itu, pegawai di kementerian cukup ramai. Dia boleh bagi daripada *state*, *district*, macam-macam dia ada. Boleh kita hantar pantauan itu kepada pihak menteri. Jadi, saya rasa cadangan-cadangan tadi saya anggap cukup baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya nak bangkitkan juga mengenai dengan buku teks.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Maran.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Eh, *injury time* ini.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Bagilah, sikit saja Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya tertarik dengan sebelum daripada itu tentang Sabak Bernam sentuhkan tadi tentang perpaduan ini di peringkat remaja, muda-muda. Saya baru ini Yang Berhormat Sungai Petani, saya sempat melihat bersama persembahan raksasa sambutan Hari Kebangsaan di Stadium Merdeka dan saya kira sambutan

ini sungguh hebat dan satu kejayaan yang cukup besar kepada negara yang menggabungkan ribuan pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah menengah dan rendah ini yang membentuk berbagai-bagai persembahan yang menggambarkan kejayaan, kecemerlangan, kepimpinan dan sebagainya dan saya menjangkakan mungkin hanya daripada sekolah-sekolah tertentu saja.

Tapi apabila selesai saja persembahan ini, apabila selesai pertunjukan itu, saya lihat ramai pelajar-pelajar terdiri dari pelbagai kaum - Melayu, Cina, India dan berbagai-bagai lagi termasuk Sabah dan Sarawak mungkin. Kalau kita lihat di sini Yang Berhormat Sungai Petani, kita nampakkan satu perpaduan yang cukup hebat yang sungguh membanggakan kita. Tidak ada sebab saya kira mungkin ada pergaduhan dan sebagainya berlaku. Tetapi kadang-kadang malang apabila kita melihat di sekolah-sekolah rendah menengah sikit atau pengajian tinggi, tahap perpaduan ini telah agak renggang sedikit. Sebagai bekas seorang Timbalan Menteri Pelajaran, apakah agaknya Yang Berhormat, perkara-perkara yang boleh menyebabkan mungkin kerenggangan perpaduan anak-anak muda kita yang daripada kaum-kaum ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani kena gulung ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, ya. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai perkara ini dan saya percaya pihak kementerian ada langkah-langkah yang telah diambil. Jadi mengenai dengan integrasi ataupun perpaduan di kalangan murid, sebab saya bimbang sekarang ini ialah salah tafsiran mengenai dengan ramai yang menyebut mengenai masyarakat majmuk. Masyarakat majmuk hanya wujud di dalam pentadbiran kolonial sahaja. Kita sebenarnya multi etnik, *multi religion*, multi, multi. Tapi orang dok guna ini majmuk-majmuk ini, majmuk ertinya *plural*. *Plural society* hanya wujud apabila adanya kolonial. Ini salah ini, banyak orang pakai salah. Termasuk menteri pun salah! Maaf saya cakap sebab konsep itu tak betul. Sebab integrasi kita ialah kita sebagai masyarakat nasional daripada *colonial society* kepada *national society*. Itu maksud saya. Jadi saya tidak mahu bangkit mengenai inilah.

Saya nak bangkit mengenai dengan buku teks ini, saya berharap pihak kementerian akan sekali lagi bangkit pada hari Jumaat ini, saya berharaplah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan menyatakan bahawa buku teks bagi sekolah rendah diberi percuma kepada semua murid-murid tanpa mengira sama ada berapakah pendapatan keluarga dia dan sebagainya kerana ini menimbulkan banyak masalah malah telah di isytihar buat satu masa dulu bahawa buku-buku teks di peringkat sekolah rendah diberi percuma. Tapi mengapa kita pada hari ini kita tak buat? Soal dia. Saya berharaplah pada hari Jumaat ini kalau bolehlah Yang Berhormat timbalan menteri beritahu cepat-cepat kepada Yang Amat Berhormat supaya ini diisytiharkan pada hari Jumaat ini supaya buku di sekolah rendah, buku teks diberi percuma kepada semua pihak.

Mengenai dengan kes JPA baru-baru ini, saya ucap ribuan terima kasih lah kerana JPA telah tarik balik mengenai dengan VSS ini. Saya dah kata dah, saya telah bangkit masa dalam ucapan saya bahawa VSS ini tak perlu dipakai di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, kita sudah pun mempunyai bermacam-macam peraturan. *Dismissal* ke apa benda ke tapi tak dipakai, kenapa dibuat yang baru? Apakah kerana KSN baru, maka semua nak tunjuk baru? Jadi inilah masalah kita. Benda yang baik kita tak simpan, benda yang buruk kita nak ambil sebab kononnya nak ikut macam MAS.

■1650

Jadi juga mengenai dengan kontraktor ini, kontraktor F. Saya tidak tahu kenapa tidak kontraktor F. Kalau yang baik kita beri peruntukan kepada kontraktor F, yang baik supaya ia dapat ditingkatkan kepada peringkat yang lebih tinggi tetapi malangnya hari dengan peraturan Kementerian Kewangan, saya dapati kontraktor F tidak lama boleh dapat *survive*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Iaitu mengenai dengan pengajian tinggi, saya juga bangkitkan juga iaitu mengenai dengan *facility* ataupun 'fasilitas' untuk mahasiswa-mahasiswi, penggunaan dia di kampus-kampus, apakah masih di tingkat *first class* ataupun di peringkat yang begitu rendah sehingga tidak dapat melahirkan graduan-graduan bermutu. Akhir sekali ialah mengenai dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin masih tanya soalan, peruntukan yang diberi kepada kementerian ini masih di peringkat yang rendah. Mengapa tidak di dalam bajet sekali ini, mereka diberi dua kali ganda ataupun tiga kali ganda lagi peruntukan kerana rancangan-rancangan dan projek-projek yang telah dikendalikan oleh kementerian ini cukup hebat, cukup memanfaatkan masyarakat pada keseluruhannya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gombak.

4.52 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya terlibat dalam perbincangan dalam soalan tambahan ini. Yang pertama saya hendak cakap tentang Kementerian Pelajaran. Kita tahu bahawa Kementerian Pelajaran merupakan satu kementerian yang kita kira agak pragmatik iaitu dengan berbagai-bagai misalnya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Kebangsaan, dengan adanya sekolah kluster dan sebagainya. Isu yang saya hendak bangkitkan ialah soal pemilihan pelajar di sekolah berasrama penuh. Kita tahu sekarang ini banyak sekolah yang berasrama penuh, memilih pelajar-pelajar yang masuk sekolah asrama penuh itu daripada tingkatan satu, tingkatan dua, tingkatan tiga dan seterusnya hingga tingkatan lima. Didapati bahawa apabila pelajar-pelajar yang di sekolah asrama penuh ini selepas tingkatan tiga, selepas mengambil peperiksaan PMR,

ada di antara mereka itu peperiksaan PMR dia tidak cemerlang, ada misal kata dapat 6A, 7A dan tidak ada dapat semua A, tetapi masih dikekalkan di sekolah berasrama penuh. Jadi saya rasa perkara ini kalau terus berlaku ini sebenarnya telah mencacatkan objektif sebenar iaitu kita mahu menjana terus kecemerlangan akademik di sekolah asrama penuh selain daripada kita mahu wujudkan pemimpin di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Jadi saya kira, kementerian harus melihat isu dan perkara ini supaya pelajar-pelajar yang benar-benar cemerlang yang mendapat keputusan yang baik di sekolah berasrama penuh diberi peluang. Kalau ada tempat yang pelajar-pelajar yang tidak dapat keputusan yang cemerlang boleh diisi oleh pelajar-pelajar daripada tempat-tempat lain. Saya juga ingin membawa supaya kementerian juga melihat keberkesanan membawa pelajar-pelajar masuk ke sekolah berasrama penuh daripada tingkatan satu. Didapati apabila pelajar-pelajar yang masuk ke sekolah berasrama penuh ini daripada pemilihan iaitu peperiksaan UPSR, apabila mereka masuk tingkatan satu, tingkatan dua, dan oleh kerana di situ mereka tinggal di asrama, tumpuan ibu bapa kurang, kebanyakan mereka apabila sampai ke tingkatan tiga sudah ada *seniority* dan sebagainya, pada masa itulah masalah disiplin, masalah pergaulan mereka dengan kawan-kawan dan juga kurang perhatian daripada guru dan sebagainya mula berlaku dan ini juga didapati bahawa boleh mencacatkan prestasi kecemerlangan akademik mereka.

Jadi itu sebab saya rasa kalau boleh, kementerian kaji balik perkara ini kerana mungkin kalau sekarang ini kalau dibenarkan pelajar-pelajar ini masuk ke tingkatan empat, dan terus tingkatan lima, maka banyak peluang dan tempat boleh diberi kepada pelajar-pelajar yang cemerlang kerana dan juga untuk kita mengelakkan masalah-masalah disiplin yang saya beritahu. Sebagai contoh saya melihat, baru-baru ini di antara sekolah yang terbaik keputusan SPM nya ialah sekolah berasrama penuh yang memasukkan pelajar-pelajarnya di tingkatan empat dan tingkatan lima. Tidak ada, pelajar-pelajar ini bukan daripada tingkatan satu. Saya sendiri adalah pelajar sekolah berasrama penuh dan masa itu sekolah itu mengamalkan sikap memasukan sekolah berasrama penuh daripada tingkatan empat dan didapati bahawa pelajar-pelajar yang masuk sekolah berasrama penuh semua keputusannya cemerlang dan saya dapati yang mana masuk daripada tingkatan satu, apabila seterusnya tingkatan dua, tingkatan tiga dan walaupun keputusan tidak baik dikekalkan dan mereka tidak dapati memang tidak mempunyai keputusan yang cemerlang dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang masuk di tingkatan empat dan tingkatan lima dan seterusnya. Selain daripada itu...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalin [Maran]: Yang Berhormat, mencelah sikit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran, sila.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalin [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak. Saya tertarik dengan keprihatinan Yang Berhormat terhadap pendidikan ini dan banyak memfokuskan kepada sekolah berasrama penuh ini. Saya tidak risau Yang Berhormat Gombak tentang pelajar-pelajar di sekolah berasrama penuh ini tetapi

menjadikan risau kepada saya ini kerana saya ini Ahli Parlimen kampung, luar bandar. Ramai daripada pelajar-pelajar yang pergi ke asrama penuh. Pelajar-pelajar yang berada di sekolah-sekolah di pinggir bandar ataupun bandar yang mana kemudahan pendidikannya amat banyak sekali tetapi kalau kita lihat di luar bandar, kawasan-kawasan kampung saya dan sebagainya, banyak usaha sudah dibuat tetapi dari segi *facilities* ataupun kemudahan ini amat kurang sekali dan menyebabkan banyak sekolah yang kurang murid, dari segi prestasi pelajarannya cukup menurun atau tidak membanggakan, di mana tidak ada kompetisi ataupun persaingan antara pelajar-pelajar ini.

Saya mohon pandangan Yang Berhormat, apakah caranya? Sebenarnya otak pelajar-pelajar kita luar bandar ini serupa juga dengan orang bandar tetapi oleh kerana kurangnya kemudahan dan sebagainya, menyebabkan mereka itu ketinggalan. Apakah pandangan Yang Berhormat, supaya kita berikan perhatian kepada Kementerian Pelajaran, memberikan kesungguhan, perhatian kepada kemudahan-kemudahan luar bandar ini bukan sahaja di kawasan Semenanjung Malaysia bahkan mungkin di Sabah dan Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Okey, Yang Berhormat Maran. Kita juga tahu bahawa kementerian adalah telah mewujudkan program seperti sekolah bestari dan sebagainya yang mana hendak melengkapkan semua sekolah-sekolah dengan berbagai-bagai kemudahan. Itu sebabnya saya mengatakan tadi bahawa apabila pelajar-pelajar yang kurang cemerlang di sekolah-sekolah berasrama penuh ini, dikeluarkan daripada sekolah berasrama penuh, ini juga jadi satu motivasi kepada mereka untuk bekerja kuat dan peluang-peluang ini diberi kepada pelajar-pelajar yang di luar bandar yang mendapat semua A walaupun dalam keadaan kekurangan dibenarkan masuk ke sekolah berasrama penuh dan ini pada saya mempunyai satu motivasi kepada mereka. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa pelajar-pelajar yang masuk daripada tingkatan satu ataupun khususnya juga berasrama penuh, didapati bahawa, saya difahamkan bahawa satu hari kos pemakanan seorang pelajar cuma RM7.50. sebagai seorang doktor perubatan saya melihat pelajar-pelajar yang masuk di sekolah asrama penuh itu, terutama umurnya muda, 13 tahun dia memerlukan protein yang tinggi dan juga pemakanan-pemakanan yang harus dilihat rapi. Adakah dengan RM7.50 untuk seorang pelajar di sekolah berasrama penuh ini, kita boleh menghasilkan pelajar yang baik melalui pemakanan yang nilai yang sebegitu? Saya rasa ini harus dilihat kerana kita katakan bahawa kita mahukan kecemerlangan akademik daripada pelajar-pelajar bersekolah di asrama penuh, dan kita juga mahu melahirkan pemimpin daripada pelajar-pelajar yang berasrama penuh.

Selain itu program pemakanan ini, saya tengok harus dilihat dengan lebih komprehensif oleh pakar-pakar pemakanan walaupun kita tahu sekarang ini sekolah-sekolah telah diberi hak ataupun untuk mereka menentukan banyak perkara tetapi ini satu perkara pemakanan pada saya merupakan satu aspek yang amat penting. Selain daripada itu, saya juga difahamkan, saya juga

mempunyai anak yang kurang ini bersekolah di sekolah berasrama penuh didapati bahawa di sekolah berasrama penuh, ada di antara sekolah yang tidak ada kemudahan-kemudahan *internet* amat berkurangan. Jadi ini sebab pada saya, walhal sekolah-sekolah berasrama penuh ini kita mahu mendedahkan mereka seberapa banyak ilmu dan juga pengetahuan-pengetahuan di luar. Jadi ini juga saya rasa harus dilihat. Selain daripada itu soal mereka surat khabar yang begitu terhad. Kadang-kadang satu sekolah, lebih kurang 700, 800 pelajar, surat khabarnya tiga hingga empat. Surat khabarnya yang terletak di perpustakaan. Jadi kita seperti mana yang kita katakan ini, kita mahu lahirkan seorang pelajar yang baik akademiknya, seorang pelajar yang banyak pengetahuan dan akhirnya mereka keluar sudah ada watak-watak seorang pemimpin.

▪ 1700

Jadi kalau pengetahuan mereka tidak baik tidak banyak selain daripada peluang-peluang, kemudahan yang terhad surat khabar dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Jadi ini juga pada saya satu perkara yang penting, silakan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada bilangan surat khabar yang kita hendak edar di dalam sekolah. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kita memberi setiap pelajar itu satu naskhah tiap-tiap hari? Saya pun tidak tahulah macam mana kita selesaikan, bukan semua yang berminat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Satu melihat misalnya satu *dorm*, satu bilik sebab sama, satu surat khabar contohnya. Jadi bukan maksud saya seorang pelajar seorang surat khabar ini satu perkara yang mustahil dan tidak ada mana-mana yang boleh mampu dalam hal ini, saya rasa itu bentuk penyelesaiannya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang soal yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Kita tahu bahawa baru-baru ini di Indonesia terdapat reaksi yang amat luar biasa tentang insiden yang berlaku di Nilai yang telah banyak dibahaskan oleh kawan-kawan saya tadi tetapi apa yang ingin saya perkatakan tadi bahawa pemimpin di Indonesia telah menerimanya dengan hati yang terbuka, dengan rasional.

Sebagai contoh bahawa walaupun ada ugutan daripada rakyat Indonesia daripada surat khabar-surat khabar yang mahukan bahawa Kerajaan Indonesia tidak menghantar seorang wakil pun ke hari sambutan kemerdekaan, kita tahu WaPres ataupun wakil presiden mereka Yusuf Kalla hadir dalam sambutan kemerdekaan. Ini menunjukkan bahawa pemimpin dengan pemimpin terdapat keterbukaan, terdapat rasional yang cukup tinggi tetapi soalnya saya masih lagi dulu pun saya pernah bangkitkan ini soalnya ialah soal komunikasi yang kita tengok

membuat reaksi yang begitu hebat, yang luar biasa ialah media dan juga disambut oleh rakyat bawahan.

Soalnya kita tidak hanya boleh mengeluh mengatakan bahawa silap interpretasi, silap persepsi tetapi kita harus melakukan sesuatu, Kedutaan Malaysia di Indonesia harus melakukan sesuatu. Contohnya saya pernah katakan bahawa wujudkan satu unit komunikasi dan sebagainya supaya kita selalu ada komunikasi dengan akhbar-akhbar Indonesia. Yang kedua mungkin kita panggil sama ada duta besar mahupun Menteri Luar sendiri memanggil wakil-wakil akhbar untuk menerangkan keadaan sebenar supaya kita meredakan keadaan.

Kalau tidak seperti mana yang disebutkan tadi Yang Berhormat bagi Mambong, keadaan reaksi yang luar biasa yang mahu menghalau rakyat Malaysia daripada negara tersebut dan juga berbagai-bagai lagi. Walhal di antara peringkat Parlimen ke Parlimen di antara parti dengan parti, saya sebagai setiausaha biro antarabangsa UMNO Malaysia, UMNO Malaysia memang selalu mengadakan hubungan untuk merapatkan...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: ...hubungan di antara parti-parti di Malaysia dan juga di Indonesia tetapi bila ada berlaku reaksi-reaksi ini kita rasakan bahawa penat kita tidak selesai tetapi masalah demi masalah terus berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat bagi Gombak, mencelah sedikit Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat saya setuju sungguh setuju dan pagi tadi ada cadangan untuk menangguhkan Dewan kerana hendak membahaskan isu ini tetapi ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan, saya bersetuju. Sebenarnya kalau kita lihat insiden yang berlaku baru-baru ini yang melibatkan jurulatih, sebenarnya tidak... cedera sahaja dan penyiasatan sedang dibuat apakah sebab-sebab sebenarnya tetapi kalau saya hendak bawa contoh Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat setuju dengan saya.

Kalau kita tengok penglibatan masyarakat ataupun rakyat Indonesia yang datang ke Malaysia yang terlibat dengan berbagai-bagai jenayah cukup besar, pembunuhan dan sebagainya tetapi bagi negara kita tidak ada isu yang besar kita bawa. Tidak ada rakyat Malaysia yang tunjuk perasaan, berkumpul dan sebagainya untuk menghina Indonesia. Ini semangat yang ada pada rakyat Malaysia. Saya setuju dengan Yang Berhormat kalau boleh biarlah ini kita tekankan, kita minta Kementerian Luar Negeri jalankan usaha yang sungguh-sungguh bagi kita mewujudkan semangat kejiranan seperti Yang Berhormat cadangkan. Terima kasih banyak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi yang saya hendak bangkitkan ialah terima kasih pada pandangan, itu saya rasa pandangan yang

sama seperti pandangan saya dan kita tahu bahawa kita Malaysia dan Indonesia duduk di dalam persatuan yang dipanggil semangat Asean, kita di dalam OIC. Di manakah semangat-semangat ini selain daripada selalu yang dilauung-laungkan soal semangat serumpun ini. Jadi kalau kita asyik mengatakan ini tetapi tidak melakukan sesuatu masalah tidak akan selesai. Itu sebabnya pada saya harus berjumpa dengan wakil-wakil media, harus ada komunikasi yang terus dengan mereka supaya dapat diterangkan dari masa ke semasa soal-soal yang berlaku agar tidak ada interpretasi yang akan datang yang mana ini boleh memburukkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia dan Indonesia.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa OIC di bawah pimpinan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri kita begitu aktif dan nampak berkesan dan kita sekarang ini banyak membawa agenda-agenda ekonomi dan sekarang ini pun berlangsung soal perbincangan deklarasi Mekah, agenda ekonomi. Ini pada saya satu pendekatan yang cukup baik. Walau bagaimanapun soal-soal politik ini penting kerana bila berlaku tidak ada kestabilan politik di kalangan negara-negara OIC segala perancangan ekonomi tidak akan berjalan. Jadi kita juga, saya melihat bahawa hari ini kalau kita baca surat khabar ada ugutan Amerika Syarikat terhadap Iran yang mana Iran boleh diselesaikan dalam masa tiga hari.

Saya rasa harus ada reaksi daripada OIC agar perkara-perkara ini dapat diperbincangkan dengan hebat kerana seperti mana yang saya katakan tadi kalau betul perkara ini berlaku, segala agenda ekonomi yang diperbincangkan tidak akan dapat diimplementasikan. Jadi ini juga harus dilihat. Selain daripada itu OIC juga harus melihat contohnya soal perpaduan yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin negara Islam. Baru-baru ini Fuad Siniora iaitu Perdana Menteri Lebanon mengisytiharkan kemenangan. Kemenangan ke atas siapa? Kemenangan kerana mereka berperang dengan orang Islam juga iaitu *refugee* ataupun pelarian-pelarian orang Palestin. Adakah ini satu kemenangan?

Jadi ini tidak membawa kepada unsur-unsur perpaduan dalam OIC dan ini juga pada saya boleh membawa kesan soal yang berkaitan dengan kestabilan politik. Tuan Yang di-Pertua, tidak sah kalau saya tidak menyentuh soal yang berkaitan dengan kesihatan iaitu kalau kita tengok bahawa program pencegahan adalah satu program yang penting, soal yang berkenaan kesihatan. Saya ingin tahu, kita memang tahu statistik yang mengatakan bahawa penyakit yang banyak membunuh rakyat Malaysia ialah kardiovaskular, satu yang kedua kanser. Ada program-program pencegahan, saya hendak tanya soal misal kata program pencegahan penyakit barah pangkal rahim yang dulu begitu hebat ada alokasi peruntukan dan sebagainya.

Apakah *progress* kemajuan tentang program pencegahan barah pangkal rahim ini, adakah masih berterusan? Apakah impaknya, apakah perkara yang telah dilakukan dan sebagainya. Soalnya juga kita tahu bahawa kanser ataupun barah payudara juga banyak membunuh kaum wanita. Kita tahu apakah program-program ini masih berterusan, apakah kejayaannya kerana kita lihat bahawa peruntukan-peruntukan tambahan yang diberikan kepada

kementerian-kementerian yang semua saya sebut tadi berbilion-bilion. Jadi kita mahu tahu apakah keberkesanan daripada program-program ini ataupun apakah yang harus dilakukan untuk memperbaiki program-program ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga membawa...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat ini pakar, doktor pakar sebelum jadi Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit pandangan beliau. Penyakit payudara ini ialah penyakit ini Allah S.W.T. yang menurunkan kepada kita tetapi apakah sebab sebelum kita rawat memang saya tahu rawat itu lebih baik daripada mengubati tetapi kita boleh mengenal punca penyakit yang menjadikan payudara ini. Kenapa banyak sangat hari ini dulu payudara ini tidak berapa banyak sangat. Jadi saya hendak dapat sedikit pandangan doktor lah, doktor pakar kita. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi didapati bahawa penyakit payudara ini memang ada berkaitan dengan soal genetik, soal keturunan itu juga yang menjadi faktor. Selain daripada itu ialah soal yang berkaitan dengan perjalanan hormon dalam badan. Makanan saya rasa ini belum dapat dipastikan lagi tetapi ini adalah dua perkara yang penting iaitu satu soal yang berkaitan dengan genetik, yang kedua soal yang berkaitan dengan hormon di dalam badan wanita dan sebagainya terutama misal kata mereka yang dikatakan lebih terdedah kalau mereka itu kurang menyusukan bayi dan sebagainya.

Ini beberapa perkara di antara perkara-perkara yang daripada kajian telah didapati dan banyak lagi perkara-perkara lain yang sedang dikaji tentang penyebab kepada penyakit ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa soal yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat di Gombak yang tinggal di Parlimen Gombak.

■ 1710

Pertama ialah soal isu banjir iaitu banjir di dua taman yang sudah berlaku lebih daripada 20 tahun Tuan Yang di-Pertua, iaitu taman Gombak dan satu lagi di Greenwood. Kita harap ada penyelesaian daripada Jabatan Alam Sekitar yang begitu lama iaitu koordinasi daripada beberapa kementerian dan juga kerajaan tempatan yang mana masalah itu masih lagi menghantui masyarakat di situ.

Kedua ialah saya hendak bawa soal masalah-masalah asas, perkara-perkara asas yang berlaku di Parlimen saya, kawasan saya. Didapati bahawa ada satu kampung iaitu yang mana namanya Kampung Sungai Pusu yang mana pada awal tahun 2004 diberhentikan perkhidmatan bas. Jadi kita pun kurang faham apa sebab perkara ini diberhentikan dan apabila diberhentikan perkhidmatan ini, sampai hari ini mereka tidak mempunyai perkhidmatan bas. Ini adalah merupakan satu kampung tradisional yang mana tidak semua rakyat di situ yang mampu membeli kenderaan. Sudah beberapa kali kita memohon agar perkara mengadakan

pengangkutan awam ini penting kerana anak-anak hendak pergi sekolah dan juga ada di antara mereka itu yang memerlukan perkhidmatan bas untuk ke tempat-tempat penting, ke rumah sakit dan sebagainya. Saya harap ini dapat juga dilihat.

Saya harap juga dilihat tentang beberapa perkampungan iaitu perkampungan Orang Asli di Kemensah dan juga perkampungan orang asli di Batu 16, Gombak. Satu tadi dikata perkampungan Orang Asli di Kampung Kemensah, dan perkampungan Orang Asli di Batu 16 Gombak yang masih lagi perbincangan demi perbincangan untuk memberi bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan ini.

Jadi, saya rasa Gombak sebagai yang kita katakan sekarang termasuk dalam Lembah Klang, saya harap perkara-perkara asas ini tidak seharusnya lagi menjadi rungutan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

5.12 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Sempena 50 tahun merdeka ini, Sabak Bernam ingin mengutarakan beberapa perkara. Pertama ialah ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana di Sabak Bernam salah satu daripada aktiviti yang sekarang ini bergerak cergas ialah Homestay di mana masyarakat daripada luar negara sampai ataupun selalu datang ke Sabak Bernam dan hampir keseluruhannya memuji-muji tentang negara kita.

Jadi sebenarnya tidak ada sebab untuk kita tidak boleh ataupun tidak berbangga dengan apa yang ada dalam negara kita. Kita bersetuju di sana-sini, ada kelemahan dan kekurangan. Kita harus menjadi pihak yang secara berhemah membantu pihak kerajaan untuk memastikan bahawa pengurusan negara kita akan menjadi lebih baik. Dalam konteks ini Sabak Bernam yang rakyatnya ramai yang terdiri daripada para petani dan nelayan, meminta supaya pihak kerajaan lebih serius dalam membantu rakyat meningkatkan pendapatan mereka.

Saya lihat ada beberapa fokus yang cuba diberikan, umpamanya kepada padi dan kelapa. Namun, saya telah pun memberitahu pihak kerajaan bahawa walaupun satu hektar tanah padi itu boleh menghasilkan 10 tan, di mana di banyak tempat memang tidak boleh dapat, tidak boleh capai, tetapi saya ingin mengulang lagi sekali, walaupun boleh dapat 10 tan satu hektar pendapatan mereka bukan ataupun tak sampai seribu ringgit sebulan. Begitu juga dengan kelapa kering, kelapa kopra ini. Di mana pihak kerajaan ingin memperkenalkan, ataupun meningkatkan lagi perusahaan itu, tetapi kita juga ingin memperingatkan bahawa di Sabak Bernam sekarang, walaupun seseorang itu memiliki tanah 5 ekar ataupun 1.5 hektar, pendapatan mereka tidak sampai seribu sebulan. Di zaman ini, kalaulah ini terus berlaku, saya rasa rakyat akan mempersoalkan pembangunan fizikal yang begitu jelas.

Sebenarnya dalam konteks komunikasi, jalan raya dan seumpamanya cukup bagus, tetapi pendapatan rakyat tetap sama. Malah dari segi nilai dia semakin rendah. Oleh kerana itulah Sabak Bernam ingin mengulangi supaya pihak kerajaan memperkenalkan perusahaan untuk memberikan pendapatan sampingan kepada rakyat. Sabak Bernam mengambil contoh beberapa usaha yang sedang dijalankan oleh pihak swasta dan persendirian.

Umpamanya menternak ikan keli dalam kanvas; dengan 10 kanvas dengan 20,000 ekor benih ikan keli, maka pendapatan mereka boleh bertambah lebih seribu lima ratus ringgit sebulan. Begitu juga tanaman seperti vanila, begitu juga tanaman seperti yang terkini Insya-Allah Sabak Bernam akan ada MOU dengan satu syarikat pada 6 hari bulan yang meminta supaya Sabak Bernam menanam sehingga 100 ekar kawasan untuk serai, dengan pendapatan daripada satu ekar dalam dua ribu ringgit sebulan.

Jadi, dalam konteks ini Sabak Bernam ingin pihak kerajaan memberikan perhatian yang lebih serius, supaya pendapatan petani dan nelayan di kampung ataupun di luar bandar khususnya diberikan perhatian secara khusus supaya mereka dapat bersama dalam arus pembangunan negara. Perkara yang kedua ialah isu pendidikan ataupun pelajaran yang telah disentuh oleh ramai daripada teman-teman kita di dalam Dewan Parlimen yang mulia ini.

Saya berharap supaya pihak Kementerian Pelajaran khususnya membuat satu kajian khusus sebelum ataupun apabila hendak memperkenalkan sesuatu agenda ataupun sesuatu perkara yang baru. Contoh yang disebut khususnya oleh saya rasa tadi Ayer Hitam mengenai guru terlibat dalam tuisyen. Saya sendiri sebenarnya sudah lama menyatakan bahawa, bagi saya tidak ada masalah untuk guru di luar daripada waktu sekolah untuk melaksanakan tuisyen. Bagi saya tidak ada masalah, tetapi yang lebih penting ialah guru itu sendiri mesti di peringkat sekolah..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat..

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: .. itu sendiri mesti *functional* dan jelas berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands, hendak bagi jalan?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Jadi kalau seseorang itu sudah jelas berkesan di sekolah, maka bagi saya tidak ada masalah untuk mereka ini melaksanakan tuisyen untuk melahirkan pelajar yang lebih baik daripada keadaan biasa. Silakan sahabat saya dari Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Sabak Bernam. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan isu tuisyen. Baru-baru ini rata-rata ada sungutan mengatakan bahawa apabila pihak penguat kuasa daripada jabatan pendidikan telah meronda rata-rata, maka banyak pelajar-

pelajar yang sedang sedia untuk peperiksaan tergugat persiapan mereka oleh kerana kelas-kelas ini terpaksa diberhentikan. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan?

Hal ini berlaku kerana sistem peperiksaan yang terlalu rigid di mana skema pemarkahan dan cara pemeriksaan kertas begitu jitu yang dirangka oleh kementerian untuk membantu guru-guru yang memeriksa kertas telah menjadikan situasi ini lebih tenat. Dari itulah apabila guru berkenaan tidak merupakan seorang pemeriksa kertas di sekolah berkenaan, pelajar-pelajar terpaksa bergantung kepada seorang guru yang pakar periksa kertas untuk mendapatkan liku-liku dan juga keperincian pemeriksaan untuk mendapat markah maksimum. Contohnya, B.M; Rumusan karangan, mesti ada empat komponen. Pengenalan mesti ada 2 markah, ada dua perkara perlu diberi. Saya ingat guru biasa tak mengajar. Dia ikut teks, buku teks. Maka ini perlu diselesaikan supaya guru tuisyen tidak bermaharajalela. Minta penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Cameron Highlands yang dia memang bijak menggunakan istilah-istilah pendidikan. Ini guru bermaharajalela dari segi tuisyen ini. Saya sebenarnya hendak meminta mungkin saudara Yang Berhormat *qualify*, tetapi dalam konteks jawapan saya, sebenarnya dalam konteks apa yang disebut permasalahan pendidikan pelajaran ini, kewajarannya supaya ada satu kajian. Satu kajian khusus sebelum satu-satu perkara itu saya kata, umpamanya diambil tindakan ataupun satu perkara baru diperkenalkan. Saya hendak khusus kepada apa yang disebut oleh Cameron Highlands.

Dari segi penilaian peperiksaan di dalam negara kita, sebenarnya pihak-pihak daripada luar negara menjadikan negara kita sebagai contoh. Sudah ada kesahan, kesahan dan kebolehpercayaan kepada sistem peperiksaan kita sama ada ia terlalu rigid ataupun mungkin mengkhusus kepada tertentu, saya ingat yang itu saya serahkan kepada profesional yang ada dalam Kementerian Pelajaran.

So, dalam konteks ini saya ingat saya tidak mahu berpolemik dengan mana-mana pihak tetapi lebih penting daripada itu saya hendak nyatakan tadi bahawa guru-guru itu sendiri harus di peringkat sekolah, dia berkesan.

■ 1720

Kalau dia di sekolah tidak berkesan, kemudian dia melaksanakan pula tuisyen dan kita tahu ada beberapa pihak, sebab kita pun ada membuat kajian bahawa menjadikan tuisyen itu bukan sebagai pendapatan tambahan, pendapatan dia daripada tuisyen itu lebih baik lagi daripada pendapatan dia daripada sekolah. Malah ada yang menyatakan bahawa saya di sekolah hanya lebih kurang 50% sahaja menjalankan tugas, kalau ini berlaku kita minta kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil tindakan yang khusus kepada orang-orang macam ini supaya mereka ini meletakkan jawatan, jangan jadikan anak-anak kita mangsa kepada mereka.

Sehubungan dengan perkara itu, dalam konteks kajian ini Sabak Bernam berharap supaya isu disiplin pelajar ini harus diambil perhatian yang lebih berat. Perkataan ponteng itu

ada dua maksud, satu ponteng sekolah, satu lagi ponteng kelas. Ramai di antara kita hanya memberikan perhatian kepada ponteng sekolah kerana mereka nampak jelas tidak datang ke sekolah, tetapi apa yang berlaku dengan ponteng kelas? Apabila ponteng kelas, ini kita biasa, ada murid-murid kita ataupun ramai murid-murid kita yang apabila guru tertentu yang hendak masuk maka mereka akan berasa bahawa ini akan membosankan dan mereka kemungkinannya ataupun biasanya tidak ada dalam kelas. Ini sebenarnya yang menjejaskan pelajaran anak-anak kita walaupun mereka berada di sekolah.

Oleh kerana itu dalam konteks ini kita lihat kajian telah pun dibuat bahawa ramai di antara pelajar-pelajar ini memang yang mudah dan dengan izin *boring* mendengar guru-guru ini mengajar dalam konteks biasa dan mereka ini lebih mirip kepada lebih minat kepada perkara-perkara yang praktikal. Oleh kerana itu Sabak Bernam berharap supaya MPV (mata pelajaran vokasional) dan mungkin sekolah vokasional harus ditimbulkan kembali supaya murid-murid yang minat kepada praktikal ini dapat diberikan perhatian dan mengelakkan mereka daripada melanggar disiplin.

Sehubungan ini Sabak Bernam pernah mencadangkan supaya permuafakatan PIBG dan masyarakat diperkasakan. Saya hendak katakan bahawa PIBG dan masyarakat kerana kita lihat PIBG di peringkat sekolah sahaja sebenarnya tidak begitu berkesan. Saya ingin mengambil contoh pelajar yang ponteng dari sekolah, kita berharap atau pihak sekolah sebenarnya mempunyai sistem di mana menjelang pukul 7:30 ataupun 8:00, maka pihak sekolah mengetahui semua pelajar yang tidak datang sekolah. Jadi kita ingin mencadangkan supaya pihak sekolah ada sistem di mana ibu bapa terus dihubungi serta-merta pada pukul 8:00 itu sama da melalui telefon secara terus ataupun kepada pemimpin masyarakat sama ada di kampung ataupun di taman itu. Jadi dengan cara itu maka, serta-merta pelajar yang ponteng sekolah ini dapat dikesan dan tidak timbul sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara di mana pelajar-pelajar kita ini akhirnya terjebak dalam gejala sosial yang sangat negatif. Tetapi kalau seseorang pelajar ini, kita kean sudah tidak bersekolah, enam bulan yang pertama sudah tidak bersekolah sebulan, maka di situlah bibit masalah besar akan beraku. Oleh kerana itu Sabak Bernam berharap supaya kajian yang khusus, tindakan yang khusus terhadap masalah pelajar ponteng kelas dan ponteng sekolah ini diberikan perhatian.

Yang paling akhir sekali Sabak Bernam ingin bertanya kepada pihak AADK dan pihak polis ataupun PDRM Jabatan Narkotik khususnya berkaitan data mengenai salah guna dadah yang sekarang ini kalau mengikut laporan daripada pihak AADK 50% berkurangan. Sebenarnya Sabak Bernam secara tegas ingin menyatakan bahawa Sabak Bernam tidak percaya tiba-tiba 50% data mengenai mereka yang terjebak dalam najis dadah ini berkurangan. Jadi oleh kerana itu Sabak Bernam berharap supaya sekali lagi dalam agenda untuk menangani masalah ini supaya AADK khususnya mendapatkan kerjasama daripada masyarakat, pemimpin masyarakat

di peringkat akar umbi. Adakanlah program bersama dengan ketua kampung ataupun dengan JKKK begitu juga di peringkat taman dengan jawatankuasa penduduk di situ. Adakan modul yang khusus supaya mereka ini dapat bertindak bersama kerana tidak memadai untuk kita menyatakan dari masa ke semasa supaya mereka ini rakyat, masyarakat menjadi mata dan telinga kerajaan.

Kalau mereka setakat menjadi mata melihat ada telinga mendengar selepas itu tidak memberikan apa-apa tindakan hanya kalau saya ambil di Sabak Bernam daripada gerai ke gerai cerita mengenai masalah ini bertambah, tetapi mereka sendiri tidak mengambil tindakan. Oleh kerana itu AADK boleh menjadi agensi yang khusus bersama dengan pihak PDRM, Narkotik dan PEMADAM khususnya di semua peringkat untuk memperkasakan agenda untuk memastikan bahawa najis dadah ini dapat di atasi dalam konteks yang sebenarnya.

Dalam konteks ini maka Sabak Bernam menyokong anggaran tambahan yang dicadangkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands.

5.25 ptg.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terpanggil saya untuk bahas anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama. Fokus kita yang perdana ini adalah pendidikan. Apabila kita kata modal insan, maka kita menjurus kepada fokus pendidikan. Maka negara telah banyak bersuara dan juga meletakkan dasar-dasar yang baik demi pengagihan kekayaan. Perdana Menteri telah mengilhamkan pembangunan zon dan wilayah di sebelah barat, utara, selatan, Sabah dan Sarawak. Maka saya memuji usaha-usaha meniti jurang antara kaya dan miskin. Maka kita jangan lupa bahawa dalam proses kita melihat satu perkara secara jasmaniah, saya juga diingatkan bahawa penindasan pendidikan merupakan satu agenda yang belum betul-betul dilihat secara mendalam. Maka ianya berlaku secara halus dan disuterakan dengan pengagihan pembangunan yang tidak seimbang antara bandar dan luar bandar.

Apabila kita lihat pendidikan, kita balik kepada Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang diilhamkan oleh Menteri Pelajaran kita dan kita lihat pendemokrasian pendidikan yang menjadi induk kepada sistem dan juga segala Dasar Pelajaran yang telah dirangka. Saya rasa saya tidak boleh bincang perkara ini secara terlalu menyeluruh Tuan Yang di-Pertua kerana apabila kita kata pendidikan, banyak kita kena bincang, banyak.

Saya fokus kepada satu seperti yang dikatakan tadi oleh saudara Yang Berhormat dari Sabak Bernam peperiksaan dan yang dikatakan oleh saudara dari Ayer Hitam Yang Berhormat Ir. Dr. Wee Ka Siong, saya sambung sedikit dengan perkara yang saya tanya tadi mengenai soal peperiksaan. Saya rasa baru-baru ini Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa beliau akan memulakan sekolah *cluster* di mana kita akan memberi autonomi kepada sekolah-sekolah untuk

merangka kurikulum dan kokurikulum dan juga penawaran kerja untuk guru-guru juga akan ditentukan oleh sekolah-sekolah berkenaan. Saya rasa ini satu yang cukup baik sekali, tetapi dari segi realitinya bolehkah dekat 200,000 guru yang menjadi tonggak kepada seluruh sistem sekolah boleh dileraikan untuk digantikan dengan sistem sebegini. Bersediakah rakyat untuk menerima pendemokrasian sebegini?

Maka dalam konteks ini saya balik kepada sistem peperiksaan yang sedia ada sekarang. Saya rasa saya balik kepada apa yang saya katakan tadi, penindasan antara bandar dan luar bandar. Secara halus iaitu antara guru yang mengajar di bandar dengan guru yang mengajar di luar bandar, serba daif. Ramai daripada penggubal-penggubal soalan berada di bandar dan di luar bandar kita kekurangan dari semua aspek, tuisyen, guru berupaya, guru cemerlang macam-macam. Saya rasa ini secara tidak langsung telah memberi kesan yang serius kepada golongan-golongan di luar bandar dan ini saya rasa satu penindasan, penindasan sama seperti penjajah, penjajah zaman British yang meletakkan segala pembangunan sekolah di bandar dan telah melupakan yang luar bandar, maka benda ini sedang berlaku secara halus.

Saya ingin meletakkan cabaran di hadapan pemimpin-pemimpin pelajaran bahawa sistem yang sedia ada, peperiksaan sekarang perlu diubahsuai, dirombak semula. Semua peringkat dari UPSR sampai ke peringkat atasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Puteh Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tertarik tadi hendak minta mencelah Cameron Highlands. Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk pembangkang. Saya hendak tanya ada lagi kah penjajahan secara fikiran penjajahan fizikal beres, tetapi fikiran ada lagi ke? Terutama saya tengok golongan pembangkang ada lagi penjajahan fikiran?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kita tidak perlu membuang masa berbicara mengenai manusia yang daif, kita teruskan dengan perkara yang saya katakan tadi. Memang ada, penindasan memang ada Yang Berhormat kerana saya rasa kita tahu benda itu di hadapan mata kita. Saya bagi satu contoh kenapa ada 45% yang masih gagal di sekolah-sekolah Tamil dalam Bahasa Melayu dalam UPSR? Kenapa ada pelajar-pelajar India 40% gagal untuk mendapatkan kepujian di peringkat SPM? Maka di mana letaknya kekurangan ini? Kita kena kaji semula. Bahasa Malaysia telah didaulatkan 50 tahun kita meraikan kemerdekaan, tetapi tanda soal ditaburkan merata-rata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung besok boleh?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Boleh, hangat lagi Tuan Yang di-Pertua, esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada 15 minit lagi esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang